Dokumen Meja Terkawal
TD 8300

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
JALAN YONG SHOOK LIN
46675 PETALING JAYA

Tel : 03-79563544

PEMBERITAHUAN SEBUT HARGA

NO.TENDER : MBPJ/SH/K/176/2026

KERJA-KERJA MENAIKTARAF BUMBUNG DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DEWAN PJS 2D/11, PJS 2, PETALING JAYA SELANGOR UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar :-

i. LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM / CIDB)
- **a. PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PPK) DAN BERALAMAT DI NEGERI SELANGOR**
- **b. SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK)**

ii. BERDAFTAR DENGAN UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR (UPEN)

KELAS	:	**G3**
KATEGORI	:	**B, CE**
PENGKHUSUSAN	:	**B04, CE21**
HARGA DOKUMEN	:	**RM150.00**
TARIKH LAWATAN TAPAK / TARIKH JUAL	:	**17 OGOS 2026 (ISNIN)**
TARIKH TUTUP TAWARAN	:	**24 OGOS 2026 (ISNIN)**

QR LOKASI

Naskah meja tawaran boleh disemak di **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ** pada waktu pejabat dan boleh dimuat turun melalui laman sesawang ***https://tender.selangor.my.*** Pihak kontraktor **dikehendaki mendaftar secara atas talian di Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN)** untuk melancarkan proses pembelian dokumen. Bayaran dokumen tender tidak akan dikembalikan. Dokumen yang dibeli **hendaklah di bukukan/di dokumentasikan**. Pihak kontraktor juga diminta sentiasa mengemaskini maklumat syarikat (no. telefon/email) di dalam laman web ***https://tender.selangor.my.***

Dokumen Sebut harga hendaklah dilakri dan dimasukkan ke dalam peti tender / sebutharga yang disediakan di **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ pada tarikh tutup yang telah ditetapkan dan tidak lewat daripada Jam 12.00 tengahari**. Majlis Bandaraya ini tidak terikat bagi menerima tawaran sebutharga yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Semakan Sijil / Kehadiran Lawatan Tapak akan dibuat di Dewan PJS 2D/11 pada Jam 10.00 pagi – 11.00 pagi sahaja. (Sebarang kelewatan kehadiran tidak akan dipertimbangkan). Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran CIDB sahaja yang layak menghadiri lawatan tapak.

(Sr. HAJAH SALIZA BINTI MOHD MASRI) CQS, P.P.T
Ketua Penolong Pengarah (Perolehan)
Bahagian Perolehan
b.p Datuk Bandar Petaling Jaya

DOKUMEN TELAH DISEMAK SEMPURNA
Tarikh : 10/8/2026

Tarikh : **11 Ogos 2026**
Fail No : **Bhg. Aset, Jabatan Kejuruteraan**

Dokumen Meja Terkawal
TD 8300

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

DOKUMEN SEBUTHARGA

Tajuk Kerja : -

KERJA-KERJA MENAIKTARAF BUMBUNG DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI DEWAN PJS 2D/11, PJS 2, PETALING JAYA SELANGOR UNTUK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BAHAGIAN ASET
JABATAN KEJURUTERAAN
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dokumen Meja Terkawal

PERINGATAN PENTING – PERKARA BARU DALAM URUSAN PEROLEHAN

1. PEMBIDA WAJIB MENGEMUKAKAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE - TCC) SEMASA MENGEMUKAKAN TAWARAN (STATUS 'PATUH' DAN MASIH DALAM TEMPOH SAH LAKU)
   - Sila kepilkan sijil selepas muka surat pemberitahuan tender / sebut harga.

2. PEMBIDA ADALAH DIWAJIBKAN MENGISI MAKLUMAT BARU BERKAITAN PK 1.6 – INTEGRITI DALAM PEROLEHAN KERAJAAN SEMASA MENGEMUKAKAN TAWARAN.

   i) BORANG PEMBERITAHUAN PEMUNYA BENEFISIAL (*BENEFICIAL OWNERS – BO)* - LAMPIRAN 12

   ii) SURAT AKUAN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA *(SA)* – LAMPIRAN 13

Dokumen Meja Terkawal

CONTOH SENARAI SEMAKAN (BEKALAN/PERKHIDMATAN/KERJA)

Sila tandakan [/] Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga
1.	Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
3.	Salinan Sijil Akuan Pembuat Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)		
4.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
5.	Salinan Sijil Taraf Bumiputera Dari Pusat Khidmat Kontraktor (Kerja)		
6.	Salinan Sijil Pendaftaran Dari CIDB		
7.	Borang Tender/Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) dan Ditandatangani		
8.	Borang Maklumat Petender		
9.	Pematuhan Kepada Spesifikasi		
10.	Borang Penyerahan Contoh Dan Katalog (jika berkaitan)		
11.	Cadangan Penyelenggaraan/Penyenggaraan (jika perlu)		
12.	Senarai Kakitangan Teknikal (jika berkaitan)		

Dokumen Meja Terkawal

Bil.	Perkara/Dokumen	Untuk Di tanda Oleh Syarikat	Untuk Di tanda Oleh Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga
13.	Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir	☐	☐
14.	Lain-lain Sekiranya Ada	☐	☐

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT	UNTUK KEGUNAAN JABATAN
Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam Dokumen Tender/Sebut Harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar. Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:	Jawatankuasa Pembuka Tender/Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. ..... (jika ada). Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh: Tandatangan: Nama: Jawatan: Tarikh:

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN A

ARAHAN KEPADA PENYEBUTHARGA

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

ARAHAN KEPADA PEMBIDA
TENDER/SEBUT HARGA
(KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN)

A. TATACARA PELAWAAN

1.0 AM

1.1. Arahan Kepada Pembida ini, hendaklah menjadi sebahagian daripada Kontrak.

1.2 Pembida hendaklah membaca **Syarat-Syarat Membuat Tender/Sebut Harga** sebagaimana lampiran kepada Borang Tender/Sebut Harga/Lampiran Q.

2.0 PENJUALAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA SECARA ATAS TALIAN

2.1 Pembida hendaklah mengambil perhatian bahawa Dokumen Tender/Sebut Harga untuk projek ini akan dijual secara salinan lembut (*softcopy*) di atas talian.

2.2 Pembelian perlu dibuat melalui laman sesawang https://tender.selangor.my. Dokumen tanpa pembelian dari laman sesawang ini akan ditolak dan tidak dinilai.

3.0 TEMPOH SAH LAKU TENDER/SEBUT HARGA

TENDER	SEBUT HARGA
120 HARI	90 HARI

3.1 Tender/Sebut Harga hendaklah terus sah selama tempoh yang dinyatakan di atas dari tarikh akhir penyerahan Tender/Sebut Harga dan pembida tidak dibenarkan sama sekali menarik diri dalam tempoh tersebut. Pembida adalah diingatkan bahawa deposit Tender/Sebut harga tidak diperlukan. Seandainya pembida menarik diri di dalam tempoh sah laku Tender/Sebut Harga atau sebarang tempoh yang dilanjutkan atau enggan menerima Tender/Sebut harga setelah ditawarkan kepadanya, tindakan disiplin akan diambil terhadapnya di dalam pendaftaran pembida sebagai kontraktor dengan pihak kerajaan:

(a) akan digantung selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama;

(b) akan digantung selama lima (5) tahun bagi kesalahan kedua dan;

(c) akan dibatalkan bagi kesalahan berikutnya.

4.0 DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA

4.1 Pembida adalah bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan setiap Dokumen Tender/Sebut Harga yang dimuat turun adalah lengkap. Sekiranya terdapat apa-apa ketidaksempurnaan pada dokumen atau muka surat di dalam Dokumen Tender/Sebut Harga berkenaan berdasarkan semakan oleh pembida dengan Dokumen Meja Tender/Sebut Harga, adalah menjadi tanggungjawab

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

pembida untuk merujuk kepada **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya.**

4.2 Pembida adalah dikehendaki mengisi sepenuhnya perkara-perkara berikut yang menjadi sebahagian daripada Tender/Sebut Harga iaitu:

4.2.1 Borang Tender/Sebut Harga/Lampiran Q.

4.2.2 Senarai Kuantiti dengan setiap item dihargakan dan jumlah amaunnya yang membentuk harga Tender/Sebut Harga dipindahkan ke Ringkasan Tender/Sebut Harga dan Borang Tender/Sebut Harga/Lampiran Q.

4.2.3 Borang A (Maklumat Kewangan)

- Sekiranya pembida membuat pindaan terhadap maklumat yang dinyatakan, pembida wajib 'initial' pada pindaan tersebut.

4.2.4 Pembida adalah diwajibkan mengisi maklumat baru berkaitan **PK1.6 – Integriti Dalam Perolehan Kerajaan Semasa Mengemukakan Tawaran.**

i) Borang Pemberitahuan Pemunya Benefisial (*Beneficial Owners – Bo)* - Lampiran 12

ii) Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang Dan Buruh Paksa *(Sa)* – Lampiran 13

4.2.5 Surat Akuan Pembida

4.3 Kegagalan pihak pembida untuk menyerahkan sebarang dokumen seperti yang dinyatakan di atas boleh menyebabkan Tender/Sebut Harganya ditolak.

4.4 Dokumen yang dibeli hendaklah dibukukan / didokumentasikan. Sekiranya gagal, pembida boleh ditolak.

4.5 Sekiranya pembida mengemukakan dua tawaran harga, pihak Majlis berhak untuk menolak dan tidak menilai tawaran tersebut.

5.0 SENARAI KUANTITI/RINGKASAN HARGA/LAMPIRAN Q

5.1 Senarai Kuantiti/Ringkasan Harga/Lampiran Q hendaklah dihargakan dengan menggunakan **dakwat** yang kekal dan tidak luntur dan mudah dibaca dengan jelas. Jumlah amaun yang dihargakan di dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Harga/Lampiran Q hendaklah sama dengan amaun yang dinyatakan di dalam Borang Tender/Sebut Harga. Sekiranya maklumat ditaip dan dicetak, maklumat hendaklah jelas dan tiada sebarang kesilapan. Sekiranya terdapat kesilapan, pembida boleh ditolak dan tidak dinilai.

5.2 Sekiranya Pembida tidak menghargakan atau meletakkan tanda (-) pada mana-mana item di dalam Kerja Awalan/Senarai Kuantiti/Ringkasan Harga/Lampiran Q, nilai/kadar item tersebut adalah dianggap telah termasuk di dalam nilai/kadar bagi item-item lain di dalam dokumen tersebut.

5.3 Pembida yang berjaya hendaklah, dalam masa 14 hari apabila diminta oleh Pegawai Penguasa atau wakil Pegawai Penguasa bagi pihaknya mengemukakan

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

pecahan terperinci unit harga untuk sebarang item, kumpulan item atau semua item yang terkandung di dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Harga/Lampiran Q. Pecahan harga tersebut hendaklah mengandungi harga untuk buruh, bahan loji, peralatan dan sebagainya.

5.4 Tiada sebarang perubahan, tambahan atau nota yang tidak dibenarkan, boleh dibuat kepada Dokumen Tender/Sebut harga ini yang mengubah teks yang tercetak.

5.5 Pembida adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan dokumen yang dimuat turun adalah keseluruhan dokumen yang akan menjadi sebahagian dari Dokumen Tender/Sebut harga.

5.6 Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya pembida cuai dalam memastikan kesempurnaan dokumen yang perlu dimuat turun dan sebarang aduan berkaitan perkara ini tidak akan dilayan.

6.0 PERCANGGAHAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA

6.1 Sekiranya pembida mendapati ada percanggahan di antara Lukisan Tender/Sebut Harga, Senarai Kuantiti dan/atau Spesifikasi, pembida hendaklah dengan serta merta merujuk kepada **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya.**

6.2 Penyelesaian atau arahan tersebut hanya sah jika dibuat dalam bentuk Addenda secara rasmi seperti yang dinyatakan di dalam para 7 di bawah.

7.0 ADDENDA

7.1 Sebelum tarikh akhir bagi penyerahan Dokumen Tender/Sebut Harga, **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya** boleh mengeluarkan Addenda untuk menerangkan atau membetulkan sebahagian atau keseluruhan Dokumen Tender/Sebut Harga. Setiap Addenda yang dikeluarkan akan diedarkan kepada pembida dan menjadi sebahagian daripada Dokumen Tender/Sebut Harga.

7.2 Penerimaan setiap Addenda mestilah dimaklumkan melalui Borang Pengesahan Penerimaan Addenda yang disertakan bersama-sama Addenda. Pembida hendaklah mengembalikan Salinan Borang Pengesahan Penerimaan Addenda sebaik sahaja addenda diterima.

7.3 Addenda hendaklah dikemukakan bersama-sama Dokumen Tender/Sebut Harga. Kegagalan pembida berbuat demikian akan menyebabkan Dokumen Tender/Sebut Harga berkenaan **DITOLAK.**

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

8.0 DOKUMEN MEJA TENDER/SEBUT HARGA

8.1 Naskah lengkap Dokumen Meja Tender/Sebut Harga boleh dirujuk di:

Tempat : Bahagian Perolehan,
Jabatan Khidmat Pengurusan,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya,
Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah,
46200 Petaling Jaya,
SELANGOR DARUL EHSAN

Masa : Isnin hingga Khamis : 8.00 Pagi – 1.00 Petang
: 2.00 Petang – 5.00 Petang
Jumaat : 8.00 Pagi – 12.15 Petang
: 2.45 Petang – 5.00 Petang

8.2 Dokumen Meja Tender/Sebut Harga juga akan dipamerkan secara salinan lembut (*softcopy*) di atas talian iaitu melalui laman sesawang https://tender.selangor.my

8.3 Sekiranya berlaku percanggahan di antara salinan lembut (*softcopy*) yang dimuat turun dengan Dokumen Meja Tender/Sebut Harga yang disediakan dan dipamerkan secara salinan keras (*hardcopy*) di Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya, maklumat yang terkandung di dalam salinan keras (*hardcopy*) akan digunapakai dan addendum akan diedarkan kepada pembida.

8.4 Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya pembida cuai dalam memastikan kesempurnaan dokumen yang perlu dimuat turun dan sebarang aduan berkaitan perkara ini tidak akan dilayan.

9.0 LAWATAN TAPAK

9.1 Lawatan tapak adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam iklan Tender/Sebut Harga.

9.2 Jika dinyatakan lawatan tapak adalah **wajib,** pembida adalah diwajibkan untuk menghadiri lawatan tapak tersebut pada masa dan tempat yang telah ditetapkan. Kegagalan pembida untuk menghadiri lawatan tapak akan menyebabkan pembida gagal mamasuki tawaran.

9.3 Hanya penama dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Pusat Pendaftaran Kontraktor-Kontraktor Kerja, Bekalan Dan Perkhidmatan Negeri Sabah (PUKONSA) atau Unit Pendaftaran Kontraktor Dan Juru Perunding Sarawak (UPKJ) yang dibenarkan untuk menyertai lawatan tapak.

Dokumen Meja Terkawal

9.4 Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan Tender/Sebut Harga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

9.5 Pembida hendaklah melawat tapak, memeriksa spesifikasi dan pelan- pelan dengan teliti sebelum mengemukakan harga tawaran. Sekiranya timbul sebarang keraguan atau kekeliruan, pembida adalah dinasihatkan supaya berhubung terus dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

9.6 Pembida adalah dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan Tender/Sebut Harganya bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan lebihan akibat kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

10.0 PENYERAHAN TENDER/SEBUT HARGA

10.1 Dokumen Tender/Sebut Harga hendaklah dilengkapkan dan dimasukkan di dalam sampul serta dilakrikan tanpa meletakkan tanda pengenalan pembida pada bahagian luar sampul surat tersebut. Sampul surat yang berlakri tersebut hendaklah dicatatkan dengan nama projek dan dihantar sendiri dengan tangan atau melalui perkhidmatan kurier kepada peti Tender/Sebut Harga di **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya.**

10.2 Pembida adalah **diwajibkan** memuat turun, mengisi, melengkap, mencetak dan **Mengembalikan Secara Salinan Keras (*Hardcopy*)** Dokumen Tender/Sebut Harga.

10.3 Dokumen Tender/Sebut Harga hendaklah dicap dengan cap rasmi syarikat dan ditandatangani oleh Penama Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK Responsible Person – Penama SPKK)/Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) yang diberi kuasa untuk menandatangani kontrak bagi pihak pembida.

10.4 Pembida diminta untuk mengemukakan resit pembayaran dan diserahkan bersama Dokumen Tender/Sebut Harga sebelum atau pada tarikh tutup Tender/Sebut Harga yang telah ditetapkan.

11.0 PENGEMUKAAN DOKUMEN TENDER/SEBUT HARGA SECARA SERAHAN TANGAN.

11.1 Dokumen Tender/Sebut Harga perlu dijilid dalam bentuk salinan keras *(hardcopy)* sebelum dikemukakan secara serahan tangan di tempat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup Tender/Sebut Harga **selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari.**

11.2 Pembida tidak dibenarkan untuk meminda mana-mana kandungan Dokumen Tender/Sebut Harga yang dikemukakan. Mana-mana pembida yang didapati meminda kandungan Dokumen Tender/Sebut Harga boleh menyebabkan dokumennya akan ditolak.

Dokumen Meja Terkawal

11.3 Pembida yang mengemukakan Dokumen Tender/Sebut Harga secara serahan tangan perlu mematuhi Prosedur Operasi Piawai (Standard Operating Procedure – SOP) Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada sepanjang masa.

12.0 HARGA INDIKATIF JABATAN (HIJ)

12.1 Harga Indikatif Jabatan (HIJ) bagi Tender/Sebut Harga ini adalah seperti yang dinyatakan di dalam Senarai Kuantiti/Ringkasan Harga/Lampiran Q.

12.2 Harga Indikatif Jabatan ini merupakan suatu anggaran sahaja dan amaun tersebut tidak mengikat Majlis atau mana-mana pihak lain juga bagi maksud mengelakkan kekeliruan yang mungkin berbangkit.

12.3 Pihak Majlis tidak menjamin bahawa syarikat akan dipilih atau boleh menyiapkan kerja dengan bersandarkan Harga Indikatif Jabatan.

13.0 INTERPRETASI SECARA LISAN

13.1 Interpretasi secara lisan kepada mana-mana bahagian Dokumen Tender/Sebut Harga atas permintaan dan/atau diterima Pembida hendaklah tidak diambil kira sebagai membetulkan sebarang peruntukan dan syarat- syarat yang terkandung di dalam Dokumen Tender/Sebut Harga. Sebarang pemberitahuan atau pembetulan kepada mana-mana bahagian di dalam Dokumen Tender/Sebut Harga akan dibuat secara bertulis oleh **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya** di dalam bentuk Addenda seperti yang dinyatakan di dalam para 6 dan 7.

14.0 NOTIS KEPADA PEMBIDA

14.1 Setiap notis yang hendak diberi kepada pembida akan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)/Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)/Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sama ada melalui pos atau pos berdaftar atau pos laju atau serahan tangan atau e-mel. Kaedah pemberitahuan ini hendaklah disifatkan sebagai penyampaian notis yang sempurna.

15.0 BANTAHAN OLEH PEMBIDA

15.1 Bantahan rasmi secara bertulis yang disertai dengan butir-butir lengkap berkaitan dengan Dokumen Tender/Sebut Harga, Spesifikasi, Lukisan dan/atau Senarai Kuantiti yang menjurus kepada sesuatu jenama (jenis) tertentu boleh dibuat oleh pembida dalam tempoh empat belas (14) hari dari tarikh dokumen Tender/Sebut Harga dijual. Bantahan yang diterima selepas tempoh tersebut tidak akan dipertimbangkan. Bantahan hendaklah dialamatkan kepada **Bahagian Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Tingkat 3, Menara MBPJ, Jalan Tengah, 46200 Petaling Jaya.**

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

16.0 PERUBAHAN DAN PELANJUTAN TEMPOH KONTRAK

16.1 Pelawaan Tender/Sebut Harga ini boleh dipertimbangkan perubahan dan pelanjutan tempoh kontrak tidak melebihi 50% daripada nilai kontrak asal dan/atau maksimum dua (2) tahun tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuat kuasa.

17.0 PEMERIKSAAN

17.1 Majlis berhak melantik seorang pegawai untuk memeriksa dan menguji semua barang bekalan yang dibekalkan pada bila-bila masa. Majlis adalah bertangggungjawab memastikan bekalan yang diterima adalah sama/lebih baik seperti spesifikasi pada kontrak/pesanan. Jika terdapat kerosakan/kekurangan, Pembida hendaklah menggantikan jumlah yang rosak/kurang itu dalam tempoh yang ditetapkan dalam kontrak yang dimeterai tanpa sebarang tambahan kos.

17.2 Pembida hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki oleh Majlis. Semua perbelanjaan untuk memeriksa dan menguji ini hendaklah ditanggung oleh pembida.

18.0 PERBELANJAAN PENYEDIAAN CADANGAN TAWARAN

18.1 Semua perbelanjaan bagi penyediaan cadangan tawaran ini hendaklah ditanggung oleh pembida sendiri.

19.0 PINDAAN

19.1 Majlis berhak meminda atau membatalkan mana-mana dokumen yang membentuk sebahagian daripada pelawaan Tender/Sebut Harga ini, pada bila-bila masa tanpa memberi notis terlebih dahulu. Sekiranya pelawaan Tender/Sebut Harga ini dikeluarkan semula, maka semua Pembida akan dimaklumkan sewajarnya.

20.0 PEMBATALAN PELAWAAN

20.1 Majlis berhak untuk membatalkan mana-mana pelawaan yang telah diiklankan pada bila-bila masa. Sebarang kos yang terpaksa ditanggung oleh pembida kerana pembatalan ini adalah menjadi tanggungjawab pembida.

21.0 KOS TENDER/SEBUT HARGA

21.1 Majlis tidak akan dipertanggungjawabkan untuk atau membayar apa-apa kos atau perbelanjaan atau kerugian yang dialami oleh pembida di dalam penyediaan atau penghantaran Tender/Sebut Harga beliau.

22.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH

22.1 Semua pembida adalah diingatkan supaya tidak terlibat dalam aktiviti jenayah rasuah berkaitan dengan perolehan ini. Sehubungan dengan itu, para pembida diberi peringatan seperti berikut :

22.1.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau

Dokumen Meja Terkawal

memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

22.1.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawar atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

22.1.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

22.1.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

23.0 IKLAN

23.1 Pembida tidak dibenarkan menyiarkan sebarang maklumat mengenai Tender/Sebut Harga di dalam sebarang akhbar, majalah atau alat pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telahpun dihantar kepada dan diluluskan oleh Majlis terlebih dahulu.

24.0 PENERIMAAN ATAU PENOLAKAN TENDER/SEBUT HARGA

24.1 Majlis berhak untuk menolak mana-mana atau keseluruhan Tender/Sebut Harga. Mana-mana Tender/Sebut Harga yang tidak lengkap, tidak jelas atau tidak mematuhi arahan, tidak akan dipertimbangkan.

24.2 Pihak Majlis adalah tidak terikat untuk menyetujuterima Tender/Sebut Harga terendah atau sebarang Tender/Sebut Harga, dan juga tidak perlu memberikan sebarang alasan terhadap mana- mana Tender/Sebut Harga yang ditolak.

Dokumen Meja Terkawal

25.0 TARIKH MEMULAKAN KERJA

25.1 Pembida hendaklah mengambil perhatian bahawa kerja-kerja hendaklah dimulakan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh milik tapak yang ditetapkan dalam Surat Setujuterima Tender/Sebut Harga. Maksud memulakan kerja ialah memulakan kerja-kerja awalan tapak seperti membekal peralatan dan bahan-bahan binaan, meratakan tanah, membina pejabat tapak serta mendapat kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan air dan kerja-kerja awalan lain yang dijelaskan dalam Dokumen Tender/Sebut Harga. Sekiranya pembida gagal berbuat demikian, kontrak akan ditamatkan sejajar dengan Fasal 51.1(a)(i) Syarat-syarat Kontrak.

26.0 BON PELAKSANAAN

26.1 Bon Pelaksanaan adalah suatu akujanji tidak bersyarat oleh sesuatu institusi kewangan yang diluluskan oleh Kerajaan untuk membayar kepada Kerajaan suatu amaun tertentu atas tuntutan Kerajaan sekiranya syarikat tidak atau gagal mematuhi dan melaksanakan obligasinya di bawah kontrak.

26.2 Pembida yang berjaya hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak sebelum memulakan kerja. Pembida dikehendaki menggunakan format Bon Pelaksanaan seperti yang dilampirkan tanpa sebarang pindaan.

26.3 Sekiranya kaedah Wang Jaminan Pelaksanaan dipilih/dikenakan, potongan sebanyak sepuluh peratus (10%) daripada bayaran kemajuan pertama dan seterusnya akan dikenakan sehingga ia mencapai jumlah lima peratus (5%) daripada Jumlah Harga Kontrak.

26.4 Pembida yang berjaya hendaklah memastikan Bon Pelaksanaan sentiasa sah dan berkuatkuasa dalam tempoh yang ditetapkan. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan adalah berdasarkan nilai projek seperti berikut:

Nilai Projek	Tempoh Sah Laku Bon Pelaksanaan
Kos Projek sehingga RM10 Juta	• Dari tarikh kuat kuasa kontrak sehingga 12 bulan selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) • Format Majlis

26.5 Pembida diingatkan untuk mengambil kira tempoh sah laku Bon Pelaksanaan mengikut nilai projek semasa menghargakan Tender/Sebut harga. Sebarang rayuan akibat kegagalan kontraktor untuk mengambil kira tempoh sah laku Bon Pelaksanaan semasa menghargakan Tender/Sebut Harga tidak akan dilayan.

Dokumen Meja Terkawal

27.0 SIJIL SCORE LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM)

27.1 Pembida dikehendaki mengemukakan Salinan Sijil SCORE dari LPIPM yang masih sah pada tarikh tutup Tender/Sebut Harga (tidak lebih satu (1) tahun dari tarikh sijil dikeluarkan) dengan minimum dua (2) bintang terutama kepada pembida yang menawarkan harga Tender/Sebut Harga di bawah paras Harga *Cut-Off*.

28.0 MEMATUHI AKTA LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (LPIPM) 1994 (Akta 520)

28.1 Pembida yang berjaya bagi semua Tender/Sebut Harga yang bernilai melebihi RM 500,000.00 akan dikenakan levi sebanyak perpuluhan satu dua lima peratus (0.125%) daripada nilai harga kontrak seperti yang ditetapkan di bawah seksyen 34(2) Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM) 1994 (Akta 520). Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab pembida yang berjaya untuk membuat bayaran levi kepada pihak LPIPM.

29.0 PEMATUHAN AKTA 342 DAN NORMA BAHARU DALAM SEKTOR PEMBINAAN DAN DALAM MENANGANI EPIDEMIK DAN PANDEMIK COVID 19

29.1 Pembida yang berjaya dikehendaki mematuhi Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan semua Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang berkaitan dalam menangani Epidemik dan Pandemik seperti wabak Covid 19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia, CIDB dan MBPJ.

29.2 Pembida dikehendaki mengambilkira dalam harga Tender/Sebut Harga untuk pematuhan perkara 28.1.

29.3 Kegagalan mematuhi Akta, Garis Panduan dan Prosedur Operasi Piawai yang telah ditetapkan menyebabkan tindakan boleh diambil oleh agensi-agensi yang berkenaan dan sebarang tuntutan akibat tindakan ini tidak akan dipertimbangkan.

30.0 PELARASAN HARGA DAN KADAR HARGA

30.1 Ringkasan Tender/Sebut Harga dan/atau Jadual Kadar Harga akan diteliti dan diselaraskan oleh Majlis untuk memastikan kemunasabahannya, sebelum Tender/Sebut Harga disetujuterima sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Fasal 26 Syarat- syarat Kontrak JKR 203A. Harga dan kadar harga yang diselaraskan hendaklah tidak mengubah jumlah keseluruhan harga di Borang Tender/Sebut Harga.

31.0 KEPUTUSAN TENDER/SEBUT HARGA ADALAH MUKTAMAD

31.1 Majlis tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran dari pembida - pembida. Keputusan mengenai Tender/Sebut Harga yang dikeluarkan adalah muktamad. Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Tender/Sebut Harga tidak akan dilayan.

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

32.0 PENGEMUKAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE – TCC)

32.1 **Sijil Pematuhan Cukai *(Tax Compliance Certificate – TCC)*** adalah merupakan sijil akuan status pematuhan pembayar cukai yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) sebagai dokumen prasyarat bagi tujuan perolehan Kerajaan.

32.2 Pembida **WAJIB** mengemukakan TCC bersama-sama Dokumen Tender/Sebut Harga semasa mengemukakan tawaran sepertimana kaedah penyerahan tawaran Tender/Sebut Harga yang ditetapkan.

32.3 TCC adalah **DOKUMEN WAJIB** kelayakan asas Tender/Sebut Harga. Pembida yang tidak mengemukakan TCC atau mengemukakan TCC berstatus **'Tidak Patuh'** / TCC yang tidak sah, akan dinilai sebagai **'Gagal'** mengemukakan dokumen wajib dan tidak layak dinilai untuk peringkat seterusnya.

32.4 Bagi Tender/Sebut Harga yang disertai oleh beberapa syarikat tempatan secara usahasama, kesemua syarikat hendaklah mengemukakan TCC dengan status **'Patuh'** dan masih dalam tempoh sah laku semasa mengemukakan tawaran.

32.5 Tiada sebarang pengecualian ke atas pengemukaan TCC termasuklah pembida yang berada di zon perdagangan bebas atau zon perindustrian bebas seperti ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Zon Bebas 1990.

32.6 Pengemukaan TCC juga diwajibkan kepada pembida dari negara ahli Perjanjian Perdagangan Bebas (*Free Trade Agreement* – FTA) yang menyertai perolehan kerja Kerajaan. Sebarang pengecualian melibatkan perkara ini hendaklah dirujuk kepada pihak LHDN.

32.7 Pembida boleh membuat semakan dan cetakan TCC secara kendiri melalui menu Status *MyTax* di Portal *MyTax* iaitu https://mytax.hasil.gov.my. Portal *MyTax* boleh diakses menggunakan nombor kad pengenalan / pasport dan kata laluan sepertimana pembayar cukai mendaftar masuk bagi tujuan pengemukaan Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP) melalui aplikasi e-Filing.

32.8 Sekiranya pembida belum mempunyai Nombor Pengenalan Cukai atau *Tax Identification Number* (TIN), pendaftaran boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi e-Daftar di Portal *MyTax*.

32.9 Pembida boleh mendapatkan maklumat lanjut atau terus ke LHDN bagi tujuan dan maksud TCC ini. Ketidak patuhan pembida untuk mengemukakan TCC akan menyebabkan tawaran pembida tidak dinilai.

Dokumen Meja Terkawal

33.0 PENGEMUKAAN PENGISYTIHARAN PEMUNYA BENEFISIAL (BENEFICIAL OWNERS – BO) DAN SURAT AKAUN SYARIKAT DALAM MENANGANI JENAYAH PEMERDAGANGAN ORANG DAN BURUH PAKSA (SA)

33.1 Pekeliling Perbendaharaan / Perolehan Kerajaan 1.6 telah dikemaskini selaras dengan peruntukan perundangan di bawah Akta Syarikat (pindaan) 2024 (Akta A1701) dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670).

33.1.1 Akta Syarikat (pindaan) 2024 (Akta A1701)

33.1.1.1 Akta A1701 yang diwartakan pada 2 Februari 2024 telah mewajibkan setiap syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengisytihar Pemunya Benefisial (*Beneficial Owners* – BO) bagi memerangi aktiviti-aktiviti pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan, rasuah dan pengelakan cukai perniagaan di Malaysia.

33.1.1.2 Tafsiran dan kriteria BO boleh dirujuk kepada *Guideline For The Reporting Framework For Beneficial Ownership Of Legal Persons* yang boleh dimuat turun dari laman sesawang SSM iaitu www.ssm.com.my.

33.1.1.3 Pembida hendaklah melaksanakan pengisytiharan BO dengan mengemukakan Borang Pengisytiharan BO seperti di **Lampiran 12** untuk menyertai perolehan Kerajaan yang dinilai melebihi RM50 ribu.

33.1.1.4 Pembida hendaklah memastikan BO diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan bersama dokumen tawaran Tender/Sebut Harga secara manual sepertimana yang telah ditetapkan.

33.1.1.5 Kegagalan pembida untuk mengemukakan BO akan menyebabkan Tender/Sebut Harga yang disertai ditolak.

33.1.2 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 (Akta 670)

33.1.2.1 Selaras dengan Akta 670, satu akuan atau pengisytiharan oleh pembida perlu dilaksanakan bagi meningkatkan

Dokumen Meja Terkawal

kesedaran tentang hak pekerja, perlindungan dan akses kepada remedi.

33.1.2.2 Pembida yang menyertai perolehan Kerajaan adalah diwajibkan untuk menandatangani Surat Akuan Syarikat Dalam Menangani Jenayah Permedagangan Orang Dan Buruh Paksa (SA) seperti di **Lampiran 13.**

33.1.2.3 Pembida hendaklah memastikan SA diisi dengan lengkap, ditandatangani dan dikemukakan bersama dokumen tawaran Tender/Sebut Harga secara manual sepertimana yang telah ditetapkan.

33.1.2.4 Kegagalan pembida untuk mengemukakan SA akan menyebabkan Tender/Sebut Harga yang disertai ditolak.

33.2 Bagi Tender/Sebut Harga yang disertai oleh beberapa syarikat yang berdaftar dengan SSM secara usahasama, kesemua syarikat hendaklah mengemukakan BO dan SA semasa mengemukakan tawaran.

34.0 AKTIVITI KARTEL

34.1 Pembida dilarang keras daripada terlibat dalam sebarang aktiviti yang boleh dianggap sebagai amalan kartel, termasuk tetapi tidak terhad kepada;

- Penetapan harga secara bersama antara pembida.
- Pembahagian pasaran atau pelanggan secara kolektif.
- Pemboikotan bersama terhadap mana-mana pembida lain.
- Pertukaran maklumat sensitif yang boleh menjejaskan persaingan.

34.2 Jika didapati mana-mana pembida melanggar arahan ini, tindakan berikut boleh diambil:

- Pembatalan penyertaan dalam Tender/Sebut Harga serta-merta.
- Penyenaraian hitam daripada menyertai sebarang Tender/Sebut Harga MBPJ untuk tempoh yang ditetapkan.
- Pelaporan kepada pihak berkuasa berkaitan, seperti Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), untuk tindakan lanjut.

34.3 Pembida atau mana-mana pihak yang mempunyai maklumat mengenai aktiviti kartel digalakkan untuk melaporkan melalui saluran berikut:

- Emel : aduan@mbpj.gov.my
- Hotline : (03-7954 2020) Tel: (03-7954 2020)

Dokumen Meja Terkawal

35.0 PELAKSANAAN *INTEGRITY PACT* DALAM PEROLEHAN KERAJAAN

35.1 Pembida wajib mengemukakan **Surat Akuan Pembida** (**Lampiran 6)** bersama-sama dengan Dokumen Tender/Sebut Harga di mana pembida membuat perjanjian untuk tidak akan menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam Tender/Sebut Harga tersebut. Surat Akuan Pembida ini hendaklah dilengkapkan dan ditandatangani oleh Pegawai Syarikat yang ditauliahkan.

35.2 Surat Akuan Pembida tersebut adalah menjadi salah satu dokumen **wajib** dalam penilaian Tender/Sebut Harga peringkat pertama. Sekiranya pembida gagal mengemukakan Surat Akuan Pembida yang telah dilengkapkan dan ditandatangani dengan sempurna, pembida tersebut akan dinilai sebagai gagal dalam penilaian peringkat pertama dan penilaian seterusnya tidak akan dilaksanakan.

35.3 Pembida yang berjaya wajib mengemukakan dan menandatangani **Surat Akuan Pembida Berjaya** beserta dengan Surat Setuju Terima yang telah ditandatangani di mana ia berjanji tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Surat Akuan ini akan menjadi sebahagian daripada Dokumen Kontrak.

36.0 LARANGAN PEMINDAHAN EKUITI SYARIKAT SEPANJANG TEMPOH KONTRAK

36.1 Pembida yang berjaya dipilih bagi perolehan ini tidak boleh memindahkan milik ekuiti syarikat sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa kecuali mendapat kelulusan bertulis dari Majlis terlebih dahulu.

Dokumen Meja Terkawal

37.0 DOKUMEN PERJANJIAN

37.1 Pembida perlu menandatangani perjanjian penyewaan dengan Majlis, syarat – syarat seperti di atas akan menjadi sebahagian daripada syarat perjanjian.

37.2 Pembida yang berjaya hendaklah menjelaskan bayaran duit setem dan caj Perjanjian yang ditetapkan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya ke atas harga kontrak keseluruhan tidak termasuk cukai jualan dan perkhidmatan mengikut formula Kadar Caj Perjanjian yang disediakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya seperti jadual berikut:

Bil	Nilai Kontrak (RM)	Caj	
		Perjanjian Utama	Perjanjian Lanjutan
1.	< RM50,000	RM500	RM250
2.	RM50,001 - RM100,000	RM1,000	RM500
3.	RM100,001 - RM300,000	RM2,000	RM1,000
4.	RM300,001 - RM500,000	RM3,000	RM1,500
5.	RM500,001 - RM1,000,000	RM5,000	RM2,500
6.	RM1,000,001 dan keatas	RM8,000.00 atau 0.5% (mana-mana yang lebih tinggi tetapi tidak melebihi RM10,000)	RM4,000.00 atau 0.5% (mana-mana yang lebih tinggi tetapi tidak melebihi RM5,000.00)
Panel peguam boleh dilantik bagi kontrak yang mempunyai nilai sangat tinggi dan berisiko			

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

(A) CONTOH DENDA BAGI KONTRAK BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Bil	Kontrak	Jenis Denda
1.	Bekalan (cth: peralatan akademik, peralatan sukan, alat ganti ICT, *toner* pencetak, kertas A4, dll)	**Lewat Pembekalan** • Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat mengikut formula berikut : $\frac{V\,(T + D)}{T} \times 5\%$ V: Nilai harga peralatan yang lewat dibekalkan; T: Tempoh bekalan mengikut kontrak dalam hari; dan D: Bilangan hari yang lewat.
2.	Bekalan (cth: peralatan akademik, peralatan sukan, alat ganti ICT, *toner* pencetak, kertas A4, dll)	**Rendah kualiti/tidak memenuhi spesifikasi** • Setelah penerimaan peralatan sempurna dan didapati peralatan rendah kualiti daripada spesifikasi, Majlis boleh meminta syarikat menggantikan peralatan tersebut dalam tempoh yang ditetapkan oleh Majlis. • Majlis akan mengenakan denda sebanyak 1% daripada harga peralatan itu pada setiap 7 hari bekerja kelewatan tetapi tidak melebihi 5% daripada harga peralatan tersebut.

Dokumen Meja Terkawal

Bil	Kontrak	Jenis Denda
3.	Bekalan (bahan mentah, basah dan kering)	**Gagal Membuat Pembekalan** • Bagi barang-barang makanan yang tidak diserahkan setelah dipesan, Majlis berhak membeli daripada punca lain dan syarikat hendaklah membayar kos perbelanjaan memperolehi barang-barang makanan yang lebih daripada harga di dalam Perjanjian ini dan Majlis juga boleh mengenakan denda sebanyak 10% dari nilai barang-barang makanan yang dipesan itu atau RM500 mengikut mana yang kurang.
4.	Perkhidmatan (cth: sewaan peralatan ICT)	**Lewat Menyediakan Perkhidmatan** • Jika syarikat lewat menyerahkan peralatan dalam tempoh masa yang ditetapkan, Majlis boleh menerima peralatan tersebut dan mengenakan bayaran berdenda kepada syarikat sehingga peralatan tersebut sedia untuk digunakan di premis yang ditentukan oleh Majlis seperti formula denda berikut: A x B x C x 1% A : Nilai sewaan peralatan sebulan. B : Bilangan hari yang lewat. C : Bilangan peralatan.
5.	Perkhidmatan (cth: sewaan peralatan ICT)	**Lewat Sewaan** • Setelah penerimaan peralatan sempurna dalam tempoh sewaan, Majlis berhak mengenakan denda sebanyak 1% daripada nilai Sewa Peralatan bagi setiap satu hari Majlis tidak dapat menggunakan peralatan untuk tujuan disewa.

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

(B) CONTOH LAD BAGI KONTRAK KERJA, BEKALAN DAN PERKHIDMATAN

Bil	Kontrak	Jenis Denda
1.	Bekalan dan Perkhidmatan ICT	**Gagal Menyempurnakan Bekalan/ Perkhidmatan** • Sekiranya syarikat gagal menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang telah ditetapkan dalam tempoh kontrak yang dipersetujui, maka syarikat dikehendaki membayar denda dalam tempoh 30 hari setelah menerima notis denda daripada Kerajaan dengan menggunakan formula berikut: (BLR + 1%) x (Nilai Kontrak / 365) x (bilangan hari lewat)
2.	Kerja	• Peratusan LAD = BLR setahun / 365 hari • Di mana: BLR setahun = 'Base Landing Rate' yang dikeluarkan oleh mana-mana bank perdagangan. • Contoh Perkiraan: - BLR = katakan 10.0% setahun - Peratusan denda ganti rugi : 10% / 365 hari = 0.0273% sehari - kadar LAD sehari = (0.0273% x nilai kontrak)

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

(C) CONTOH TOLAKAN BAGI KONTRAK PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN

Bil	Kontrak	Jenis Denda
1.	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	**Gagal Menyediakan Perkhidmatan** • Syarikat gagal menempatkan Pengawal Keselamatan di premis pada satu-satu masa • Kadar Hari Sejam x Bil. Pengawal Tidak Hadir x Bil. Hari / Jam Ketiadaan Pengawal Keselamatan
2.	Perkhidmatan Kawalan Keselamatan	• Pengawal Keselamatan tidak menjalankan rondaan dan clocking (termasuk kelewatan melaksanakan rondaan dan clocking) di tempat-tempat yang telah ditetapkan di bawah Perjanjian • Bil. Kegagalan * x (20% x Kadar Hari Sejam) *Bil. Kegagalan = Bil. Clocking Rondaan x Kekerapan Rondaan

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BORANG A - SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PEMBIDA

Nama Pembida : .....

Alamat : .....
.....
.....

Kepada,

DATUK BANDAR PETALING JAYA,
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA,
JALAN YONG SHOOK LIN ,
46675 PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN.

Tuan,

Maklumat Latar Belakang, Kewangan Dan Teknikal Pembida

1. Kami akan membaca dengan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Pembida termasuk arahan yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai perkara di atas bersama-sama Dokumen Tender/Sebut Harga kami semasa mengemukakan Dokumen Tender/Sebut Harga ini untuk membolehkan MBPJ menilai keupayaan kami untuk melaksanakan Kerja/Bekalan/Perkhidmatan yang di Tender/Sebut Harga semasa penilaian Tender/Sebut Harga.

2. Kami faham dan mengambil maklum bahawa penilaian Tender/Sebut Harga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan Kerja/Bekalan/Perkhidmatan yang di Tender/Sebut Harga. Justeru itu Tender/Sebut Harga kami akan hanya dipertimbangkan untuk diperakukan kepada Lembaga Tender/Sebut Harga untuk disetuju terima sekiranya kami didapati berkeupayaan untuk melaksanakan projek yang disebut harga mengikut penilaian MBPJ berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.

3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semula maklumat- maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta bersama-sama Tender/Sebut Harga kami sebelum Tender/Sebut Harga ditutup dan maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambil kira dalam penilaian keupayaan kami.

4. Kami mengaku bahawa maklumat-maklumat dan data-data yang kami berikan bersama-sama ini di dan dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh MBPJ terhadap kami dan/atau Tender/Sebut Harga kami sekiranya mana-mana maklumat, data-data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar atau palsu.

5. Kami juga mengambil maklum dan sedar bahawa Tender/Sebut Harga kami akan ditolak (disqualified) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk memberikan bersama-sama ini mana-mana maklumat dan/atau menyertakan mana-mana dokumen penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan MBPJ menilai keupayaan kami terutamanya dokumen-dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja semasa kami seperti berikut : -

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

(1) Salinan Akaun Syarikat yang telah disahkan dan diaudit oleh Juru Audit yang bertauliah bagi Dua (2) tahun kewangan terakhir.
(2) Salinan sah Penyata Bulanan Bank Akaun Wang Dalam Tangan Pembida bagi Tiga (3) bulan terakhir sebelum Tarikh Tutup Tender/Sebut Harga.
(3) Laporan Jurutera Projek atas prestasi Kerja/Bekalan/Perkhidmatan semasa yang bukan projek MBPJ atas Borang H dalam satu sampul berlakri bagi setiap Kerja/Bekalan/Perkhidmatan semasa yang sedang dilaksanakan.

6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana Pegawai Kerajaan, Jurutera-jurutera Projek, Bank dan Institusi Kewangan lain dan lain-lain atau mana-mana orang atau Firma yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang dianggap perlu dan diminta oleh MBPJ untuk menyemak maklumat-maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan. Walau bagaimanapun, kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat dan dokumen- dokumen yang kami berikan bersama-sama ini.

Yang benar,

.....
Tandatangan Pembida

Tarikh :.....

Nama Penuh: .....

No. Kad Pengenalan: .....

Atas Jawatan: .....

Yang diberi kuasa dengan sempurnanya untuk menandatangani Tender/Sebut Harga ini untuk dan bagi pihak:

.....
Meterai atau Cop Pembida

Tandatangan Saksi : .....

Tarikh :.....

Nama Penuh:.....

No.Kad Pengenalan:.....

Pekerjaan :.....

Alamat :.....
.....
.....
.....

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BUTIR-BUTIR KENYATAAN SYARIKAT

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

PERKARA-PERKARA PENTING YANG PERLU DIMASUKKAN / DI DALAM BUTIR-BUTIR KENYATAAN SYARIKAT

Pembida hendaklah mengambil maklum bahawa penilaian Tender/Sebut Harga ini akan mengambil kira keupayaan pembida untuk melaksanakan projek yang dipelawa. Keupayaan pembida akan dinilai berasaskan kedudukan kewangan, pengalaman, kakitangan, keempunyaan loji dan peralatan serta prestasi keseluruhan.

Untuk membolehkan penilaian ini dibuat, pembida dikehendaki mengemukakan salinan dokumen-dokumen berikut bersama-sama dokumen tawarannya.

1. Surat Pendaftaran Perniagaan
2. Sijil Pendaftaran dengan Agensi-Agensi seperti berikut (yang berkaitan):
   i. Pusat Khidmat Kontaraktor (PKK)
   ii. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM)
   iii. Kementerian Kewangan Malaysia
3. Borang KWSP 'A' bagi caruman terakhir kakitangan , pengurusan dan professional
4. Surat pelantikan bagi kakitangan pengurusan dan professional
5. Sijil kelulusan / sijil keahlian badan-badan professional kakitangan
6. Sebarang dokumen / surat pengesahan sebagai bukti kepada kemudahan pinjaman dari bank, overdraft, kemudahan kredit dan yang seumpamanya.
7. Bagi syarikat sendirian berhad dan syarikat berhad kemukakan salinan penyata kewangan terkini yang telah disahkan oleh juruaudit bertauliah.
8. Penyata bank bagi 3 bulan terakhir.
9. Surat setujuterima / pesanan tempatan dan sijil siap kerja bagi projek lepas
10. Surat setujuterima / pesanan tempatan dan sijil bayaran bagi projek semasa

Di samping mengemukakan dokumen-dokumen di atas, pembida dikehendaki melengkapkan 'BUTIR-BUTIR KENYATAAN SYARIKAT' dengan sempurna dan mengembalikan bersama-sama dokumen tawaran .

Perlu diberi perhatian bahawa sebarang kenyataan yang tidak disertakan dengan dokumen-dokumen sokongan seperti yang diminta tidak akan diambil kira di dalam penilaian Tender/Sebut Harga.

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

BUTIR-BUTIR KENYATAAN SYARIKAT

SILA ISIKAN **'BUTIR-BUTIR KENYATAAN SYARIKAT'** INI DENGAN LENGKAP KERANA SEGALA BUTIR-BUTIR YANG DIBERIKAN AKAN DINILAI SEMASA PROSES ANALISA DIJALANKAN.

A. KETERANGAN MENGENAI SYARIKAT

1. Nama Syarikat : .....
2. No. Pendaftaran : .....
3. Alamat Berdaftar : .....

   .....
4. Alamat Surat Menyurat : .....

   .....
5. Tarikh Ditubuhkan : .....
6. Jenis Perniagaan : .....
7. Nombor Pendaftaran :

   i. Perniagaan : .....
   ii. Pusat Khidmat Kontraktor : .....
   iii. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia: .....
   iv. Kementerian Kewangan Malaysia :.....
8. Nombor Telefon : .....
9. Nombor Fax : .....
10. Taraf syarikat : Bumiputera / Bukan Bumiputera

    Jika Bumiputera, tempoh sah taraf taraf

    dari.....hingga.....

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

11. Lembaga Pengarah dan Pegangan Saham

NAMA	NO.KAD PENGENALAN	JUMLAH NILAI SAHAM (RM)	%	KEDUDUKAN DALAM SYARIKAT

12. Peratus pegangan saham Bumiputera dalam syarikat : .....

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

B. ORGANISASI SYARIKAT

1. Maklumat Kakitangan

PERKARA/NAMA	JAWATAN	KELAYAKAN	BILANGAN	PENGALAMAN
Lembaga Pengarah a)..... b)..... c)..... d)..... Pengurusan a)..... b)..... c)..... Profesional/Eksekutif a)..... b)..... c)..... Kakitangan Teknikal a)..... b)..... c)..... Kakitangan Sokongan a)..... b)..... c).....				

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

SILA KEMUKAKAN SALINAN PERKARA-PERKARA BERIKUT BAGI KAKITANGAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL YANG BERKHIDMAT DENGAN SYARIKAT.

i. Surat Pelantikan

ii. Borang KWSP 'A' bagi bulan caruman terakhir

iii. Sijil kelulusan / sijil keahlian badan-badan profesional

2. Maklumat projek

PERKARA	KUANTITI / BILANGAN	JUMLAH NILAI (RM)
Jumlah projek yang diperolehi setakat ini semenjak syarikat ditubuhkan. Jumlah projek yang diperolehi dalam setahun (purata)		

C. KETERANGAN MENGENAI KEWANGAN SYARIKAT

1. Data-data kewangan

ASSET (RM)	LIABILITI	MODAL
Semasa :... ..... Tetap : ..... Jumlah :.....	Semasa :... ..... Jangkapanjang: ..... Jumlah :.....	Dibenar : ..... Berbayar : .....

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

2. Akaun Wang Dalam Tangan (Cash In Hand)

a) Nama dan alamat akaun dibuka

.....

.....

b) Nombor Akaun : .....

PENTING : Sila kemukakan salinan penyata bank bagi 3 bulan terakhir

3. Kemudahan Kredit (jika ada)

a) Nama dan alamat bank / institusi kewangan yang memberi kemudahan

i. .....

ii. .....

iii. .....

b) Bentuk dan baki amaun yang boleh digunakan untuk projek ini.

i.	Overdraft atau talian kredit	RM	.....
ii.	Overdraft bercagar	RM	.....
iii.	Kemudahan Pinjaman	RM	.....
iv.	.....	RM	.....
v.	.....	RM	.....

DOKUMEN PENTING

i. Sila sertakan salinan Penyata Kewangan Terkini yang disahkan dan diaudit oleh Juru Audit Bertauliah bagi syarikat sendirian Berhad dan Syarikat Berhad atau

ii. Salinan Penyata Kewangan Terkini bagi Syarikat Milikan Tunggal dan Syarikat Perkongsian.

Dokumen Meja Terkawal

DOKUMEN INI HAK MILIK MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

D. KETERANGAN MENGENAI PEMILIKAN PERALATAN / MESIN / KENDERAAN SYARIKAT

i. Jenis peralatan , kenderaan atau mesin yang dipunyai sekarang

JENIS PERALATAN /KENDERAAN/MESIN	KEUPAYAAN	BILANGAN	USIA/LAMA

E. KETERANGAN MENGENAI PENGALAMAN SYARIKAT

1. Pengalaman di dalam menjalankan projek-projek dengan Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Kawasan-kawasan untuk bangunan, tanah lapang, padang, jalan dan lorong hendaklah ditarah dan ditambun ke paras yang dibentuk dan dicerunkan sepertimana yang ditunjuk dalam pelan-pelan. Tebing-tebing hendaklah dirapi dan dibentuk mengikut susuk sepertimana yang ditunjuk di dalam pelan-pelan atau sepertimana yang diarah. Semua parit, kolam dan perigi yang hendak dikambus hendaklah terlebih dahulu digali untuk

Dokumen Meja Terkawal

mengeluarkan tanah-tanah lembik dan jika diarahkan oleh P.P semua bahan-bahan yang digali hendaklah dikeluarkan dari tapakbina dan semua lekukan termasuk lubang-lubang akibat dari pembuangan akar-akar pokok hendaklah dikambus dengan bahan-bahan tambun yang diluluskan dan hendaklah dipadatkan dengan sempurna. Sekiranya bahan-bahan tambun yang boleh diperolehi di tapakbina tidak mencukupi, Kontraktor hendaklah mendapat bahan tambun dari punca lain dengan perbelanjaannya sendiri.

14.2 Bahan-bahan Tambun

14.2.1 Untuk kerja tambunan, hanya bahan-bahan yang sesuai seperti tanah liat yang sederhana keras, tanah liat berpasir atau lain-lain tanah yang diluluskan boleh digunakan.

14.3 Menyelerak dan Memadat

14.3.1 Sebelum kerja menambun dijalankan di sebarang kawasan, semua kerja membersih dan meragut tunggul-tunggul dan akar hendaklah disiapkan terlebih dahulu.

14.3.2 Semua kerja menambun tanah hendaklah dijalankan secara berlapis-lapis setebal 225 mm sebelum dipadat. Setiap lapisan tambunan hendaklah dipadatkan secukupnya dengan enam (6) laluan mesin penggelek beroda licin seberat 6T atau lain-lain mesin pemadat yang diluluskan.

14.3.3 Jentera penolak tanah hendaklah digunakan dengan maksimum bagi pemadatan awal setiap lapisan, dan Kontraktor dikehendaki mengubah laluan jentera untuk menghasilkan pemadatan yang sama rata bagi seberapa luas kawasan yang boleh.

14.4 Penyiapan Paras Yang Dibentuk

14.4.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan-pelan, semua permukaan yang dibentuk hendaklah disiapkan supaya mencuram lintang dengan nisbah 1:400 dan di mana boleh hendaklah juga dicuram memanjang bagi mempercepatkan pengaliran air permukaan.

14.4.2 Bagi kawasan yang hendak ditanam rumput, paras yang dibentuk hendaklah disiapkan ke paras yang sesuai di bawah paras yang dikehendaki seperti yang ditunjukkan untuk meletakkan tanah atas dan penanaman rumput.

14.5 Tompok-tompok Tanah Lembut

14.5.1 Di mana terdapat sebarang tanah lembut yang tidak stabil atau bahan-bahan yang tidak sesuai di bawah tanah tambun, ianya hendaklah digali sedalam dan seluas sepertimana yang diluluskan oleh P.P dan hendaklah dibuang. Tanah yang digali hendaklah dikambus kembali dengan bahan-bahan yang sesuai seperti yang telah ditentukan sebelum daripada ini secara berlapis-lapis setebal tidak melebihi 225 mm sebelum dipadat. Setiap lapisan hendaklah dipadatkan sepertimana yang ditentukan sebelum daripada ini atau dengan menggunakan mesin pemadat yang sesuai untuk kerja penggalian yang kecil.

14.5.2 Kontraktor hendaklah mengambil kira mendapan atau anjakan tanah tambun di kawasan-kawasan tanah lembut dan hendaklah menambun dan memadatkannya sehingga ke paras siap yang dikehendaki. Sekiranya sebarang mendapan tanah tambun berlaku semasa pembinaan atau di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, Kontraktor hendaklah membaikinya dengan kos dan perbelanjaannya sendiri.

15. Tambunan Di bawah Lantai-Lantai Lapis Lindung dan Sebagainya

15.1 Di mana perlu, kawasan-kawasan di bawah lantai, lapis-lindung dan sebagainya hendalah ditambun. Tambunan ini hendaklah daripada bahan-bahan yang sesuai sepertimana yang telah ditentukan sebelum daripada ini, dipadatkan secara berlapis-lapis setebal tidak melebihi 150 mm sebelum dipadatkan dan setiap lapisan hendaklah dibasahkan secukupnya di mana perlu, dihentak dan dipadatkan. Tanah liat tidak boleh digunakan untuk kerja tambunan di bawah lantai-lantai, lapis-lindung dan sebagainya.

Dokumen Meja Terkawal

16. Saliran, Saluran Dan Batas-batas Sementara

16.1 Semasa kerja tanah sedang dijalankan saluran-saluran sementara yang diluluskan hendaklah diada dan diselenggarakan untuk saliran tapakbina yang memuaskan sehingga kerja saliran air permukaan yang kekal dibina. Saluran-saluran sementara ini hendaklah disalurkan ke dalam alur air yang sedia ada atau sistem saluran utama.

17. Pembersihan Parit, Longkang, Sungai dan Sebagainya yang sedia ada

17.1 Semasa kerja tanah dijalankan, Kontraktor hendaklah mengambil segala langkah yang perlu untuk mengelakkan sebarang sekatan dan halangan untuk memastikan pengaliran yang bebas kepada longkang-longkang, parit-parit, sungai dan sebagainya yang sedia ada.

18. Perlindungan dan Penyelenggaraan Kerja Tanah

18.1 Kontraktor hendaklah mengadakan segala perlindungan dan penyelenggaraan yang perlu terhadap kerja tanah, khususnya daripada kesan kerosakan akibat kemasukan air ke dalam kerja daripada hujan, air larian, mata air, sungai dan anak-anak sungai. Kerosakan kepada kerja yang telah siap atau yang sebahagiannya siap akibat dari kekurangan perlindungan dan penyelenggaraan ini hendaklah diperbaiki oleh Kontraktor dengan kos dan perbelanjaannya sendiri.

18.2 Di mana penanaman rumput diperlukan untuk perlindungan cerun, ianya hendaklah ditanam sebaik sahaja permukaan cerun tersebut dibentuk. Kerja penanaman rumput hendaklah dilaksanakan sepertimana yang ditentukan kemudian daripada ini di bawah Kerja di Sekitar Bangunan.

19. Hadkor

19.1 Di mana ditunjuk dan diperlukan hanya hadkor yang diluluskan yang terdiri dari batu-batu kecil atau pecahan batu-bata dari jenis yang baik hendaklah disedia dan dihamparkan setebal sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan, dihentakkan, dipadat dan dikedapkan dengan pasir secukupnya. Semua hadkor hendaklah dibasahkan secukupnya sebaik sahaja sebelum konkrit dituang di atasnya.

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN D – KERJA KONKRIT

1. Kehendak Am

1.1 Kecuali jika selainnya ditentukan dibawah ini, kerja konkrit bertetulang hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang terdapat di dalam Kod Amalan Piawaian British C.P 114. Kegunaan konkrit Bertetulang sebagai Struktur Bangunan (The Structural Use of Reinforced Concrete in Buildings).

2. Simen

2.1 Simen yang hendak digunakan hendaklah simen Portland dari pembuat yang diluluskan. Simen Portland hendaklah mematuhi kehendak-kehendak Piawaian Malaysia M.S 7.13. Perakuan Ujian oleh pembuat, secara amnya boleh diterima sebagai bukti keutuhan bahan tersebut, tetapi P.P memerlukan ujian-ujian tambahan dilakukan keatas mana-mana simen yang disyaki rosak disebabkan oleh usianya, kerosakan pada kampit, penyimpanan yang tidak sempurna atau lain-lain sebab P.P boleh tanpa melakukan sebarang ujian tambahan, mengarahkan mana-mana kampit simen, yang mana sebahagian daripada isinya telah keras atau didapati cacat dalam apa juga bentuknya, dikeluarkan dari tapak binaan dengan serta merta. Kontraktor boleh memilih untuk menggunakan samada simen Portland Jenis Biasa atau 'Simen Portland Jenis Keras Cepat' tetapi tiada bayaran tambahan akan dibuat sekiranya simen yang lebih mahal digunakan. Simen hendaklah dihantar ke tapakbina di dalam kenderaan yang tertutup untuk melindunginya dari air secukupnya. Simen hendaklah disimpan di dalam stor yang diluluskan supaya selamat dari gangguan cuaca dan hendaklah dikeluarkan untuk digunakan mengikut giliran penghantaran ke dalam stor. Bekalan simen pukal hendaklah disimpan di dalam silo yang diluluskan.

3. Batu Baur

3.1 Kehendak Am.

Batu baur pada amnya hendaklah mematuhi Piawaian Malaysia M.S 74. Semua batu baur hendaklah dari jenis yang kuat, tahan lama, bersih dan tidak berselaput dan juga tidak mengandungi bahan-bahan perosak yang cukup untuk memberi kesan buruk kepada kekuatan dan ketahanan konkrit dan tetulang. Batu baur hendaklah disimpan supaya terlindung daripada pencemaran. Batu baur yang berlainan saiz hendaklah disimpan berasingan.

3.2 Batu baur halus.

Batu baur halus hendaklah dari pasir yang semula jadi terdapat dikawasan air tawar. Batu baur itu hendaklah tidak mengandungi selut atau bahan-bahan halus yang lain melebihi 3% mengikut isi padu apabila diuji mengikut Piawaian Malaysia M.S 7.5, dan juga tidak mengandungi bahan-bahan organan yang cukup untuk menampakkan warna yang lebih gelap berbanding dengan kecerahan warna No. 3 apabila diuji mengikut Piawaian Malaysia yang sama. Penggunaan pasir dari pecahan batu tidak dibenarkan.

3.3 Batu baur kasar.

Batu baur kasar hendaklah terdiri dari pecahan batu baur kasar kecuali bagi kerja bawah tanah, dimana hanya pecahan batu granit sahaja boleh digunakan. Batu baur hendaklah tidak mengandungi ketul-ketul tanah liat melebihi 1% mengikut berat. Contoh batu baur yang kering hendaklah tidak menunjukkan pertambahan berat melebihi 8% setelah rendam dalam air dan diuji mengikut Piawaian Malaysia M.S 7.5, dan hendaklah mempunyai bentuk yang sesuai dan tidak menyerpih dengan indeks serpihan tidak melebihi 35. Saiz maksimum batu baur hendaklah dalam lingkungan 19mm.

Dokumen Meja Terkawal

3.4 Penggredan Batu baur.

Analisa untuk penggredan batu baur hendaklah mengikut Piawaian Malaysia M.S 7.5 dan hendaklah mengikut had-had yang ditentukan dibawah ini :

(i) Batu baur halus (Pasir)						
Ayak B.S.	5mm	2.3mm	1.18mm	0.60mm	0.30mm	0.15mm
Peraturan Telus	95-100	70-95	45-85	25-60	5-30	0.10
(ii) Batu baur kasar (Saiz lingkungan 20mm)						
Ayak B.S.	20mm	10mm	5mm			
Peraturan Telus	100	25-55	0-10			

Penggredan di antara had-had yang ditentukan di atas hendaklah mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P, dan apabila diuji seperti yang diperuntukkan kemudian daripada ini hendaklah hampir menyamai penggredan sampel yang diluluskan. Jika didapati perlu, batu baur halus hendaklah dibasuh dan/atau ditapis untuk mematuhi piawaian yang disebut di atas dan kehendak-kehendak P.P.

3.5 Persampelan dan Pengujian Batu Baur.

Cara persampelan dan banyaknya batu baur yang hendak diperuntukkan untuk ujian hendaklah mengikut Bahagian 2 hingga 6 dalam Piawaian Malaysia M.S 7.5. Sampel-sampel batu baur halus dan kasar hendaklah disimpan di tapakbina dan digunakan sebagai perbandingan terhadap mutu keseluruhannya batu baur yang dihantar ke tapakbina sepanjang masa kerja dijalankan. Ujian-ujian yang hendak dijalankan ke atas batu baur hendaklah mengikut sepertimana yang ditentukan sebelum daripada ini. P.P mungkin memerlukan ujian-ujian selanjutnya dijalankan keatas sampel-sampel batu baur yang dihantar ke tapak dari masa ke semasa. Ujian-ujian tersebut hendaklah dijalankan oleh P.P atau wakilnya. Sekiranya sesuatu sampel gagal memenuhi mana-mana ujian, P.P boleh mengikut budi bicaranya samada menolak kelompok batu baur dari mana sampel tersebut diperolehi, mengarahkan supaya ianya dibasuh atau ditapis atau membenarkan ianya digunakan dengan pindaan kepada kadar campuran konkrit yang telah ditentukan. Mana-mana kelompok batu baur yang tidak diluluskan oleh P.P hendaklah dikeluarkan dari tapakbina dengan sertamerta.

4. Air

4.1 Air untuk kerja konkrit hendaklah bersih dan bebas dari unsur-unsur yang memudaratkan dan hendaklah dari sumber yang diluluskan oleh P.P. Kontraktor hendaklah mengatur untuk membekal dan menyimpan air secukupnya di tapakbina untuk kegunaan membancuh dan mengawet konkrit. Air hendaklah menepati kehendak-kehendak Piawaian Malaysia M.S 7.3.

5. Tetulang

5.1 Kehendak Am

Tetulang keluli sederhana dan keluli tegangan tinggi hendaklah dalam semua segi mematuhi Piawaian Malaysia M.S. 7.9. Bar tegangan tinggi hendaklah dari bar keluli bulat diubah bentuk. Jejaring keluli tegangan tinggi hendaklah dari segala segi mematuhi Piawaian Malaysia M.S. 7.8. Kepingan jejaring keluli hendaklah papar kecuali dinyatakan berbentuk selainnya dan sebarang tanda-tanda menggulung hendaklah diperbetulkan oleh Kontraktor sebelum dipasang. Jejaring keluli tidak boleh dibekalkan dalam bentuk bergulung.

Dokumen Meja Terkawal

5.2 Mutu.

Sebelum sebarang keluli tetulang dibawa ke tapakbina, Kontraktor hendaklah apabila dikehendaki, mengemukakan Sijil Ujian dari pembuat dan sijil tersebut hendaklah diserahkan kepada P.P untuk kelulusan. Selain dari itu Kontraktor hendaklah apabila diminta, mengemukakan kepada P.P surat ujian daripada makmal yang diluluskan bagi sebarang kelompok bar, yang memberi keputusan di atas ujian-ujian kejenteraan yang dikehendaki di bawah Piawaian British atau Piawaian Malaysia. Sepanjang masa kerja dilaksanakan, sebarang tetulang yang didapati tidak menepati Piawaian British atau Piawaian Malaysia mungkin tidak diluluskan oleh P.P, meskipun kelulusan sebelumnya telah diberi berdasarkan sijil-sijil ujian tersebut dan P.P boleh meminta ujian-ujian tambahan dibuat atas perbelanjaan Kontraktor sendiri terhadap sampel-sampel yang diambil dari kelompok bar dari mana terdapatnya tetulang yang cacat. Jika sampel-sampel bar tidak menepati Piawaian British atau Piawaian Malaysia, P.P boleh menolak seluruh kelompok bar dan mengarah kelompok tersebut dikeluarkan dari tapakbina.

5.3 Pembersihan.

Tetulang hendaklah bersih, bebas dari keruping hasil proses pengilangan dan serpihan karat sebelum dipasang pada tempat yang dikehendaki dan hendaklah bebas dari minyak, gris atau lain-lain benda yang merosakkan semasa konkrit dituang.

5.4 Pembentukkan

Tetulang hendaklah dibengkokkan dengan mesin pembengkok yang diluluskan tanpa mengguna haba. Ukuran lentur hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 4466. Sebarang bar Tegangan Tinggi diubah bentuk yang telah bengkok tidak dibenar untuk diluruskan.

5.5 Menempatkan.

Tetulang hendaklah diletakkan di dalam acuan dan dilapik sendal dan diikat supaya tidak beralih dengan menggunakan blok kecil konkrit tuang dulu yang mempunyai dawai pengikat pada tempat yang dikehendaki sepertimana yang ditunjukkan dalam pelan-pelan. Bar-bar tetulang yang dikehendaki bersentuh apabila bersilang antara satu sama lain hendaklah diikat teguh bersekali dengan dawai pengikat di tempat pertemuannya. Keluli 'simpai' dan 'rakap' hendaklah melingkungi dengan kejap tetulang yang memanjang dan diikat kepadanya dengan dawai atau dikimpal titik dengan selamatnya. Tetulang lapisan atas di dalam papak hendaklah ditupang teguh dengan keluli penupang pada jarak pusat 1500 mm setiap arah. Dawai pengikat hendaklah dari dawai besi lembut setebal 1.63 mm. semua hujung dawai pengikat hendaklah dibengkok ke dalam dari permukaan acuan dan ianya tidak boleh dibiar terkeluar dari bar tetulang. Tetulang hendaklah diperiksa dan diluluskan oleh P.P sebelum konkrit dituang ke dalam acuan. Tebal pelindung tetulang yang tepat hendaklah di pastikan apabila tetulang dipasang dan hendaklah dikekalkan semasa konkrit dituang. Kontraktor hendaklah memastikan supaya tetulang tidak teranjak semasa konkrit dituang dan dipadatkan.

5.6 Kimpalan.

Kimpal di tapakbina hanya akan dilakukan dengan kelulusan dari P.P. Bagaimana pun pada amnya semua kerja mengimpal hendaklah dijalankan didalam keadaan yang diluluskan. Kontraktor hendaklah menunjukkan kecekapan mengimpal sebelum dan dari masa ke semasa sepanjang kerja pengimpalan dijalankan. Kimpalan boleh digunakan untuk :-

(a) Memasang tetulang pada kedudukannya iaitu, tetulang yang bertindih dan antara bar-bar dan lain-lain keluli.

(b) Kimpalan struktur yang melibatkan pemindahan beban antara tetulang atau antara bar-bar dan lain-lain bahagian keluli.

Dokumen Meja Terkawal

Kimpalan hendaklah dengan cara kimpal arka logam yang mematuhi piawaian British B.S 1856 untuk keluli sederhana atau Piawaian British B.S 2642 untuk keluli karbon mangan. Sambungan berkimpal tidak boleh diadakan di liku tetulang. Sambungan untuk bar-bar yang selari hendaklah secara selang seli ke arah memanjang. Untuk sambungan yang berselang seli, jarak di antara sambungan hendaklah tidak kurang dari panjang tambatan hujung bar berkenaan. Kontraktor hendaklah membuktikan dengan ujian bahawa kekuatan sambungan berkimpal adalah sama kuatnya seperti bar asalnya sebelum P.P boleh memberikan kelulusan untuk menggunakan cara sambungan tersebut.

6. Pengkadaran Campuran Konkrit

6.1 Kehendak Am

Campuran konkrit hendaklah sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan atau seperti yang ditentukan di dalam spesifikasi terkemudian daripada ini atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Campuran konkrit hendaklah di kadarkan mengikut salah satu cara berikut, iaitu campuran direkabentuk. Nisbah air/simen, supaya kerja konkrit dan kekuatan campuran apabila diuji mengikut Piawaian British B.S 1881 hendaklah mematuhi kehendak-kehendak sepertimana yang ditentukan terkemudian daripada ini.

6.2 Campuran Konkrit Nominal

6.2.1 Kecuali jika selainnya diluluskan oleh P.P, konkrit hendaklah dikadarkan sepertimana yang ditunjukkan dalam Jadual 'A'. Kuantiti untuk simen, batu baur halus dan kasar hendaklah ditentukan dengan timbangan berat dan air dengan sukatan isipadu. Batu baur halus dan kasar hendaklah disukat secara berasingan. Penimbang sukatan hendaklah digunakan untuk menimbang berat simen, batu baur halus dan kasar. Kejituan berat yang ditunjukkan oleh penimbang sukatan hendaklah sentiasa diperiksa dan hendaklah dipastikan supaya berada dalam lingkungan ± 2½% daripada jumlah berat sebenar batu baur dan simen dalam satu sukatan. Kadaran campuran sepertimana yang ditunjukkan dalam jadual 'B' adalah bertujuan untuk tujuan kerja kecil di tapakbina yang terpencil dan hanya boleh digunakan dengan kelulusan P.P. Dalam keadaan begini kuantiti simen hendaklah ditentukan dengan timbangan berat dan untuk batu baur halus dan kasar dengan sukatan isipadu. Isipadu batu-batu baur hendaklah disukat dengan menggunakan kotak penyukat yang diluluskan.

6.2.2 Timbangan berat dan sukatan isipadu batu-batu baur halus dan kasar sepertimana yang ditunjukkan dalam kedua-dua Jadual 'A' dan 'B' adalah untuk bahan-bahan dalam keadaan kering. Ujian keatas batu baur hendaklah dilakukan dua kali sehari atau lebih kerap lagi sekiranya difikirkan perlu oleh P.P. Kandungan air di dalam batu baur hendaklah diambil kira bila menentukan kuantiti air yang akan dimasukkan ke dalam campuran.

6.2.3 Kuantiti air yang digunakan dalam campuran nominal hendaklah sepertimana ditunjukkan dalam 'A' atau 'B' yang mana berkenaan. Nisbah air/simen yang ditunjukkan di dalam jadual-jadual tersebut adalah dijangka akan menghasilkan kekuatan kiub kerja yang melebihi keperluan yang ditentukan di dalam spesifikasi dan 'upaya kerja konkrit' yang cukup untuk memastikan konkrit tersebut boleh dikerjakan dan dipadatkan secukupnya dengan menggunakan cara getaran yang ditentukan di bawah ini. Walau bagaimanapun, sekiranya didapati semasa kerja-kerja dijalankan campuran konkrit tersebut adalah lebih keras dari yang boleh dituang dengan memuaskan ubahsuaian sehingga 5% boleh dibuat terhadap nisbah air/simen. Tetapi sebarang pengubahsuaian selanjutnya terhadap campuran itu, hendaklah dibuat dengan menambah kadaran kedua-dua air dan simen tanpa menambah nisbah air simen tersebut.

Dokumen Meja Terkawal

6.3 Campuran Konkrit Di Rekabentuk.

6.3.1 Campuran Konkrit Direkabentuk boleh digunakan dan hendaklah menepati perakuan Kod Amalan C.P.114. Gred-gred konkrit yang digunakan hendaklah sepertimana yang ditunjukkan di dalam jadual di bawah ini dan jadual ini adalah menggantikan Jadual 4 dari Kod Amalan C.P 114.

Campuran Nominal Seimbang	'Kekuatan Tahan Hancur Minimum' pada hari ke 7 dan ke 28 selepas bancuhan		Saiz maksimum batu baur	Kandungan minimum simen semeter padu konkrit yang telah siap
	Hari ke 7	Hari ke 28		
	N/mm²	N/mm²	Mm	Kg
1:1:2	20	30	19	380
1:1 ½:3	17	25.5	19	361
1:2:4	14	21	19	321

6.3.2 Simen, batu baur halus dan kasar dan air hendaklah menepati fasal-fasal yang ditentukan di dalam spesifikasi sebelum daripada ini.

6.3.3 Sekiranya Kontraktor memilih untuk menggunakan campuran konkrit direkabentuk, dia hendaklah mengambil kerja seorang pekerja yang cekap dan mempunyai kelayakan yang sesuai untuk merekabentuk campuran tersebut untuk mengawasi dan mengarahkan semua peringkat kerja persediaan dan perletakan konkrit. Percontohan, pembuatan, pengawetan dan pengujian kiub-kiub kerja hendaklah dilaksanakan oleh P.P atau wakilnya dan Kontraktor hendaklah menyediakan semua kemudahan. Kontraktor atau wakilnya boleh hadir semasa kiub ini dibuat dan diuji.

6.3.4 Keterangan berikut hendaklah dikemukakan oleh Kontraktor sebelum P.P boleh membenarkan sebarang campuran direkabentuk digunakan.

(a) Keadaan dan sumber setiap bahan.
(b) Butir-butir lengkap campuran-campuran percubaan, kesemuanya menepati Kod Amalan C.P 114 dan Piawaian British B.S 1881.
(c) Kuantiti yang dicadangkan mengikut timbangan berat bagi setiap bahan untuk menghasilkan satu meter padu konkrit yang dipadatkan secukupnya.

7. Konkrit Siap Bancuh

7.1 Konkrit siap bancuh tidak boleh digunakan dimana-mana bahagian kerja tanpa kelulusan bertulis dari P.P yang boleh menarik balik kelulusan itu pada bila-bila masa. Kontraktor hendaklah membuktikan kepada P.P bahawa bahan-bahan yang digunakan di dalam konkrit siap bancuh itu mematuhi spesifikasi dalam segala aspek dan menentukan pembekal ada segala kelengkapan untuk membuat dan menghantar dengan secukupnya, bagi memastikan kelicinan dan penyiapan mengikut masa bagi setiap operasi kerja konkrit.

7.2 Kehendak-kehendak yang telah ditentukan untuk persampelan, bancuhan awal dan bancuhan percubaan, pengujian dan mutu konkrit untuk berbagai jenis campuran hendaklah turut dipatuhi bagi konkrit siap bancuh yang mana hendaklah juga dibancuh dan dihantar mengikut kehendak-kehendak Piawaian British B.S 1926. Gred konkrit yang digunakan hendaklah sepertimana yang dinyatakan dibawah ini.

Dokumen Meja Terkawal

Campuran Nominal Seimbang	'Kekuatan Tahan Hancur Minimum' pada hari ke 7 dan ke 28 selepas bancuhan		Saiz maksimum batu baur	Kandungan minimum simen semeter padu konkrit yang siap
	Hari ke 7	Hari ke 28		
	N/mm²	N/mm²	Mm	Kg
1:1:2	20	30	19	380
1:1 ½:3	17	25.5	19	361
1:2:4	14	21	19	321

7.3 Kontraktor hendaklah menyediakan atas perbelanjaannya sendiri semua kemudahan-kemudahan yang diperlukan untuk pengawasan dan pemeriksaan pengelompokkan, bancuhan dan pengangkutan ke tapakbina konkrit siap bancuh.

8. Upayakerja

8.1 Upaya kerja konkrit hendaklah dikawal dengan menyukat secara langsung kandungan air, dengan mengambil kira air yang sedia ada pada batu baur. Untuk tujuan menentukan upaya kerja konkrit, ujian turun atau ujian faktor padat hendaklah digunakan sebagai panduan.

9. Ujian Awal dan Bancuhan Percubaan

9.1 Selepas milik tapak Kontraktor hendaklah secepat mungkin, sebelum konkrit dituang, menyediakan satu siri bancuhan percubaan berjumlah tidak melebihi 4 meter padu konkrit dibawah arahan P.P ujian kiub akan dibuat dari sampel-sampel bancuhan percubaan ini, diawet dan diuji mengikut Kod Amalan C.P 114 untuk menentukan kekuatan kiub pada hari ke 7 dan ke 28 selepas dituang. Kekuatan awal kiub yang diperolehi hendaklah sekurang-kurangnya menyamai kekuatan yang ditentukan di bawah ini. Nisbah campuran yang ditentukan sebelum daripada ini boleh diubahsuai oleh P.P jika perlu berdasarkan kepada ujian-ujian ini tanpa perbelanjaan tambahan kepada kerajaan.

10. Persampelan dan Pengujian Konkrit

10.1 Kehendak Am.

10.1.1 Persampelan, penyediaan kiub, pengawetan dan pengujian konkrit yang telah keras hendaklah mengikut kehendak Piawaian British B.S 1881 atau Piawaian Malaysia M.S 7.1.

10.1.2 Semasa kerja konkrit dilaksanakan, sampel-sampel hendaklah diambil dari konkrit yang sedang dituang, dan kiub ujian kerja dibuat daripadanya. Dalam pada itu, ujian-ujian keseragaman hendaklah dibuat dan faktor-faktor padat dan ukuran turun dicatatkan.

10.2 Peralatan untuk Persampelan dan Pengujian Konkrit.

10.2.1 Kontraktor hendaklah menyediakan peralatan untuk pengujian yang mana hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:-

i. 12 set acuan-acuan keluli atau besi tuangan 150 mm berserta dengan plat-plat tapak, mematuhi bahagian 7 Fasal 51 (a) Piawaian British B.S 1881.

ii. 2 batang bar pemampat mematuhi Bahagian 7, Fasal 51 (b) B.S 1881.

iii. 1 kon untuk ujian turun berserta bar pemampat, mematuhi Fasal 7 Rajah 1, Piawaian British B.S 1881 atau 1 set alat ujian faktor padat mematuhi Fasal 12 dan Rajah 2 Piawaian British B.S 1881.

iv. 1 pembaris keluli 300 mm.

v. 1 set ayakan yang mematuhi Piawaian British B.S 401.

Dokumen Meja Terkawal

vi. 1 silinder muatan 100 cm padu untuk ujian keladak.

vii. Penimbang atau dacing untuk beban maksimum 25 kg dan batu-batu penimbang.

viii. Pelepa-pelepa, penyodok-penyodok, sepana-sepana dan alat-alat lain.

10.3 Ujian Kekuatan.

10.3.1 Pada amnya, enam kiub hendaklah disediakan dari tiga sampel dimana dua kiub di ambil dari setiap sampel untuk setiap hari kerja konkrit dilaksanakan. Walau bagaimanapun jika campuran atau kuantiti atau mutu bahan-bahan kandungannya diubah, P.P boleh mengarahkan kiub-kiub tambahan dibuat dengan cara yang sama. Kesemua kiub hendaklah di tanda dengan jelas tarikh tuangan dan nombor sirinya dengan cat yang tidak luntur. Satu rekod hendaklah disediakan untuk mengenal pasti setiap kiub tarikh dan nombor sirinya yang berkaitan dengan bahagian kerja dari mana kiub tersebut diambil. Tiga kiub satu dari setiap sampel hendaklah diuji pada hari ketujuh dan tiga kiub yang lain pada hari kedua puluh lapan. Kekuatan kiub itu hendaklah dikira dari beban maksimum yang ditanggung oleh kiub ketika gagal menanggung beban tersebut.

10.3.2 Kekuatan sesuai yang diperlukan dikira memuaskan jika kekuatan bagi ketiga-tiga kiub itu tidak kurang daripada kekuatan kiub yang telah ditentukan, atau jika kekuatan purata bagi ketiga-tiga kiub itu tidak kurang daripada kekuatan kiub yang telah ditentukan dan perbezaan di antara kekuatan maksimum dan minimum hendaklah tidak melebihi 20% dari kekuatan purata tersebut.

10.3.3 Jika ujian pada hari ketujuh itu tidak mencapai kekuatan yang dikehendaki, P.P berhak memberhentikan kerja konkrit sehingga kiub-kiub lebihan yang lain diuji pada hari ke dua puluh lapan.

10.3.4 Jika keputusan ujian pada hari kedua puluh lapan tidak mencapai kekuatan yang dikehendaki, P.P akan menentukan tindakan yang akan diambil terhadap bahagian-bahagian konkrit dari mana kiub-kiub ujian itu diambil, termasuk kemungkinan meroboh terus bahagian-bahagian tersebut. Kontraktor, jika diarah oleh P.P hendaklah mengambil sampel-sampel teras dari bahagian konkrit yang telah keras dan hendaklah menjalankan ujian kekuatan dan segala perbelanjaan untuk persampelan, pengujian dan kerja-kerja pemulihan hendaklah ditanggung oleh kontraktor sendiri tidak kira samada ujian-ujian tersebut membuktikan struktur tersebut dalam keadaan baik atau sebaliknya.

10.3.5 Kekuatan yang dikehendaki untuk campuran nominal hendaklah sepertimana yang ditunjukkan di dalam Jadual berikut:-

Nisbah Campuran Nominal	Kekuatan kiub pada hari ke 7		Kekuatan kiub pada hari ke 28	
	Ujian Awal	Ujian Kerja	Ujian Awal	Ujian Kerja
	N/mm²	N/mm²	N/mm²	N/mm²
1:1:2	26.7	20	40	30
1:1 ½:3	22.7	27	34	25.5
1:2:4	18.7	14	28	21

Dokumen Meja Terkawal

10.4 Ujian untuk Konsistensi

10.4.1 Semasa kerja konkrit dijalankan, ujian-ujian upaya kerja campuran hendaklah dijalankan dua kali sehari dan ujian tambahan adalah perlu, apabila terdapat bahan-bahan atau nisbah-nisbah campuran diubah atau apabila diarah oleh P.P. Ujian-ujian hendaklah terdiri dari samada ujian turun atau ujian faktor padat seperti yang diterangkan di dalam Piawaian British B.S 1881.

10.4.2 Jarak turun hendaklah seberapa kurang dan faktor padat seberapa rendah seperti yang boleh dipraktikkan selaras dengan kecekapan kerja dan kepadatan penuh campuran konkrit didalam acuan dengan menggunakan cara-cara memadat yang ditentukan.

11. Membancuh Konkrit

11.1 Konkrit hendaklah dibancuh di dalam alat bancuh yang mempunyai muatan cukup, yang mematuhi kehendak-kehendak Piawaian British B.S 1305 dan mempunyai corong tuang punggah yang dilengkapi dengan kuasa untuk mendongak atau sebarang jenis alat bancuh yang diluluskan oleh P.P. Alat bancuh hendaklah dilengkapkan dengan tangki sukatan air jenis automatik dan dipasang dengan alat pengunci untuk menentukan kadar alir. Kuantiti air yang dicampur kepada tiap-tiap kelompok di dalam alat bancuh hendaklah disukat dengan teliti, di dalam kuantiti air hendaklah diluluskan terlebih dahulu oleh P.P dan hanya boleh diubah dengan kelulusannya. Pembancuhan hendaklah diteruskan sehingga terdapatnya agihan seragam dan jisimnya seragam pada warna dan konsistensi. Masa pembancuhan hendaklah tidak kurang dari dua minit atau lebih dari lima minit setelah semua bahan-bahan bancuhan dimasukkan ke dalam alat bancuh.

11.2 Pembancuhan dengan tangan hanya boleh dibenarkan untuk kuantiti konkrit yang sedikit dan akan digunakan untuk tujuan tertentu sahaja dan sekiranya pembancuhan dengan tangan digunakan, 10 peratus simen tambahan hendaklah ditambah kepada pengkadaran-pengkadaran yang ditentukan di dalam jadual di atas.

11.3 Sebarang konkrit yang tidak digunakan dalam tempoh 45 minit dari masa bancuhan pertama hendaklah dibuang.

11.4 Bahan tambah seperti pemudah adun atau bahan keras cepat hendaklah tidak digunakan tanpa kelulusan P.P terlebih dahulu.

12. Mengangkut dan Menuang Konkrit

12.1 Mengangkut

Konkrit hendaklah diangkut dengan secepat yang mungkin dari alat bancuh ketempat yang hendak dituang dengan cara yang sesuai bagi mengelakkan pengasingan bahan-bahan yang sedia ada atau kehilangan bahan-bahan bancuhan. Konkrit hendaklah dituang sedekat yang mungkin ke tempat tuangan yang dikehendaki untuk mengelakkan tuangan semula atau pengaliran. Konkrit hanya boleh diangkut melalui saluran setelah mendapat kelulusan dari P.P dan segala persediaan untuk tujuan ini hendaklah diluluskan olehnya sebelum konkrit dituang.

12.2 Menuang.

Konkrit hendaklah dituang di tempat-tempat yang dikehendaki dengan secepat mungkin selepas dibancuh dan hendaklah dipadatkan sepenuhnya dengan menggunakan alat getar berjentera. Konkrit hendaklah dipadatkan sepenuhnya kesudut-sudut acuan dengan menggunakan papan pemadat. Selepas penghentakan, konkrit hendaklah tidak diganggu kecuali gangguan yang berlaku seiringan dengan pemadatan secara getaran. Konkrit hendaklah dituang ke dalam acuan secara berlapis-lapis dan tidak melebihi 600mm setiap lapis bagi rangka penyokong dan rasuk-rasuk dalam dan dituang sepenuhnya dalam papak dan rasuk-rasuk cetek. Konkrit tidak boleh dituang secara curahan bebas melebihi lima kaki. Alat getar berjentera hanya boleh digunakan untuk memadat konkrit dan bukan digunakan untuk menempatkan konkrit ke bahagian-bahagian yang tertentu. Kerja konkrit hendaklah dilaksanakan berterusan di antara dan sehingga sambungan-sambungan binaan yang ditetapkan terdahulu sepertimana yang ditentukan selepas daripada ini dalam satu rangkaian operasi. Permukaan konkrit hendaklah ditentukan serata yang mungkin semasa penuangan.

Dokumen Meja Terkawal

Jika konkrit tidak dapat disiapkan hingga keparas sambungan-sambungan binaan yang ditetapkan, kerja konkrit hendaklah dihentikan pada nbahagian yang terdapat permukaan mendatar dan pada permukaan pugak dengan menggunakan papan penyekat. Satu rekod hendaklah disimpan di tapak bina bagi menunjukkan masa dan tarikh menuang konkrit kesetiap bahagian struktur dan nombor rujukan ujian kiub mengenai-kelompok-kelompok konkrit yang digunakan pada bahagian-bahagian struktur yang tertentu.

13. Memadat Konkrit

13.1 Konkrit di antara dinding-dinding acuan hendaklah dipadatkan dengan alat getar dari jenis Benam dan konkrit untuk papak-papak yang tidak menggunakan acuan sebelah atasnya, hendaklah dipadatkan dengan alat getar dari jenis Permukaan atau alat getar dari jenis Rasuk atau jenis-jenis lain yang diluluskan oleh P.P. Alat getar hendaklah mempunyai kuasa yang mencukupi dan diluluskan oleh P.P.

13.2 Alat-alat getar hendaklah dikendalikan oleh pekerja-pekerja yang mahir dalam penggunaannya. Alat-alat getar jenis Benam hendaklah dibenamkan dan dikeluarkan secara perlahan dengan kadar lebih kurang 100mm sesaat. Pemadatan hendaklah dianggap memadai apabila mortar simen didapati berbentuk bulat disekeliling alat getar, getaran yang berlebihan yang boleh menyebabkan pengasingan bahan-bahan bancuhan mestilah dielakkan. Alat-alat getar jenis Benam hendaklah dibenamkan ditempat-tempat berpandukan kepada kawasan mortar simen yang kelihatan selepas pemadatan, dengan mengambil kira pemadatan berulangkali. Alat getar itu hendaklah jangan tersentuh dengan acuan atau tetulang dan hendaklah dibenam sejarak 75mm dari acuan. Alat getar jenis permukaan hendaklah diletakkan di atas permukaan konkrit yang telah dihentak dan diratakan dengan mengambil kira jarak tinggi untuk pemadatan sehingga mortar simen kelihatan di bawah alat getar tersebut. Alat getar hendaklah diangkat kemudiannya dan diletakkan keseluruhan permukaan telah siap dipadat. Selain daripada itu alat getar jenis Rasuk yang merintangi lebar permukaan, boleh juga digunakan.

14. Pengawetan dan Pelindung Konkrit

14.1 Permukaan yang terdedah, sejurus selepas set terakhir, hendaklah dilindungi dari pancaran terus cahaya matahari dengan cara yang diluluskan oleh P.P. Semua konkrit hendaklah dibasahkan dengan sempurnanyaselepas set dan hendaklah diadakan untuk pengagihan air yang mencukupi pada keseluruhan bahagian kerja supaya jika perlu, pengawetan boleh diteruskan dengan sempurnanya di sepanjang tempoh pembinaan. Untuk membolehkan konkrit sentiasa lembab, kesemua permukaan yang terdedah hendaklah ditutup dengan guni yang sentiasa dilembabkan, atau cara-cara lain yang diluluskan, untuk tempoh pengawetan yang tidak kurang daripada 10hari.

14.2 Semua kerja hendaklah dilindungi dari kerosakan oleh kejutan atau beban lebihan atau timpaan tanah dan lain-lain.

15. Acuan Konkrit

15.1 Kehendak Am.

15.1.1 Acuan konkrit hendaklah dibina dari kayu yang baik dan telah dijemur dengan sempurna, mempunyai kualiti dan kekuatan yang boleh memastikan keteguhan sepenuhnya, semasa konkrit dituang, dipadat, digetar dan semasa konkrit sedang diset, acuan konkrit hendaklah diketatkan secukupnya, untuk menahan pengaliran keluar cecair dalam konkrit. Acuan konkrit hendaklah tepat mengikut jajaran dan bebas dari kecacatan di permukaannya dan penyambung di antara kepingan hendaklah dengan cara sambungan lidah dan alur atau dipakal dengan jalur pengetat yang dibenam ke dalam lurah di antara dua kepingan bersebelahan dan menutupi sambungannya. Pengunaan sengkang atau sagang di bahagian dalam hendaklah dielakkan seberapa yang boleh dan kalau digunakan ia hendaklah diperbuat daripada logam dan yang boleh ditanggalkan tanpa mencacatkan konkrit. Tidak boleh ada sebahagian pun daripada sengkang atau penjarak logam yang ditinggal kekal di dalam konkrit kurang daripada 50mm dari permukaan konkrit yang telah siap. Perincian pembinaan hendaklah diatur untuk memudahkan penanggalan acuan konkrit dan baji dan bolt hendaklah digunakan seberapa boleh bagi menggantikan paku.

Dokumen Meja Terkawal

15.1.2 Acuan konkrit untuk rasuk dan bahagian-bahagian yang seumpamanya hendaklah direkabentuk dan dibina supaya bahagian-bahagian tepinya dapat ditanggalkan tanpa gangguan kepada bahagian-bahagian yang lain.

15.1.3 Acuan konkrit untuk salah satu tepi pada tiap-tiap tiang hendaklah dibuat daripada kepingan-kepingan berukuran 450mm tinggi, yang boleh ditanggalkan untuk membolehkan pemadatan yang sempurna dan dipasang semula untuk penuangan konkrit seterusnya.

15.2 Acuan Konkrit Berpermukaan Licin.

Acuan konkrit yang dihuraikan sebagai berpermukaan licin hendaklah dari papan yang diketam licin atau dilapik dengan kepingan logam, papan lapis atau bahan-bahan yang serupa bagi kesemua permukaan acuan di mana konkrit akan dituang. Permukaan konkrit yang sudah siap hendaklah licin dan rata dan hendaklah diambil tindakan sebagai berikut:-

(i) Semua unjuran yang tidak dikehendaki hendaklah diratakan dengan batu 'kaborandum' atau dengan lain-lain cara yang diluluskan oleh P.P dan segala batu halus atau pasir atau habuk-habuk yang terdapat darinya, hendaklah dibasuh dengan air yang bersih seluruhnya.

(ii) Sebagai satu operasi yang berasingan, setelah tindakan (i) di atas dilaksanakan, permukaan konkrit hendaklah disapu dengan satu lapisan larutan simen, yang akan diresapkan ke dalam rongga-rongga konkrit dan dilicinkan dengan menggunakan batu karborandum. Permukaan konkrit yang telah siap, hendaklah dilindungi daripada proses atau lain-lain cara yang diluluskan.

15.3 Acuan Konkrit Bercorak.

Acuan konkrit bercorak jika dikehendaki hendaklah sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan-pelan.

15.4 Acuan Konkrit Lain-lain Jenis

Acuan konkrit berpaten atau acuan daripada bahan-bahan selain yang lain daripada yang disebutkan di atas boleh digunakan setelah mendapat kelulusan daripada P.P terlebih dahulu.

15.5 Membersih dan Menyapu Minyak pada Acuan Konkrit.

Sebelum konkrit dituang, acuan konkrit hendaklah dibersih sepenuhnya, dan hendaklah bebas daripada habuk kayu, tatal kayu, debu lumpur atau lain-lain yang tidak diperlukan secara menyembur dengan air yang bersih. Lubang-lubang sementara hendaklah disediakan pada acuan konkrit untuk mengalirkan keluar air dan sampah tersebut. Kecuali jika selainnya diluluskan oleh P.P, permukaan dalam acuan konkrit hendaklah disapu dengan minyak acuan yang tidak meninggalkantanda kepada konkrit, yang diluluskan sebelum tetulang ditempatkan. Perhatian rapi hendaklah diambil untuk menentukan supaya tidak terdapat lebihan minyak acuan di permukaan acuan konkrit sebelum konkrit dituang dari semua tetulang hendaklah bebas dari minyak tersebut pada setiap masa.

15.6 Pemeriksaan Acuan Konkrit.

Semua acuan konkrit hendaklah diperiksa oleh P.P selepas penyediaannya sejurus sebelum konkrit dituang, dan konkrit tidak dibenarkan dituang sehingga kelulusan acuan konkrit tersebut telah diperolehi daripada P.P, tetapi sebarang kelulusan yang diberi tidak akan melepaskan Kontraktor daripada tanggungjawabnya.

15.7 Penanggalan Acuan Konkrit.

15.7.1 Kontraktor hendaklah memberitahu P.P dan mendapatkan kelulusannya terlebih dahulu sebelum menanggalkan sebarang acuan konkrit, tetapi sebarang kelulusan yang diberi tidak akan melepaskan Kontraktor dari tanggungjawabnya.

Dokumen Meja Terkawal

15.7.2 Acuan konkrit hendaklah ditanggalkan tanpa sebarang kejutan atau gegaran yang boleh merosakkan konkrit. Satu jangka masa hendaklah dibenarkan berlalu di antara penuangan konkrit dan penanggalan acuan konkrit untuk berbagai bahagian struktur.

15.7.3 Jadual berikut hendaklah digunakan sebagai panduan kepada tempoh minimum untuk menanggalkan acuan konkrit bagi konkrit yang menggunakan Simen Portland Biasa dan Simen Keras Cepat. Walau bagaimanapun P.P boleh dengan budi bicaranya menambah masa tersebut jika difikirkan perlu.

	Simen Portland Biasa	Simen Portland Keras Cepat
	Hari	Hari
Sisi rasuk, tembok dan tiang (tanpa bebanan)	3	2
Papak (penyangga tidak ditanggalkan)	4	3
Penanggalan penyangga kepada papak	10	5
Bahagian bawah rasuk (penyangga tidak ditanggalkan)	8	5
Penanggalan penyangga kepada rasuk	21	8

16. Kemasan Konkrit

16.1 Semua permukaan konkrit hendaklah dibiarkan sepertimana selepas acuan konkrit ditanggalkan. Sebarang kecacatan kepada konkrit hendaklah dibiarkan tanpa gangguan sehingga pemeriksaan dibuat olehP.P dan kecacatan tersebut hendaklah diperbaiki dengan cara di mana yang diluluskan oleh P.P.

16.2 Semua permukaan konkrit muka hendaklah dilindungi dengan sempurna daripada sebarang tanda kecemaran yang mungkin timbul semasa kerja kemasan lantai atau lain-lain kerja dengan cara menutupi dengan lapisan politin (polythene).

17. Sambungan Binaan

17.1 Sambungan binaan hendaklah diadakan di tempat-tempat sepertimana yang ditunjuk di dalam pelan-pelan atau diluluskan oleh P.P. Sambungan tersebut hendaklah bertentangan dengan acuan konkrit dan menegak pada paksi bahagian-bahagian struktur dan hendaklah dilurahkan di mana perlu. Langkah-langkah hendaklah diambil diambil untuk mencegah kehilangan pengaliran keluar turap pada bahagian-bahagian penahan. Pemadatan yang lebih kuat kepada konkrit hendaklah dilakukan kepada kedua-dua belah sambungan semasa konkrit dituang.

17.2 Dimana boleh, penahan di hujung sambungan binaan hendaklah ditanggalkan sebaik sahaja konkrit telah set dan permukaannya hendaklah diberus serta dibersihkan dengan air untuk menghilangkan lapis buah simen yang berlebihan dan mendedahkan batu-baur. Cara alternative ialah dengan menarik permukaan hujung sambungan binaan selepas konkrit keras. Sebelum tuangan konkrit diteruskan, permukaan sambungan binaan hendaklah dibersih dan dibasahkan dengan sempurna.

17.3 Sambungan binaan untuk permukaan konkrit yang terdedah hendaklah diatur dan dibentuk bagi menghasilkan keadaan permukaan yang tidak banyak berbeza dengan kemasan yang telah ditentukan.

18. Lapis Lepa Kalis Air Untuk Bumbung Rata Konkrit

18.1 Kecuali jika selainnya ditentukan atau ditunjukkan di dalam pelan, lapis lepa kalis air untuk bumbung rata konkrit bertetulang hendaklah terdiri daripada 32mm tebal lapis lepa yang diperkuatkan dengan keluli suhu dan dicampur dengan bahan tambah kalis air yang diluluskan.

Dokumen Meja Terkawal

18.2 Papak asas hendaklah dibina sepertimana yang dihuraikan untuk kerja konkrit dengan memastikan pemadatan yang menyeluruh dengan menggunakan alat getar jenis permukaan atau getaran jenis Rasuk. Konkrit hendaklah dituang terus menerus di antara sambungan-sambungan binaan yang telah ditentukan mengikut sepertimana yang diputuskan oleh P.P atau sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan. Sambungan pengembangan di mana diperlukan, hendaklah diadakan dan dibina sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan.

18.3 Lapis lepa kalis air hendaklah terdiri daripada satu bahagian simen dan tiga bahagian pasir yang telah dibersih dan digred dan hendaklah dibancuh dengan bahan kalis air yang diluluskan dan bahan pemudah adun yang diluluskan mengikut nisbah yang diperakukan oleh pembuat.

18.4 Keluli suhu hendaklah terdiri daripada satu jaringan bar keluli sederhana 6mm diameter yang dipasang pada 150mm jarak pusat kedua-dua hala atau sebagai alternatif jaringan keluli yang mematuhi Piawaian Malaysia M.S 7.8 boleh digunakan. Tetulang suhu hendaklah dipasang terus pada bahagian atas papak asas dan hendaklah mempunyai pelindung lapis lepa sekurang-kurangnya 19mm tebal pada bar tetulang suhu yang atas.

18.5 Lapis lepa hendaklah dituang selepas konkrit telah keras secukupnya tetapi hendaklah tidak lewat daripada 36 jam selepas kerja konkrit kepada papak asas bumbung dijalankan untuk memperolehi ikatan sempurna di antara lapis lepa dan papak asas. Permukaan lapis lepa itu hendaklah dikemaskan dengan menggunakan kayu perata dan diikuti dengan pelara besi untuk mendapatkan kemasan licin.

18.6 Sambungan-sambungan pada lapis lepa hendaklah diadakan dan dibina sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan. Sambungan-sambungan tersebut hendaklah ditempatkan di atas rasuk-rasuk utama bumbung dan hendaklah disumbat penuh dengan sebatian bitumen yang diluluskan secepat mungkin.

18.7 Selepas lapis lepa siap dibina, keseluruhan kawasan hendaklah dilindungi dengan sempurna dan diawet selama sekurang-kurangnya 7 hari. Sebagai alternative sebaik sahaja lapis lepa telah keras secukupnya dan berupaya untuk menahan berat seseorang tanpa meninggalkan tanda, bahan kedap plastic yang diluluskan hendaklah disembur mengikut peraturan pembuat.

19. Konkrit Tuang Dulu

19.1 Kecuali jika selainnya ditentukan atau ditunjukkan dalam pelan-pelan, konkrit tuang dulu hendaklah dari campuran 1:2:4 dengan tolok batu baur bersaiz 19 mm dengan kemasan sejati pada permukaan terdedah. Semua unit konkrit tuang dulu hendaklah matang untuk sekurang-kurangnya 14 hari untuk bahagian tak-struktur dan 21 hari untuk bahagian struktur sebelum digunakan dalam kerja.

19.2 Ambang konkrit hendaklah daripada konkrit tuang dulu atau tuang disitu.

Dokumen Meja Terkawal

JADUAL A – NISBAH DAN KEHENDAK KEKUATAN UNTUK CAMPURAN
Nominal Dengan Menggunakan Penimbang Sukatan
(Fasal Ruj. 6.2.1)

Nisbah Konkrit	Anggaran Berat Pasir Kering Bagi 50 Kg Simen	Anggaran Berat Batu-Baur Kasar Bagi 50 Kg Simen	Air Termasuk Air Dalam Batu-Baur		Kekuatan Mampat Minimum Bagi Kiub Kerja	
		Saiz Maksimum 19 mm				
	Jarak Turun (mm)	25 - 50	Nisbah Air/Simen	Kuantiti Air	Pada Hari Ketujuh	Pada Hari Kedua Puluh Lapan
	Faktor Pemadatan	0.88 – 0.94				
1:1:2	Kg 65	Kg 110	0.45	Liter 22.5	N/mm² 20	N/mm² 20
1:1½:3	80	135	0.50	25	17	25.5
1:2:4	90	155	0.55-0.60	27.5	14	21
*1:3:6	155	222	-	Sepertimana Diluluskan Oleh P.P.	-	-

**Faktor Pemadatan hendaklah ditentukan oleh P.P.*

JADUAL B – NISBAH DAN KEHENDAK KEKUATAN UNTUK CAMPURAN
Nominal Dengan Menggunakan Penyukat Isipadu
(Fasal Ruj. 6.2.1)

Nisbah Konkrit	Jarak Turun (mm)	Meter Padu Batu-Baur Bagi 50 Kg Simen		Air Termasuk Air Dalam Batu-Baur		Kekuatan Mampat Minimum Bagi Kiub Kerja	
		Halus	Kasar	Nisbah Air/Simen	Kuantiti Air	Pada Hari Ketujuh	Pada Hari Kedua Puluh Lapan
1:1:2	25-50	0.035	0.07	0.45	Liter 22.5	N/mm² 20	N/mm² 30
1:1½:3	25-50	0.05	0.10	0.50	25	17	25.5
1:2:4	25-50	0.07	0.14	0.55-0.60	27.5	14	21
1:3:6	25-50	0.10	0.20	-	Sepertimana Diluluskan Oleh P.P.	-	-

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN E – KERJA BATU-BATA

1. Simen

1.1 Simen hendaklah dari jenis Simen Portland Biasa sepertimana yang dihuraikan di bawah KERJA KONKRIT kecuali jika selainnya ditentukan.

2. Pasir

2.1 Pasir untuk mortar hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 1200 dan hendaklah dari jenis pasir air tawar yang keras, bersih dan bebas daripada sebarang selaput dan kekotoran yang lain dan hendaklah dibasuh dan/atau ditapis jika dikehendaki oleh P.P.

3. Mortar

3.1 Mortar hendaklah mengandungi 1 bahagian simen dan 6 bahagian pasir dan dicampur dengan pemudah adun yang diluluskan. Pemudah adun hendaklah digunakan mengikut arahan pembuat sepenuhnya. Bahan-bahan untuk mortar hendaklah disukat dengan menggunakan kotak sukatan yang sesuai dan hendaklah dibancuh di atas pelantar papan yang bersih atau menggunakan alat pembancuh berjentera yang diluluskan.

3.2 Semua mortar hendaklah digunakan dalam lingkungan masa 45 minit setelah dibancuh dan pembancuhan semula mortar tersebut tidak dibenarkan selepas daripada itu.

3.3 Mortar untuk kerja batu-bata dibahagian bawah lapisan kalis lembab atau di bawah aras lantai tingkat bawah hendaklah mengandungi 1 bahagian simen dan 3 bahagian pasir.

4. Batu-Bata Dan Batu Blok

4.1 Sampel

Sampel berasingan bagi tiap-tiap jenis batu-batu dan batu blok yang diambil secara rambang dari timbunan hendaklah dikemukakan dan diluluskan oleh P.P sebelum batu-bata dan batu blok digunakan dan semua pembekalan selanjutnya hendaklah mempunyai mutu yang setaraf dengan sampel yang telah diluluskan. Batu-bata dan batu blok yang lembut yang pecah yang mengeliuh atau yang mempunyai kecacatan-kecacatan lain tidak dibenarkan untuk digunakan.

4.2 Batu-bata Tanah Liat

Semua batu-bata tanah liat biasa hendaklah dari jenis yang diperbuat melalui proses mesin yang menggunakan dawai sebagai pemotong mengikut kehendak Piawaian Malaysia M.S 7.6. Batu-bata tersebut hendaklah dalam keadaan keras, dibakar dengan sempurna, teguh, bersegi tepat dan bersih.

4.3 Batu-bata Campuran Simen dan Pasir

4.3.1 Saiz

Batu-bata campuran simen dan pasir ini hendaklah mempunyai ukuran nominal seperti berikut:-

Panjang (mm)	Lebar (mm)	Tebal (mm)
225 +/- 3.2	113 +/- 1.6	75 +/- 1.6

4.3.2 Adunan

Batu-bata hendaklah mengandungi campuran simen dan pasir yang sebati dan seragam. Simen dan pasir hendaklah dibancuh mengikut nisbah isipadu 6 bahagian pasir dan 1 bahagian simen di dalam alat pembancuh berjentera yang berkemampuan membancuh 1 kampit simen sekaligus. (50 kg simen hendaklah dianggap bersamaan dengan 0.035 m^3). Pasir yang digunakan hendaklah sepertimana yang dihuraikan sebelum daripada ini dan hendaklah mempunyai saiz maksimum yang boleh menembusi tapisan 4.8mm mengikut

Dokumen Meja Terkawal

ayak Piawaian British. Simen yang digunakan hendaklah dari jenis Simen Portland Biasa sepertimana yang dihuraikan di bawah KERJA KONKRIT.

4.3.3 Buatan

Kecuali jika selainnya diluluskan batu-bata campuran simen dan pasir hendaklah dibuat di tapakbina. Batu-bata hendaklah diperbuat dengan menggunakan sejenis mesin yang diluluskan yang menggunakan kuasa elektrik atau kuasa jentera bermotor. Mesin tersebut hendaklah mempunyai alat pembancuh yang dipasang dengan mesin tekanan.

4.3.4 Pengawetan

Setelah dikeluarkan daripada mesin, permukaan batu-bata hendaklah dicakar dan dibiarkan matang diatas pengalas yang terletak ditempat teduh serta disusun berbaris-baris dengan tidak bertindih dan mempunyai ruang peredaran udara diantaranya. Dalam tempoh 24 jam yang pertama selepas dikeluarkan daripada mesin, batu-bata hendaklah sentiasa dibasahkan dengan menggunakan semburan halus. Selepas tempoh dua hari dikeluarkan daripada mesin, batu-bata tersebut hendaklah dipindahkan daripada pengalas dan dibiarkan matang diaras pelantar yang berbumbung dan mempunyai ruang peredaran udara diantaranya selama 26 hari. Batu-bata yang matang yang telah dikeluarkan dari tempat buatan dan dibawa ke tapakbina hendaklah dilindungi daripada hujan dan lembapan dengan menggunakan penutup mudahalih sehingga sampai masa ianya digunakan.

4.3.5 Kekuatan Mampat

Kekuatan mampat yang minimum bagi batu-bata selepas tempoh 24 hari hendaklah mencapai 6894 KN/m² atau 16.32 metrik tan bagi satu batu-bata. Selepas tempoh 24 hari, sampel batu-bata hendaklah diambil secara rambang daripada stok simpanan Kontraktor untuk diuji oleh P.P. Semua batu-bata yang kondem atau rosak hendaklah dikeluarkan dari tapakbina dengan perbelanjaan Kontraktor sendiri.

4.3.6 Batu-batu tidak boleh direndam tetapi hendaklah dicelup di dalam air sebelum diikat dan semua kerja batu-bata yang telah siap hendaklah dilindungi daripada pancaran matahari pada hari ianya diikat dan juga hari berikutnya dan Kontraktor hendaklah mengadakan penyediaan secukupnya untuk memastikan keperluan ini dipatuhi.

5. Dinding Batu-Blok Berongga

5.1 Batu-blok campuran simen dan pasir hendaklah dari saiz dan bentuk yang diluluskan yang dibuat menggunakan acuan yang diluluskan. Batu-blok hendaklah diikat mengikut cara sepertimana yang dilakukan untuk dinding batu-bata. Batu-blok tidak boleh direndam tetapi hendaklah dicelup di dalam air sebelum diikat. Batu-blok hendaklah mengandungi 1 bahagian simen dan 6 bahagian pasir. Semua batu-blok hendaklah dibuat kemas dan berbentuk sempurna dengan berbucu tajam. Campuran itu hendaklah digaul di dalam keadaan kering sebanyak tiga kali sehingga sebati dan mencapai warna yang seragam. Kemudian air hendaklah dicampurkan perlahan-lahan dengan menggunakan semburan sehingga mendapat bancuhan yang melikat. Bancuhan tersebut hendaklah digaul semula sebanyak 3 kali lagi dan dipadatkan dengan sempurna ke dalam acuan dan ratakan dengan menggunakan pelepa keluli. Setelah dikeluarkan daripada acuan, batu-blok tersebut hendaklah sentiasa dibasahkan dengan semburan halus semasa proses pematangannya. Batu-blok tidak boleh digunakan dimana-mana bahagian bangunan sehinggalah ianya matang sekurang-kurangnya empat belas hari.

5.2 Setiap batu-blok berongga hendaklah mempunyai dedinding luar sekurang-kurangnya 38 mm tebal disemua bahagian. Dinding batu-blok berongga hendaklah diteguhkan dengan menggunakan tetulang untuk batu-bata yang diluluskan pada setiap dua lapisan bermula dari satu lapisan dari aras lantai.

Dokumen Meja Terkawal

5.3 Kekuatan mampat minimum selepas tempoh 24 hari hendaklah mencapai 6894 kn/m. sq atau 16.32 metrik tan bagi satu batu-blok. Selepas tempoh 24 hari, sampel batu-bata hendaklah diambil secara rambang daripada stok simpanan Kontraktor untuk diuji oleh P.P.

6. Dinding Batu Bata Berpaten

6.1 Batu-blok berpaten hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 2028 dan 1364 dan hendaklah digunakan mengikut peraturan pembuat sepenuhnya.

7. Pembinaan Batu-Batu Secara Am

7.1 Keseluruhan kerja batu-bata sepertimana ditunjuk didalam pelan-pelan, kecuali jika selainnya dinyatakan hendaklah dibina dengan menggunakan batu-bata tanah liat berukuran piawai dengan mortar sepertimana yang dinyatakan dan permukaannya hendaklah disiapkan sehingga sedia untuk kerja melepa.

7.1A Walau apapun peruntukan perenggan 7.1 di atas dan apa-apa sebaliknya yang terdapat di bahagian-bahagian lain di dalam Dokumen Kontrak, Kontraktor boleh dengan kelulusan P.P membina semua kerja batu-bata tak tanggung beban yang akan dilepa pada kedua-dua belahnya, di bahagian atas paras lapisan kalis lembab atau paras lantai tingkat bawah dengan batu-bata campuran simen dan pasir sepertimana yang dinyatakan sebelum daripada ini. Dengan syarat bahawa di mana P.P membenarkan penggantian batu-bata tanah liat dengan batu-bata campuran simen dan pasir, potongan akan dibuat dari Harga Kontrak untuk penggantian tersebut pada kadar harga yang dikira dari harga ke Tapak Bina batu-bata tanah liat dan batu-bata campuran simen dan pasir yang dipersetujui dan saiz purata batu-bata tanah liat dan batu-bata campuran simen dan pasir yang berkenaan itu, dengan menggunakan rumusan-rumusan berikut:-

Butir Mengenai Kerja Batu Bata	**Kadar Harga Potongan Semeter Persegi**	
1. Dinding setengah bata	1,000,000	$\left[\frac{1.025\ Htl}{(Ptl + 10)(Ttl + 10)} - \frac{1.100\ Hap}{(Pap + 10)(Tap + 10)} \right]$
2. Dinding satu bata	2,000,000	$\left[\frac{1.025\ Htl}{(Ptl + 10)(Ttl + 10)} - \frac{1.100\ Hap}{(Pap + 10)(Tap + 10)} \right]$

Dimana,

Htl = Harga ke Tapak Bina batu-bata tanah liat yang dipersetujui,
Ptl = Panjang puratabatu-bata tanah liat yang berkenaan dalam millimeter,
Ttl = Tebal purata batu-bata tanah liat yang berkenaan dalam millimeter,
Hap = Harga ke Tapak Bina batu-bata campuran simen dan pasir yang dipersetujui,
Pap = Panjang purata batu-bata campuran simen dan pasir yang berkenaan dalam millimeter, dan
Tap = Tebal purata batu-bata campuran simen dan pasir yang berkenaan dalam millimeter.

7.2 Semua batu-bata hendaklah direndam didalam tangki yang sesuai atau lubang yang disediakan oleh Kontraktor sekurang-kurangnya selama ½ jam sebelum diikat dan hendaklah sentiasa basah semasa diikat. Dimana kerja mengikat batu-bata dihentikan untuk sementara waktu, bahagian atas dinding hendaklah dibasahkan sebelum kerja tersebut diteruskan semula. Semua dinding yang telah siap dibina hendaklah sentiasa dibiarkan basah dan dilindungi daripada pancaran matahari pada hari berikutnya. Kontraktor hendaklah mengadakan penyediaan secukupnya untuk memastikan keperluan ini dipatuhi.

7.3 Semua batu-bata hendaklah diikat dengan mortar dengan sempurna dan semua sambungan hendaklah diratakan dengan sempurna dan disadak sedalam 13 mm semasa kerja dijalankan. Kesemua sambungan tidak boleh melebihi 10 mm tebal.

Dokumen Meja Terkawal

7.4 Semua kerja batu-bata hendaklah dibina dengan tepat dan dalam keadaan tegak lurus yang seragam. Mana-mana bahagian bagi satu dinding batu-bata tidak boleh dibina melebihi 1m dari bahagian yang lain pada satu masa. Kerja mengikat batu-bata tidak boleh dijalankan melebihi paras bahu mengikat dan peranca hendaklah digunakan dan ditingkatkan dari masa ke semasa untuk tujuan ini. Titik-titik pugak bagi tiap-tiap lapisan dengan lapisan yang berselang hendaklah tegak diatas satu sama lainnya dan semua garis pugak, penjuru dan sebagainya hendak dibina dengan tepat dan bersegi tepat.

7.5 Semua persilangan dan sudut pada dinding hendaklah diikat diantara satu sama lain dengan sempurna . semua dinding dan tiang batu-bata yang mana panjang dan lebarnya bukan mengikut gandaan ukuran batu-bata hendaklah dipotong dan diikat dengan sebaik cara yang diluluskan. Batu-bata yang pecah tidak boleh digunakan kecuali jika diperlukan untuk membentuk satu-satu ikatan.

7.6 Semua dinding batu-bata dan sesekat yang setebal setengah bata (113 mm) hendaklah diteguhkan pada tiap-tiap empat lapisan dengan menggunakan tetulang untuk batu-bata yang diluluskan, bermula dari lapisan kedua daripada aras lantai. Bagi dinding batu blok pula tetulang tersebut hendaklah dipasang pada tiap-tiap dua lapisan bermula dari lapisan pertama daripada aras lantai.

8. Corak Ikatan

8.1 Semua dinding yang berukuran setebal setengah bata hendaklah dibina dalam corak ikatan memanjang.

8.2 Semua kerja batu-bata yang lain hendaklah dibina mengikkut corak ikatan Inggeris atau sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan.

9. Lapisan

9.1 Lapisan kalis lembap dari jenis bitumen hendaklah diadakan sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan. Lapisan kalis lembap hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 743, dipasang bertindih sekurang-kurangnya 150 mm pada setiap sudut dan sambungan diatas mortar simen (1:1) yang rata dan disalut pada permukaan atas dengan bitumen cecair.

9.2 Sekiranya timbul sebarang keraguan mengenai lokasi sebenar lapisan kalis lembap, Kontraktor hendaklah merujuk kepada P.P sebelum memasangnya.

10. Pemasangan Jangkar

10.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan, jangkar bagi bingkai tingkap logam dan unit-unit konkrit tuang dulu hendaklah dibina pada setiap jarak 1 meter disepanjang sisi pugak bingkai. Jangkar keluli sederhana hendaklah dipasang pada bingkai kayu dan hendaklah dipasang pada bingkai kayu dan hendaklah berukuran 25mm x 3mm x 225mm panjang. Satu hujung jangkar hendaklah dibengkokkan dan diskru pada bahagian belakang bingkai manakala hujung yang satu lagi hendaklah dibelah dua dan dibentuk seperti ekor ikan untuk dipasang ke dalam batu-bata. Jangkar yang hendak dipasang pada konkrit hendaklah dibenamkan ke dalam konkrit dan dipasang pada batu-bata semasa kerja batu-bata dijalankan.

11. Peranca

11.1 Semua peranca hendaklah dibina dan ditingkatkan dari masa ke semasa seiring dengan kemajuan kerja dan hendaklah selamat untuk digunakan.

12. Kerja Batu-Bata Muka

12.1 Semua kerja batu-bata muka hendaklah dibuat daripada batu-bata muka mutu terbaik yang diluluskan dengan corak ikatan memanjang atau corak ikatan Flemish atau sepertimana yang ditunjukkan dan hendaklah diikat dengan sempurna kepada mana-mana dinding sokong, tiang, dsb. Sambungan-sambungan batu-bata muka hendaklah disadak sedalam 13mm dan dikemas ikat dengan simen mortar berwarna untuk memperolehi kecerahan warna yang diluluskan dan dikemaskan dengan sambungan penangkis cuaca.

Dokumen Meja Terkawal

12.2 Kerja batu-bata muka hendaklah sentiasa berkeadaan bersih yang sempurna dan permukaan batu-bata yang telah diikat tidak dibenarkan dikikis atau disental.

13. Pemotongan Batu-Bata

13.1 Semua gerbang, pemotongan, lekukan, unduran dan unjuran hendaklah dibentuk dengan sempurna. Lundar dan lubang-lubang yang melalui dinding dan papak untuk laluan paip, pemdawaian dan sebagainya hendaklah dipotong atau dibentuk dengan kemas dan rapi.

14. Kerja Batu

14.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan-pelan, semua blok batu yang digunakan hendaklah daripada jenis granit, yang bebas dari retakan, rekahan atau kecacatan yang lain dan hendaklah diluluskan oleh P.P. Pada amnya, setiap blok batu hendaklah mempunyai kedua-dua permukaan terbesar yang selari. Kecuali jika selainnya dikehendaki, tebal maksimum blok batu hendaklah tidak boleh melebihi tebal dinding atau mana-mana bahagian struktur ianya hendak dibina.

14.2 Dinding batu hendaklah diikat dalam corak ikatan rambang lapisan tidak seragam atau corak ikatan rambang lapisan seragam sepertimana ditunjukkan dalam pelan-pelan. Batu terusan atau batu yang diikat hendaklah digunakan dengan kadar 1 blok batu bagi satu meter persegi untuk corak ikatan rambang lapisan tidak seragam manakala 2 blok batu bagi semester persegi untuk corak ikatan rambang lapisan seragam. Dimana dinding sokong batu-bata ada ditunjukkan, batu terusan hendaklah diikat dengan sempurna kepada dinding tersebut.

14.3 Kecuali jika selainnya dinyatakan atau ditunjukkan di dalam pelan-pelan, semua kerja batu hendaklah diikat dengan mortar campuran simen dan pasir (1:3) dan dikemaskan dengan sambungan rata yang digosok dengan guni. Semua ruang perantaraan batu-bata hendaklah diisi dengan mortar. Permukaan dinding corak ikatan rambang yang terdedah hendaklah diketuk dan dikemaskan dengan penukul besi.

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN F – KERJA SALIRAN KOTORAN

1. Kehendak Am

1.1 Kerja di bawah bahagian ini, kecuali jika selainnya ditunjuk atau ditentukan meliputi pembekalan penghantaran, pembinaan dan pengujian kesemua saliran kotoran dan kerja yang berkaitan dengannya, bermula dari penyambungan kepada paip pugak sehingga ke takat akhir pembuangan cecair termasuk pembinaan tangki najis/tangki 'imhoff'. Jika air buangan disalir ke betung awam atau ke loji pembersih kumbahan, kerja tersebut hendaklah berakhir sehingga dan termasuk luring yang terakhir atau perangkap penghalang bagi sistem tersebut. Kerja ini hendaklah dilaksanakan menurut undang-undang kecil yang berkaitan dan hendaklah mendapat kelulusan P.P.

2. Simen, Pasir, Batu Baur dan Batu-bata

2.1 Simen, pasir dan batu baur hendaklah sepertimana yang telah ditentukan untuk KERJA KONKRIT. Batu bata yang digunakan, kecuali jika selainnya ditunjukkan hendaklah yang diperbuat dari tanah liat sepertimana yang telah ditentukan untuk KERJA BATU-BATA.

3. Susunatur

3.1 Seluruh Kerja Saliran Kotoran hendaklah dilaksanakan mengikut susunatur sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan.

4. Penggalian

4.1 Pada amnya, semua kerja penggalian di dalam bahagian ini, kecuali jika selainnya ditentukan di bawah ini, hendaklah dilaksanakan sepertimana yang ditentukan untuk Kerja Penggalian.

4.2 Penggalian bagi lurang-lurang, tangki najis/atau hampar penapis hendaklah sedalam yang ditunjukkan atau yang dapat ditakrifkan dari pelan-pelan.

4.3 Peparit hendaklah digali sedalam yang dimaksudkan atau ditunjukkan di dalam pelan dan hendaklah diratakan ke paras dan kecerunan yang betul. Kecuali jika selainnya ditunjukkan, bahagian bawah peparit hendaklah dicuramkan supaya lantai dasar paip mencuram selanjar di antara lantai dasar salur keluar lurang yang terdahulunya dengan lantai dasar salur masuk lurang yang berikutnya.

4.4 Peparit hendaklah digali secukup lebar untuk memastikan ruang bekerja selebar 150 mm terdapat di kedua dua belah tepi tiap-tiap paip apabila ia dijajarkan dengan betul. Di semua sambungan, peparit hendaklah digali supaya ruang bekerja yang tidak kurang dari 300 mm terdapat di sekeliling sambungan tersebut.

4.5 Tebing-tebing penggalian, kecuali jika selainnya di luluskan oleh P.P hendaklah dipotong memugak dan jika perlu, kayu-kayu penahan yang dilulus oleh P.P hendaklah digunakan untuk mengelak keruntuhan tebing.

4.6 Jika tanah didapati terlalu lembab atau lembik untuk mendapatkan satu dasar permukaan yang kukuh bagi paip, dan diperlukan oleh P.P peparit hendaklah digali 225 mm di bawah paras yang dikehendaki atau yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan, dan kemudian peparit tersebut dipadatkan ke paras yang dikehendaki dengan tanah atau pasir pilihan yang baik. Kerja mendalam dan menimbus balik peparit tersebut hendaklah dianggap sebagai kerja pindaan di bawah syarat-syarat Kontrak. Walau bagaimanapun, jika peparit tersilap digali melebihi paras yang telah ditetapkan, Kontraktor hendaklah menimbusnya kembali ke paras yang dikehendaki dengan perbelanjaan sendiri.

Dokumen Meja Terkawal

4.7 Apabila menggali peparit untuk paip di permukaan jalan atau lain-lain permukaan yang berturap, Kontraktor hendaklah terlebih dahulu membuang semua batu, papak atau batu bata yang merupakan turapan asal menurut lebar peparit dan memperbaiki semula permukaan-permukaan tersebut seperti yang diluluskan oleh P.P setelah peparit ditimbus kembali.

4.8 Pada amnya, jika ketul batu besar dijumpai semasa menggali, ia hendaklah dibuang mengikut cara yang dilulus oleh P.P. Jika ketulan batu besar dijumpai di dasar peparit, ia hendaklah dipotong dan dirapikan ke paras dasar peparit yang dikehendaki. Kesemua lubang-lubang yang terdapat di dasar peparit akibat dari pembuangan ketulan batu hendaklah ditimbus kembali ke paras yang dikehendaki dengan menggunakan konkrit 1:3:6 – 38 mm atau lain-lain bahan yang sesuai, dan dihentak serta dipadat semuanya mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Permukaan ketulan batu yang bergerigi di dasar peparit akibat dari pemotongan, hendaklah dirata dan disamakan dengan lapisan pasir mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

5. Paip-paip Dan Pepasangan

5.1 Pada amnya, kesemua saluran kotoran, kecuali jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan, hendaklah dari paip-paip dan pepasangan tembikar gilap bersoket masing-masing mematuhi Piawaian British B.S 65 dan Piawaian British B.S 539.

5.2 Kesemua saluran yang melalui bawah bangunan hingga ke lurang yang terdekat sekali di luar bangunan, dan yang melalui bawah jalan-jalan, kaki-kaki lima atau seumpamanya, dan paip-paip yang terdedah di atas tanah hendaklah dari paip-paip dan pepasangan besi tuangan bersalut, masing-masing mematuhi Piawaian British B.S 437 dan B.S 1130 atau B.S 416 dan B.S 78 mengikut yang mana berkenaan. Jika paip-paip dan pepasangan simen asbestos ditunjukkan di dalam pelan-pelan, ia hendaklah dari jenis kelas 'B' dan mematuhi Piawaian British B.S 3656.

5.3 Jika paip-paip dan pepasangan serapan gentian tar pula ditunjukkan, ia hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 2760. Jika paip-paip dan pepasangan klorida polivinil tak plastik ditunjukkan, ia hendaklah dari jenis Kelas 'C' dan mengikut Piawaian B.S 3506. Kesemua paip dan pepasangan hendaklah dari buatan yang diluluskan.

6. Sambungan Paip-paip Saluran

6.1 SAmbungan mortar hendaklah digunakan bagi semua paip tembikar kecuali jika selainnya ditentukan. Sambungan-sambungan hendaklah dibuat dengan memakaikan taliguni yang dilumurkan dengan bitumen ke dalam soket dan dihentakkan dengan rapi. Sambungan ini kemudiannya hendaklah disumbat dengan mortar simen ke dalam soket dan disiapkan dengan membentuk kambi tiga segi bercerun 45 darjah. Campuran mortar hendaklah terdiri daripada satu bahagian ukuran padu Simen Portland Biasa dan dua bahagian ukuran padu pasir bersih serta air yang secukupnya untuk menghasilkan konsistensi yang memuaskan. Mortar yang tidak digunakan di dalam masa 45 minit selepas air dicampurkan tidak boleh digunakan atau dibancuh semula dan hendaklah dibuang.

6.2 Bagi semua paip tembikar yang menyalurkan kotoran yang berasid sambungan bitumen hendaklah digunakan. Sambungan tersebut hendaklah mengandungi campuran yang terdiri daripada tiga bahagian bitumen dari jenis yang diluluskan, dan satu bahagian debuan logam, yang dimasak. Bancuhan ini hendaklah dikacau untuk mengelakkan debuan logam dari mendap, dan ia hendaklah dipanaskan sehingga hampir mendidih selama tiga jam sebelum digunakan. Walau bagaimanapun jika diluluskan oleh P.P sambungan bitumen ini boleh dibuat daripada satu bahagian pasir yang bersih dan satu bahagian bitumen. Sebaik sahaja sambungan ini hendak dibuat, spigot dan soket bagi tiap-tiap paip hendaklah dipanaskan dahulu.

Dokumen Meja Terkawal

6.3 Jenis-jenis sambungan yang lain bagi paip tembikar boleh digunakan jika diluluskan oleh P.P.

6.4 Paip-paip besi tuangan hendaklah disambungkan dengan taliguni atau rami dan timah yang lembut, yang dipakal dengan rapi mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Bahagian dalam tiap-tiap paip hendaklah dibersihkan dengan cermat selepas sambungan dibuat untuk memastikan pengaliran air yang berterusan dan tidak tersekat.

6.5 Jika paip dan pepasangan simen asbestos ditunjukkan, ia hendaklah disambung dengan gegelang getah. Simpai-simpai dan paip-paip yang digunakan hendaklah diperbuat dari bahan dan kelas yang sama. Gegelang getah, simpai-simpai dan cara-cara menyambung hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 2494.

6.6 Jika paip-paip dan pepasangan serapan gentian tar ditunjukkan, ia hendaklah disambung dengan cara sambungan kupling tirus. Kupling-kupling hendaklah diperbuat daripada bahan yang sama seperti paip ataupun daripada bahan plastic yang mematuhi Piawaian British B.S 2760. Paip-paip dan kupling-kupling hendaklah mempunyai hujung tirus yang dibentuk dengan menggunakan mesin atau acuan. Bahagian dalam kupling yang tirus itu hendaklah sepadan dengan bahagian luar paip yang tirus. Semua sambungan hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 2760.

6.7 Jika paip pepasangan klorida polivinil tak plastic ditunjukkan, ia hendaklah disambung dengan menggunakan simpai-simpai dan gegelang getah. Simpai-simpai dan paip-paip hendaklah diperbuat dari bahan dan kelas yang sama.

7. Memasang Paip

7.1 Semua paip hendaklah dipasang mengikut saiz, lokasi, ukuran, kecuraman dan lain-lain butir sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan. Tiap-tiap paip hendaklah diperiksa dengan teliti apabila tiba di tapakbina. Paip-paip yang boleh diterima oleh P.P hendaklah disimpan dengan cermat. Paip-paip yang tidak diterima oleh P.P hendaklah ditanda dan dibawa keluar dari tapakbina dengan serta merta.

7.2 Sebelum diletakkan atau dipasang, paip-paip dan pepasangan-pepasangan hendaklah diperiksa sekali lagi dengan teliti dan hanya paip yang didapati baik dalam segala aspek hendaklah digunakan. Jika terdapat paip atau pepasangan dan lain-lain yang rosak ia hendaklah ditanda dengan jelas atau diasingkan untuk dibawa keluar dari tapakbina.

7.3 Paip-paip hanya boleh dipasang apabila peparit telah diperiksa dan diluluskan oleh P.P.

7.4 Paip-paip hendaklah dimasukkan ke dalam peparit dengan cermat dengan cara yang diluluskan oleh kerajaan oleh P.P. Paip-paip tidak boleh digolek atau dicampak kedalam peparit. Paip-paip hendaklah dipasang mengikut jajaran yang betul sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan. Bahagian dalam dan luar tiap-tiap paip di sambung hendaklah dibersihkan sebelum sambungan dibuat.

7.5 Untuk mengelakkan paip-paip dari dimasuki tanah dan lain-lain bahan, Kontraktor hendaklah memasang penutup-penutup yang sesuai untuk menutup semua bahagian hujung paip yang terbuka di dalam peparit semasa kerja tidak dijalankan dibahagian hujung tersebut.

7.6 Paip-paip bersoket hendaklah diatur dengan soketnya mengongsang hala pengaliran. Tapak di tiap-tiap sambungan paip, hendaklah diluangkan dengan secukupnya untuk membolehkan pekerja menjalankan kerja di sekeliling paip.

Dokumen Meja Terkawal

7.7 Paip-paip yang perlu dipasang di atas alas konkrit, dirusuk atau dibalut dengan konkrit, hendaklah sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan dan sebagaimana yang ditentukan kemudian daripada ini.

7.8 Paip saliran dalam tanah hendaklah dipasang dengan sambungan terbuka dan di sekeliling dengan batu-batu pecah yang terdiri daripada saiz-saiz yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan atau jika tidak ditunjuk, saiz-saiznya hendaklah di antara 19mm hingga 5mm. perenggang di sambung terbuka hendaklah sepertimana yang diluluskan oleh P.P dan bahagian atas sambungan tersebut hendaklah dilitupi dengan felt bitumen yang diluluskan.

7.9 Semua saliran kotoran bawah tanah di bahagian luar bangunan hendaklah mempunyai tutup tanah minimum setebal 450 mm kecuali jka selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan.

7.10 Paip-paip kotoran hendaklah dipasang mengikut kecuraman yang ditunjukkan atau yang dapat ditakrif daripada pelan-pelan. Jika kecuraman-kecuraman tidak ditunjukkan atau tidak dapat ditakrif paip-paip itu hendaklah dipasang mengikut kecuraman seperti berikut:-

Saiz	Kecuraman
100 mm diameter	1 : 60
150 mm diameter	1 : 80
225 mm diameter	1 : 110
250 mm diameter	1 : 120
300 mm diameter	1 : 140
375 mm diameter	1 : 170
450 mm diameter	1 : 200

7.11 Jika paip-paip kotoran dipasang di atas tanah, ia hendaklah ditupang di jarak-jarak tertentu yang ditunjukkan di dalam pelan atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

8. Alas, Rusuk dan Pembalut Konkrit

8.1 Alas, rusuk dan pembalut hendaklah diperbuat daripada konkrit campuran 1:3:6 – 38 mm (batu-baur).

9. Penyambungan

9.1 Kontraktor hendaklah mengambil kira untuk mengadakan kesemua siku-siku, cawang-cawang, perangkap, gegeluk, sepertimana yang ditunjukkan ataupun, di mana ia diperlukan. Jika gegeluk digunakan, ianya hendaklah daripada jenis salur masuk dan hendaklah diletakkan rata di atas alas konkrit, serta mempunyai tetingkat yang disudahkan 50 mm lebih tinggi dari paraspermukaan sekitar dan dikelilingi dengan konkrit yang dilepa pada semua permukaan dan dilengkapkan dengan jeriji besi galvani. Siku-siku yang didongakkan untuk disambungkan kepada pelbagai paip pugak hendaklah diletak di atas alas konkrit dan mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Siku-siku di bahagian bawah paip pugak hendaklah daripada jenis siku sederhana.

9.2 Kesemua pepasangan bawah tanah hendaklah dibalut seluruhnya dengan konkrit dan Kontraktor hendaklah mengambil kira semua penggalian tambahan dan sambungan paip-paip yang diperlukan.

10. Lurang-lurang

10.1 Lurang-lurang dan lurang pemeriksaan hendaklah dibina mengikut saiz-saiz

Dokumen Meja Terkawal

dan Lurang Pemeriksaan

yang ditunjukkan di dalam pelan. Kecuali jika selainnya ditunjukkan atau ditentukan, kesemua ukuran-ukuran yang diberi di dalam pelan adalah ukuran bahagian dalam.

10.2 Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan-pelan, semua lurang-lurang dan lurang pemeriksaan hendaklahdibina daripada batu-bata dengan mortar simen (1:2). Kerja batu-bata itu hendaklah dibina di atas asas konkrit (1:3:6 - 19 mm) melainkan selainnya ditunjukkan dalam pelan. Ukuran tebal dan saiz asas hendaklah sepertimana yang ditunjukkan dalam pelan-pelan, tiap-tiap lurang dan lurang pemeriksaan hendaklah mempunyai saluran-saluran dan cawangan-cawangan saluran terbuka mengikut saiz sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan. Rusuk konkrit hendaklah dicuramkan sebanyak 1:6 dan hendaklah diperbuat daripada konkrit (1:3:6 – 19 mm) yang disudahkan dengan lepaan simen dan pasir (1:3) setebal 19 mm yang kalis air dengan menggunakan pelepa besi. Bahagian dalam lurang-lurang dan lurang pemeriksaan hendaklah dilepa dengan mortar simen (1:2) kalis air setebal 22 mm. bahagian luarnya. Semua permukaan konkritdan batu-bata yang terdedah hendaklah dilepa dengan mortar simen (1:3) setebal 12 mm sehingga 150 mm dibawah paras siap tanah. Semua sudut-sudut bahagian dalam hendaklah dibentuk membulat. Lurang-lurang dan lurang pemeriksaan hendaklah disediakan dengan penudung-penudung dan kecuali jika selainnya ditentukan atau ditunjukkan di dalam pelan-pelan, penudung-penudung hendaklah daripada jenis tugas sederhana diperbuat daripada besi tuang berukuran 450 mm x 600 mm dengan bingkai yang kedap udara. Anak-anak tangga besi tempa yang daripada jenis yang diluluskan hendaklah dibina ke dalam dinding batu-bata tiap-tiap lurang pemeriksaan yang dalamnya 1 m atau lebih, dan anak-anak tangga itu hendaklah dijarakkan tidak lebih daripada 300 mm antara tiap-tiap satu dan anjuran 100 mm daripada permukaan dinding.

11. Tangki Najis Hamparan Penapis

11.1 Tangki najis dan hamparan penapis hendaklah dibina sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan dan hendaklah mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

12. Penyambungan Ke Betung Awam

12.1 Jika terdapat penyambungan-penyambungan ke Betung Awam, ia hendaklah dilaksanakan sepenuhnya mengikut keperluan-keperluan Pihak Berkuasa Tempatan dan mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

13. Ujian untuk Pemasangan Saliran Kotoran

13.1 Kontraktor hendaklah menjalankan ujian-ujian ke atas pemasangan saliran kotoran, mengikut cara dan keperluan-keperluan yang diterangkan dibawah ini. Kontraktor hendaklah memberi notis bertulis dengan tempoh yang munasabah kepada P.P sebelum ujian-ujian di jalankan.

13.2 Ujian kerja paip hendaklah dijalankan sebelum peparit dikambus dan di mana yang boleh, ujian-ujian tersebut hendaklah di jalankan dari lurang ke lurang. Paip cabang pendek yang bersambung kepada betung utama diantara lurang-lurang hendaklah diuji bersama dengan betung utama tersebut sebagai satu sistem. Paip cabang dan lurang-lurang hendaklah diuji berasingan.

13.3 Paip-paip tembikar hanya boleh diuji selepas 24 jam setelah sambungan mortar yang terakhir disiapkan.

13.4 Semua kerja-kerja paip hendaklah dikenakan ujian air atau lain-lain ujian yang dikehendaki oleh Pihak Berkuasa tempatan dan hendaklah mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

13.5 Bagi ujian air paip hendaklah dikenakan tekanan ujian dalam dengan turus air setinggi 1.2m atas puncak paip, dibahagian hujung yang tinggi tetapi tidak melebihi 6 m di bahagian hujung yang rendah. Paip yang mempunyai kecerunan yang tinggi hendaklah

Dokumen Meja Terkawal

diuji berperingkat-peringkat jika sekiranya turus maksimum tersebut akan dilebihi sekiranya seluruh bahagian paip diuji sekaligus.

13.6 Ujian tersebut hendaklah dijalankan dengan menyumbat bahagian hujung paip yang rendah dan penyambung-penyambung jika perlu, dan kemudian mengisi sistem tersebut dengan air yang sentiasa penuh selama 15 minit sebelum diuji dan ujian tersebut hendaklah dilakukan di dalam tempoh ujian yang tidak kurang daripada 30 minit.

13.7 Kehilangan air di dalam tempoh 30 minit hendaklah diukur dengan menambah air daripada bekas pengukur air pada tiap-tiap 10 minit dan kuantiti air yang diperlukan untuk mengekalkan paras air yang asal hendaklah dicatitkan. Untuk tujuan ujian, kuantiti purata yang perlu ditambah untuk paip-paip sehingga 460 mm diameter, tidak boleh melebihi 0.12 liter sejam bagi tiap-tiap satu meter panjang, setiap 100 mm diameter namaan bahagian dalam paip.

13.8 Sebarang kebocoran, termasuk pemeluhan yang keterlaluan, yang mengakibatkan jatuhnya paras air semasa ujian, dan mana-mana nahagian kerja yang rosak, hendaklah dibuang dan diperbaiki dan diuji semula seperti di atas.

14. Pengambusan Kembali

14.1 Setelah paip-paip diuji dan diluluskan, peparit hendaklah dikambus dengan menggunakan bahan-bahan pengambus yang diluluskan, dan yang bebas daripada ketul-ketul batu besar atau lain-lain bahan yang keras, dan hendaklah dipadatkan dengan rapi di keliling paip-paip hingga ke paras sekurang-kurangnya 75 mm lebih tinggi dari bahagian atas paip. Selepas ini diluluskan, peparit itu hendaklah seterusnya dikambus berlapis-lapis setebal 300 mm dan setiap lapisan hendaklah dipadatkan dengan rapi.

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN G – KERJA BUMBUNG

1. Kehendak Am

1.1 Kecuali jika selainnya dinyatakan, kecerunan dan tindihan untuk setiap jenis penutup bumbung hendaklah mematuhi peraturan pembuat sepenuhnya.

1.2 Kecuali jika selainnya diluluskan, semua peralatan untuk penutup bumbung seperti kepingan-kepingan cucur atap, limas, perabung dan lurah hendaklah terdiri daripada bahan yang sama dengan penutup bumbung.

2. Genting Konkrit Saling Mengirat

2.1 Genting konkrit saling mangirat hendaklah daripada jenis dan warna yang diluluskan dan hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 550. Genting-genting hendaklah bebas daripada segala kecacatan.

2.2 Genting konkrit saling mengirat hendaklah dipasang ke atas kayu beroti sederhana keras berukuran 50 mm x 30 mm yang diluluskan untuk bumbung dan dipasang pada jarak 300 mm untuk genting biasa dan pada jarak 275 m untuk genting cerun landai.

2.3 Penyumbat genting yang terdiri daripada mortar simen (1:3) sepertimana yang ditentukan untuk Kerja Batu-Bata hendaklah diadakan dibahagian kaki kasau.

2.4 Genting untuk sisi atap, perabung, limas dan lurah hendaklah diadakan dan dipasang bercantum dengan keseluruhan penutup bumbung mengikut peraturan pembuat.

3. Genting Tanah Liat

3.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan, genting tanah liat hendaklah berbentuk 'Marsseilles' mematuhi Piawaian British B.S 402. Genting itu hendaklah berukuran 400 mm hingga 425 mm panjang dan 225 mm hingga 263 mm lebar dan hendaklah bebas dari sebarang keretakan, serpihan dan meleding.

3.2 Di mana genting tanah liat hendaklah digunakan, ianya hendaklah dipasang dengan kukuh ke atas kayu beroti berukuran 50 mm x 25 mm pada jarak lebih kurang 275 mm dengan menggunakan dawai tembaga.

3.3 Penutup perabung, genting limas dan genting lurah hendaklah diadakan bersepadan dengan keseluruhan bumbung dan dipasang dengan menggunakan simen mortar (1:3) yang menyerupai warna bumbung.

4. Kepingan Penutup Bumbung Simen Asbestos

4.1 Di mana kepingan penutup bumbung simen asbestos hendak digunakan, kecuali jika selainnya dinyatakan, ianya hendaklah daripada jenis kepingan simen asbestos gelugur ringan dengan warna, bentuk dan saiz yang diluluskan. Kepingan-kepingan ini hendaklah dipasang mengikut peraturan pembuat dengan sepenuhnya. Permukaan kepingan penutup bumbung hendaklah dirawat dengan bahan yang diluluskan untuk mencegah pertumbuhan kulat, mengelakkan penyerapan lembapan dan menghasilkan permukaan yang boleh menangkis air, kecuali rawatan ini telah dilaksanakan oleh pembuat sebagaimana yang diluluskan oleh P.P. Sekiranya kerja rawatan ini dilaksanakan di tapakbina, kepingan penutup bumbung hendaklah dirawat hanya selepas ianya dipasang.

4.2 Setiap kepingan hendaklah mempunyai tindihan di bahagian hujung sekurang-kurangnya 150 mm dan tindihan di bahagian tepi hendaklah sepertimana yang diperakukan oleh Pembuat. Di mana kecerunan atap kurang daripada 18 darjah, tindihan di bahagian hujung hendaklah disumbat rapat dengan mastic kalis air yang diluluskan.

Dokumen Meja Terkawal

4.3 Peralatan perabung yang hendak disesuaikan dan peralatan limas hendaklah diadakan dan dipasang lengkap dengan semua tutup perabung dan penutup bahagian hujung, dan kesemuanya ini hendaklah mengikut saiz dan jenis yang disyorkan oleh pembuat.

4.4 Kecuali jika selainnya diluluskan oleh P.P ataupun diarahkan sebaliknya oleh pembuat, kepingan bumbung simen asbestos hendaklah dipasang di atas gulung-gulung kayu dengan menggunakan skru bergalvani 63 mm panjang yang lengkap dengan sesendal melengkung bergalvani berbentuk potongan wajik dan sesendal bitumen yang sesuai di bahagian bawahnya. Jika gulung-gulung keluli digunakan, kepingan bumbung itu hendaklah dipasang dengan menggunakan bolt berbentuk 'J' 8 mm diameter lengkap dengan sesendal atas dan bawah sepertimana yang diluluskan. Lubang-lubang skru hendaklah digerudi dengan tepatnya dibahagian puncak gelugur dan digarisan tengah gulung-gulung penyambut. Lubang-lubang skru tidak boleh dibuat secara mengetuk.

5. Kepingan Bumbung Bergelugur Aluminium

5.1 Di mana kepingan bumbung gelugur aluminium hendaklah digunakan, kecuali jika selainnya dinyatakan ianya hendaklah daripada jenis, tebal dan kemasan sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan dan dipasang mengikut peraturan sepenuhnya.

6. Bumbung Konkrit Rata

6.1 Bumbung Konkrit rata hendaklah sepertimana yang ditentukan untuk KERJA KONKRIT.

7. Bumbung Dek Logam

7.1 Di mana bumbung dek logam hendak digunakan, kecuali jika selainnya dinyatakan, bumbung dek hendaklah terdiri daripada kepingan keluli setebal 0.55 mm bersalut zink yang diluluskan.

7.2 Bumbung dek hendaklah dipegang pada pencekak terselindung yang diskrukan pada gulung-gulung kayu dengan menggunakan skru yang dengan sendirinya boleh menggerudi dan menahan kemasukan air; kesemuanya mematuhi peraturan Pembuat. Penggerudian selanjutnya dibumbung dek tidak dibenarkan kecuali untuk tujuan pemasangan lain-lain alat kelengkapan bumbung dek. Apabila penggerudian dibuat untuk pemasangan alat-alat kelengkapan bumbung dek hanya skru bersalut zink yang boleh menahan kemasukan air beserta sesendal neoprene hendaklah digunakan.

8. Penebat Gegebar Kaca Gentian

8.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan-pelan. Penebat gegebar kaca gentian hendaklah setebal 50 mm dengan berat nominal 9.60 kg/m^3. Ianya hendaklah mempunyai kealiran haba 0.032-0.035 Kcal/mj darjah centigrade mengikut suhu yang biasa dalam bangunan.

8.2 Di mana penebat gegebar kaca gentian digunakan ianya hendaklah dipasang di atas jaringan kawat punai berukuran 13 mm, kecuali jika dinyatakan selainnya.

9. Penebat Rokwool

9.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan-pelan, penebat rokwool hendaklah setebal 50 mm dengan kepingan bersaiz 1200 mm x 600 mm dan berat nominal 60 kg/m^3. Ianya hendaklah mempunyai suhu perkhidmatan 350 darjah centigrade maksimum dan kealiran haba 0.029 Kcal/mj darjah centigrade di suhu 20 darjah centigrade.

9.2 Di mana rokwool digunakan, ianya hendaklah dipasang mengikut peraturan pembuat sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN H – KERJA PERTUKANGAN KAYU, TANGGAM DAN PEMASANGAN LENGKAPAN PINTU-TINGKAP.

1. Kehendak Am

1.1 Kecuali jika selainnya ditentukan atau ditunjukkan dalam pelan-pelan, jenis-jenis kayu yang digunakan untuk Kerja hendaklah sepertimana yang dinyatakan kemudian daripada ini di dalam Jadual Jenis Kayu dan kegunaannya. Kumpulan Kekuatan Kayu hendaklah mematuhi Piawaian Malaysia M.S 544 sepertimana yang ditunjukkan kemudian daripada ini dalam Jadual Kumpulan Kekuatan Kayu.

1.2 Semua kerja pertukangan dan tanggam hendaklah meliputi semua kerja-kerja menakik, melekap, melubang dan menubing, membaji, menyambung, membajang, membenam untuk kepala bolt dan nat dan merapi pada tepi pembukaan.

1.3 Semua kayu untuk kerja pertukangan kayu hendaklah digunakan tanpa berketam kecuali ditentukan dengan khususnya supaya berketam. Semua kayu untuk kerja tanggam hendaklah diketam dan dilicinkan dengan menggunakan kertas pasir sepertimana yang diperlukan dan semua saiz-saiz yang dinyatakan adalah dalam lingkungan had terima fasal 3.1 dan saiz kayu untuk kerja tanggam hendaklah mematuhi bahagian 5, Piawaian Malaysia M.S 544.

1.4 Mutu kerja secara amnya, hendaklah mematuhi bahagian 5, Piawaian Malaysia M.S 544.

1.5 Semua pemasangan, kandungan lembapan kayu untuk pelbagai kegunaan hendaklah tidak melebihi kandungan lembapan yang ditunjukkan dalam Jadual Kandungan Lembapan seperti yang ditunjukkan kemudian daripada ini.

2. Rawatan Kepada Kayu

2.1 Semua kayu kecuali teras dari kayu jenis lama dan kayu untuk acuan, peranca dan lain-lain kerja sementara hendaklah diserapkan dengan campuran tembaga / krom / arsenit yang mematuhi kehendak Piawaian Malaysia M.S 733 melalui proses vakum / tekanan yang mematuhi kehendak Piawaian Malaysia M.S 360 dikilang rawatan kepada kayu yang diluluskan oleh Lembaga Perusahaan Kayu Malaysia.

Kegunaan	Had Minimum Upaya Simpanan Bersih Garam Kering
i) Kegunaan bahagian dalam bangunan dan cecah tanah.	5.6 kg/m³
ii) Kegunaan luar bangunan dan tidak cecah tanah	8.0 kg/m³
iii) Kegunaan luar bangunan dan cecah tanah (selain daripada cerucuk asas)	12.0 kg/m³
iv) Cerucuk asas.	16.0 kg/m³

2.2 Kayu hendaklah seberapa yang boleh dipotong kedimensi yang terakhir sebelum dirawat dan kayu untuk kerja-kerja tanggam hendaklah berketam dan disiapkan sepenuhnya untuk dipasang sebelum dirawat. Di mana potongan lintang tidak dapat dielakkan atau di mana rawatan selanjutnya diperlukan. Semua permukaan yang terdedah kerana ini hendaklah disapukan sebanyak-banyaknya dengan bahan pengawet yang diluluskan.

Dokumen Meja Terkawal

2.3 Kontraktor bila dikehendaki oleh P.P hendaklah mengemukakan sijil dari pengilang rawatan pengawetan yang mengesahkan bahan kayu yang dikehendaki diserapkan secara proses tekanan vakum telah dilaksanakan dan telah mencapai had upaya simpan bersih garam kering yang diperlukan. Walaubagaimanapun, P.P berhak menjalankan ujian secara bebas untuk menentukan upaya simpan bersih garam kering dan keputusan yang diperolehi adalah muktamad.

2.4 Semua kayu sap hendaklah diserapkan dengan bahan pengawet hingga sedalam 25 mm bagi kayu keras cerucuk asas dan 12 mm bagi kayu keras kegunaan 2.1(i), (ii) dan (iii) di atas.

3. Gred Kayu Dan Saiz Had Terima

3.1 Kecuali jika selainnya ditentukan, kayu bergergaji untuk kerja pertukangan kayu hendaklah seperti berikut :-

i) Gred Struktur Piawai - untuk kerja struktur
ii) Gred Bermutu - untuk spesifikasi Pasaran Umum
- (SPU) dan Kayu Jalur
iii) Gred Kegunaan Am - untuk skantling

Pengredan hendaklah mengikut Peraturan Pengredan Malaysia oleh Pengred kayu telah berdaftar dengan lembaga Perindustrian Kayu Malaysia setiap Konsignasi kayu hendaklah disertai dengan Ringkasan Pengredan yang disahkan oleh pengred kayu yang berdaftar. Saiz untuk kayu gergaji hendaklah kecuali jika selainnya dinyatakan dalam lingkungan perbezaan had terima yang dibenarkan sepertimana yang dinyatakan di bawah ini.

i) Untuk lebar dan tebal yang tidak melebihi 75 mm, hendaklah dalam lingkungan 6 mm dari saiz yang ditentukan.
ii) Untuk lebar dan tebal yang melebihi 75 mm hendaklah dalam lingkungan 13 mm dari saiz yang ditentukan.

Kontraktor hendaklah mengadakan blok-blok, baji-baji atau beroti-beroti yang perlu dengan perbelanjaannya sendiri untuk mengimbangi permukaan yang tidak rata yang disebabkan oleh mana-mana perbezaan saiz kayu yang dibenarkan.

3.2 Kecuali jika selainnya dinyatakan, kayu untuk kerja tanggam hendaklah dari jenis Gred Bermutu (Spesifikasi Pasaran Umum (SPU) dan Kayu Jalur) dan dari jenis Gred Kegunaan Am (Skantling). Saiz siap untuk kerja tanggam kecuali jika selainnya dinyatakan hendaklah dalam lingkungan perbezaan had terima yang dibenarkan sepertimana yang dinyatakan di bawah ini :-

i) Untuk lebar, dalam lingkungan 3 mm dari saiz siap yang ditentukan.
ii) Untuk tebal, dalam lingkungan 2 mm dari saiz yang ditentukan.

4. Penyimpanan

4.1 Semua kayu hendaklah disimpan di dalam bangsal dan dipisahkan dengan kayu Pengalas dan disusun dengan sempurna untuk membolehkan peredaran udara yang bebas di sekelilingnya. Kayu yang telah dikeringkan secara pengeringan tanur hendaklah dibalut dengan sempurna dan disimpan di bawah teduhan jika tidak digunakan dengan serta merta.

5. Papan Lapis

5.1 Papan lapis yang digunakan untuk kerja hendaklah dari jenis dan mutu yang diluluskan oleh P.P. Papan lapis yang digunakan untuk bahagian dalam bangunan hendaklah diperbuat dengan perekat Penahan Lembapan dan untuk kegunaan di luar bangunan, hendaklah diperbuat dengan perekat yang Kalis Cuaca dan Haba, semuanya mematuhi Piawaian Malaysia M.S 228. Kecuali jika selainnya ditentukan, papan lapis hendaklah dari gred 3 dalam Piawaian Malaysia M.S 228 tersebut.

Dokumen Meja Terkawal

6. Chipboard

6.1 Chipboard hendaklah dari jenis yang diperbuat daripada serpihan kayu atau tatal yang dicampurkan dengan perekat gam dammar sintetik kawalan haba yang dilekat dan dimampatkan dalam keadaan panas dan mematuhi Piawaian British B.S 2604 untuk chipboard ketumpatan sederhana. Jenis dan mutu chipboard hendaklah sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Chipboard hendaklah dipasang sepertimana yang diperincikan dalam pelan-pelan dan dipaku pada jarak sekurang-kurangnya 12 mm dari sisi papan. Chipboard yang hendak dicat atau divarnis hendaklah dilicinkan dengan kertas pasir dengan sempurna dan semua lubang dan rekahan ditutupi dengan penyumbat kayu yang diluluskan.

7. Kepingan Keras

7.1 Jenis dan mutu kepingan keras hendaklah sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Papan Kertas lelubang hendaklah setebal 3.2 mm dengan lubang-lubang yang berdiameter 4.8 mm 19 mm jarak di antara pusat kecuali jika selainnya dinyatakan dalam pelan-pelan. Sebelum dipasang, semua kepingan keras hendaklah diawet dengan membasahkan permukaan belakangnya dengan air dan kemudiannya disusun supaya belakang bertemu belakang selama 24 jam di bawah teduhan.

8. Kepingan Serau / Kepingan Gentian

8.1 Jenis dan mutu kepingan serau hendaklah sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Selepas diambil dari susunan, kepingan tersebut hendaklah ditegakkan di bawah teduhan untuk sekurang-kurangnya 24 jam sebelum dipasang. Kepingan serau hendaklah dipaku kepada rangka pengalas sama ada dengan menggunakan paku kecil berkepala rata atau paku berkepala pin pada jarak 150 mm antara pusat. Jika paku berkepala pin digunakan, ianya hendaklah diketuk hingga terbenam kepalanya di bawah permukaan. Paku hendaklah diketuk condong dan kerja memaku hendaklah dimulakan dari tengah kepingan dan kemudian di sekeliling tepinya. Untuk pemasangan siling, bahagian tepi kepingan hendaklah dipaku supaya berselang seli seberapa yang mungkin dan paku yang berselang hendaklah diketuk pada sudut yang bertentangan. Kecuali jika selainnya diperincikan dalam pelan-pelan, kepingan serau untuk siling hendaklah bersambung secara sambungan tanggam temu dan 'V'.

9. Kepingan Gipsum

9.1 Kepingan Gipsum yang digunakan untuk kerja hendaklah dari jenis dan mutu sepertimana yang diluluskan oleh P.P kecuali jika selainnya ditentukan, kepingan tersebut hendaklah dikemaskan dengan lapisan kertas jenis berat. Pemasangan kepingan-kepingan hendaklah sepertimana yang telah diperincikan dalam pelan-pelan.

10. Kepingan Rencam

10.1 Jenis dan mutu kepingan rencam hendaklah sepertimana yang diluluskan oleh P.P dan hendaklah dipasang tepat mengikut peraturan pembuat.

11. Kepingan Woodwool

11.1 Kepingan Woodwool hendaklah mematuhi kehendak Piawaian British B.S 1105 dan hendaklah dari jenis dan mutu sepertimana yang diluluskan oleh P.P kecuali jika selainnya diperincikan dalam pelan-pelan, kepingan woodwool hendaklah dipasang supaya ukuran panjangnya bersudut tepat kepada tetupang dan mengikut peraturan pembuat.

12. Kepingan Kayu Simen

12.1 Kepingan kayu simen hendaklah diperbuat dari campuran kayu yang dikawit secara kimia dan Simen Portland, mematuhi Piawaian Malaysia M.S 522, dimampat dan diawet di dalam keadaan suhu terkawal. Kepingan tersebut hendaklah dalam semua bidang mematuhi Piawaian Malaysia M.S 934 (P). Ianya hendaklah dipasang tepat mengikut peraturan pembuat.

Dokumen Meja Terkawal

13. Kerja Rangka

13.1 Semua rangka-rangka kayu, hendaklah dipasang palang pengukuh dan ditingkat, dilekap, diskru atau diboltkan bersama dengan sempurna seperti yang dikehendaki. Sambungan memanjang bagi penutup tiang, rabung, tumpu kasau dan sebagainya hendaklah dibuat di atas tetupang. Kayu yang disambung dengan tanggam tindih hendaklah bertindih sekurang-kurangnya 150 mm panjang atau dua kali ganda lebih tebal kayu yang digunakan mengikut yang mana lebih panjang. Semua kerja hendaklah dibuat dengan tepat dan disempurnakan dengan rapi.

14. Kerja Lantai

14.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan-pelan, lantai kayu hendaklah dibina dengan menggunakan papan berketam yang berukuran 100 mm x 38 mm yang berlidah dan alur, dikapit rapat dengan sempurna dengan menggunakan pengapit besi dan dipaku sorok ke setiap gelegar atau beroti dengan paku dawai 62 mm panjang. Papan lantai hendaklah dari kepingan panjang dengan sambungan rencong di hujung dan dua sambungan bersebelahan tidak dibenarkan dibuatdi atas gelegar yang sama. Setelah siap, permukaan lantai hendaklah diketam rata, dilicinkan dengan kertas pasir dan semua renggang hendaklah ditutup dengan menggunakan bahan penutup yang diluluskan. Setelah dibersihkan dan kecuali selainnya ditentukan, lantai tersebut hendaklah dikemaskan dengan menyapu tiga lapis cat polyurethane yang diluluskan dan digunakan tepat mengikut peraturan pembuat.

14.2 Kayu kambi berketam hendaklah diadakan di mana ditunjuk dan diperincikan dalam pelan-pelan. Kambi hendaklah dari kepingan panjang dengan sambungan rencong di hujung dan tanggam penjuru, lencongan dan bahagian hujung dipotong dan diletakkan dengan rapid an dipasang pada kayu pengalas.

15. Siling

15.1 Kepingan Serau atau chipboard untuk siling hendaklah dipasang pada rangka dengan cara sambungan tanggam temu 'V' yang menggunakan paku atau skru sepertimana yang dihuraikan sebelum daripada ini. Kepingan siling asbestos jenis rata untuk siling hendaklah setebal 5 mm dan dipasang pada rangka dengan menggunakan kayu beroti tanggam penjuru sebagai penutup dan skru loyang. Kepingan siling hendaklah dipasang dalam bentuk simetrik bermula dari garisan tengah siling.

16. Sesekat

16.1 Sesekat, skrin, panel lubang udara hendaklah dipasang sepertimana yang diperincikan dalam pelan-pelan. Di mana ditunjukkan, jaring dawai dikimpal yang bergalvani atau logam balba dari saiz dan corak yang dikehendaki hendaklah dipasang kepada panel lubang udara dan ruang tingkap. Jarring tersebut hendaklah dipasang rapi, tepat pada kedudukannya dengan menggunakan kayu beroti ditanggam tingkat dan tanggam penjuru dengan menggunakan skru.

16.2 Di mana sesekat jenama digunakan, ia hendaklah dipasang mengikut peraturan pembuat.

17. Tumpu Kasau Tumpu Sisi

17.1 Kecuali jika selainnyaditunjukkan dalam pelan-pelan, tumpu kasau dan tumpu sisi hendaklah setebal 25 mm dari kayu berketam dan dibekalkan dalam bentuk kepingan panjang. Papan tumpu tersebut hendaklah dipasang keseluruhan kepingan dan di mana sambungan diperlukan, ia hendaklah disambung dengan sambungan skaf dan sambungan tersebut hendaklah diasaskan hanya pada penghujung rangka bumbung dan ditanggam penjuru di penjuru. Papan tumpu yang selebar 250 mm dan kurang hendaklah dari sekeping papan dan bagi papan tumpu yang lebih lebar ia hendaklah dibentuk dengan menggunakan beberapa papan yang sama lebar yang disambung dengan sambungan tanggam lidah dan alur dan 'V'.

Dokumen Meja Terkawal

18. Pertukangan Tanggam

18.1 Semua pintu, tingkap, ram, skrin dan sebagainya hendaklah dipasang sepertimana ditunjuk dalam pelan-pelan. Semua bingkai-bingkai hendaklah dicantum bersama semasa memulakan kerja dan semua bahagian-bahagian bingkai hendaklah disambung secara melubang dan menubing dengan teliti tetapi kerja membaji, memasak atau melekatkan tidak boleh dilaksanakan sehingga bingkai tersebut telah siap sedia untuk pemasangan segera. Semua pintu, tingkap, ram, skrin dan sebagainya disimpan dengan sempurna ditapakbina dan sejurus sebelum dipasang pada tempat yang muktamad, ia hendaklah dibaji dan dipasak dengan pasak keyu keras 10 mm diameter.

19. Pintu Rintangan Api

19.1 Pintu rintangan api hendaklah dibina sepertimana diperincikan dalam pelan-pelan dan hendaklah mempunyai saiz yang tepat supaya ianya dapat dimuatkan secukupnya di dalam ruang pintu dengan renggang di antara sisi daun pintu bingkai tidak melebihi 3 mm apabila pintu ditutup.

20. Lengkapan Lekat

20.1 Lengkapan-lekat hendaklah dibina dengan menggunakan kayu berketam dan dipasang dengan sempurna sepertimana diperincikan dalam pelan-pelan. Di mana lengkapan-lekat tidak perlu dicat, kecuali jika selainnya ditentukan dalam pelan-pelan, ia hendaklah digandam dan divarnis sepertimana yang huraikan selepas daripada ini dibawah KERJA MENGECAT.

21. Tangga dan Pelepar

21.1 Tangga dan pelepar hendaklah dibina sepertimana diperincikan dalam pelan-pelan.

22. Dinding Luar

22.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan-pelan, semua dinding luar hendaklah diperbuat daripada papan panjang yang berukuran 150 mm x19 mm yang dipasang sama ada secara mendatar, tegak atau pepenjuru yang telah diketam dan dikawet secara tekanan dan dibina setiap bahagian mengikut profil keratan sepertimana yang ditunjukkan, tindihan untuk papan tindih kasih sejarak 38 mm. papan hendaklah dipaku kepada rangka dengan menggunakan paku keluli bergalvani sepanjang 75 mm dan bagi papan tindih kasih, paku hendaklah dipasak pada papan yang bertindih sahaja. Hujung papan bahagian bawah bagi semua papan dinding luar yang dipasang tegak yang terdedah hendaklah direncong ke arah ke dalam pada sudut 30 darjah dan hendaklah dirawat dengan bahan pengawet.

23. Lengkapan Pintu-Tingkap

23.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan-pelan. Kontraktor hendaklah membekal dan memasang semua jenis lengkapan pintu-tingkap yang disenaraikan selepas daripada ini dalam Jadual Lengkapan Pintu-Tingkap, lengkap dengan skru dari bahan dan kemasan yang sama. Semua jenis lengkapan pintu-tingkap hendaklah dari jenama dan model sepertimana yang dicatitkan oleh Kontraktor semasa menender dan ianya hendaklah diperolehi daripada senarai pembuatlengkapan pintu-tingkap yang diluluskan oleh JKR yang dilampirkan di Spesifikasi ini.

23.2 Soket yang sesuai hendaklah diadakan untuk semua bolt dan dipasang rata dengan permukaan lantai, ambang bawah tingkap dan bingkai pintu dan tingkap. Setiap alat kunci hendaklah dibekalkan dengan dua anak kunci dan dua alat kunci tidak boleh mempunyai anak kunci yang sama kecuali dikehendaki dengan khusus oleh P.P.

23.3 Semasa menjalankan kerja-kerja mengecat kepada pintu, tingkap dan lengkapan lekat, semua jenis lengkapan pintu-tingkap kecuali engsel tumpu hendaklah ditanggalkan dan dipasang semula selepas mengecat.

Dokumen Meja Terkawal

JADUAL KUMPULAN KEKUATAN
(Jadual Jenis Kayu Mengikut Kumpulan Kekuatan M.S 544)
(Fasal ruj. 1.1)

Kumpulan A		Kumpulan B		Kumpulan C	
Jenis Tahan Lama	**Jenis Memerlukan Rawatan**	**Jenis Tahan Lama**	**Jenis Memerlukan Rawatan**	**Jenis Tahan Lama**	**Jenis Memerlukan Rawatan**
Bakau Bitis Chengal Kekatong Keranji	Kandis Kempas Kulim Mataulat Meransi Mertas Pauh Kijang Penaga Punah Tualang	Merbau Rasak Tembusu	Balau Merah Bekak Berangan Dedali Derum Kapur Kelat Keledang Keruing Kungkur Mempening Mengkuiang Merbatu Merawan Merpauh Nyalin Petah Petaling Rengas Sertang Simpoh	Bayur Bintangor Durian Geruru Kasai Kayu getah Kedondong Kembang Semangkok Ketapang Machang Medang Melantai Melunak Mempisang Meranti Merah Tua Meranti Merah Muda Meranti Putih Meranti Kuning Mersawa Nyatoh Penarahan Perupok Sepetir Sengkuang	Ara Dammar Minyak Geronggang Jelutung Petai Sesendok Terap Terendang

Dokumen Meja Terkawal

JADUAL JENIS KAYU DAN KEGUNAANNYA
(Fasal ruj. 1.1)

BIL	KEGUNAAN BIASA	JENIS KAYU
1.	**Rangka Struktur**	
	- Semua tiang, turus, rasuk dan nenaga.	A - Balau, Bitis, Chengal, Giam, Kekatong, Keranji. B - Merbau, Rasak, Tembusu.
2.	**Penyambut Kepada Tangki Air**	- seperti di bil. 1
3.	**Tangga**	
	- Ibu Tangga dan jejak	- seperti di bil. 1
	- Rasuk Lintang	- seperti di bil. 1
	- Pelepar	- A, B & C
4.	**Lantai**	
	- Penyambut dan gelegar (lantai), tupang, gelegar dan papan lantai.	- A & B
	- Papan lantai jimnasium	- A & B
	- Lantai Parket	- A & B
	- Kambi	- A, B & C
5.	**Dinding**	
	- Rangka dinding dan rangka sesekat	- A, B & C
	- Papan dinding luar	- A, B & C
	- Papan dinding dalam, bilah kayu dan skrin	- A, B, C & D
	- Tumpu Kasau	- A & B
6.	**Struktur Bumbung**	
	- kekuda, lain-lain struktur bumbung dan tumpu kasau	- A & B
7.	**Rangka Siling**	
	- Gelegar Siling dan Beloti	- A & B
	- Beroti penutup sambungan antara kepingan siling	- A & B
	- Jalur siling dan beroti tampang bawah	- A, B & C
8.	**Rangka Pintu dan Tingkap**	
	- Semua rangka bagi pintu, tingkap dan lubang udara termasuk kayu penahan dan kayu pengalas	- A & B
	- Daun pintu, tingkap dan tingkap tupang	- A, B & C
9.	**Perabot dan Lengkapan – Lekat**	
	- Lengkapan – lekat dan perabot amnya	- A, B & C
	- Perabot bengkel	- A, B & C
	- Bahagian atas perabot makmal sains	- A & B
10.	**Jalur kumai dan kumai tepi amnya**	- A, B & C

Dokumen Meja Terkawal

JADUAL LENGKAPAN PINTU - TINGKAP
(Fasal ruj. 22.0)

BIL	JENIS PINTU, TINGKAP DSB	LENGKAPAN PINTU - TINGKAP
1.	Pintu satu daun	a) 3 Bil. 100 mm x 69 mm engsel tumpu keluli bergalvani dengan gegelang nilon. b) 1 set alat kunci jenis motis tegak 3 tuas lengkap dengan pemegang tuas dalam kemasan krom satin dari buatan yang diluluskan beserta 2 anak kunci krom dari nombor siri yang berlainan bagi tiap-tiap bangunan. c) 1 Bil. getah penahan pintu.
2.	Pintu 2 daun	a) 6 Bil. 100 mm x 69 mm engsel tumpu keluli bergalvani dengan gegelang nilon. b) 1 set alat kunci jenis motis bertingkat tegak 3 tuas lengkap dengan pemegang tuas dalam kemasan krom satin dari buatan yang diluluskan beserta 2 anak kunci bersadur krom dari nombor siri yang berlainan bagi tiap-tiap bangunan. c) 1 Bil. 150 mm selak laras aluminium beranod. d) 1 Bil. 250 mm sda. e) 2 Bil. getah penahan pintu.
3.	Pintu Bilik Air	a) 3 Bil. 100 mm x 69 mm engsel tumpu aluminium beranod. b) Alat kunci jenis motis untuk bilik air lengkap dengan alat pengunci dari dalam dan pemegang tuas dalam kemasan krom satin (untuk rumah kediaman sahaja). c) 1 Bil. Bolt penunjuk (untuk bangunan bukan kediaman sahaja contohnya mes pegawai, klinik dsb.) d) Penyangkut pakaian aluminium beranod lengkap dengan getah penampan.
4.	Pintu Rintangan Api Satu Daun	a) 3 Bil. 125 mm x 87 mm engsel tumpu keluli tak karat dari jenis tugas berat. b) 1 set alat kunci jenis motis tegak 3 tuas lengkap dengan pemegang tuas dalam kemasan krom satin dari buatan yang diluluskan beserta dengan 2 anak kunci bersadur krom dari nombor siri yang berlainan bagi tiap-tiap bangunan. c) 1 Bil. getah penahan pintu.

Dokumen Meja Terkawal

JADUAL LENGKAPAN PINTU – TINGKAP (Samb.)
(Fasal ruj. 22.0)

BIL	JENIS PINTU, TINGKAP DSB	LENGKAPAN PINTU - TINGKAP
5.	Pintu Rintangan Api Dua Daun	a) 6 Bil. 100 mm x 69 mm engsel tumpu keluli tak karat dari jenis tugas berat. b) 1 set alat kunci jenis motis tegak 3 tuas lengkap dengan pemegang tuas dalam kemasan krom satin dari buatan yang diluluskan beserta 2 anak kunci krom dari nombor siri yang berlainan bagi tiap-tiap bangunan. c) 1 Bil. 150 mm selak laras keluli tak karat. d) 1 Bil. 200 mm sda. e) 2 Bil. getah penahan pintu.
6.	Pintu Kecemasan Semasa Kebakaran Dua Daun	a) 3 Bil. 100 mm x 69 mm engsel tumpu keluli tak karat dari jenis tugas berat. b) Satu set lengkap selak kecemasan dari buatan yang diluluskan.
7.	Pintu Kabinet Dapur / Meja Kerja	a) Engsel tumpu berterusan jenis 'piano' dari keluli bergalvani. b) 1 Bil. 100 mm pemegang aluminium berbentuk 'D'. c) 1 Bil. penangkap paut. d) 1 Bil. alat kunci almari keluli bergalvani dalam kemasan krom satin.
8.	Almari Pakaian	a) 3 Bil. 75 mm engsel muka tumpu. b) 2 Bil. 100 mm selak laras aluminium beranod (untuk pintu dua pintu) c) 1 Bil. 100 mm pemegang aluminium berbentuk 'D'. d) Rel penyangkut pakaian keluli bersadur krom. e) Alat kunci almari jenis silinder dari keluli dalam kemasan krom satin.
9.	Laci	a) 1 Bil. Alat kunci laci jenis silinder dari keluli dalam kemasan krom satin. b) 1 Bil. 100 mm pemegang aluminium berbentuk 'D'.

Dokumen Meja Terkawal

JADUAL LENGKAPAN PINTU – TINGKAP (Samb.)
(Fasal ruj. 22.0)

BIL	JENIS PINTU, TINGKAP DSB	LENGKAPAN PINTU - TINGKAP
10.	Pintu dan Sesekat Jenis Gelangsar dan Berlipat	a) Satu set gear luncur atas surau atau bawah untuk pintu gelangsar dan berlipat, lengkap dengan landasan, alur, pendakap, pandauan roda, penggantung dan engsel tumpu, selak rata dan penarik pintu jenis rata dan lain-lain yang diperlukan seperti mana yang diperakukan oleh pembuat. b) Satu set alat kunci jenis mortis tegak bertingkat 3 tuas untuk pintu gelangsar dan berlipat lengkap dengan pemegang tuas dalam kemasan krom satin beserta dengan 2 anak kunci dari nombor siri yang berlainan bagi tiap-tiap bangunan.
11.	Pintu Gelangsar Lurus	a) Satu set luncur atas atau bawah untuk pintu gelangsar lurus, lengkap dengan landasan alur, pendakap, panduan roda, penggantung, penahan pintu, selak rata dan penarik pintu jenis rata dan lain-lain alat yang diperlukan sepertimana yang diperakukan oleh pembuat. b) Satu set alat kunci jenis mortis tegak 3 tuas dalam kemasan krom satin untuk pintu gelangsar lurus beserta dengan 2 anak kunci dari nombor siri yang berlainan bagi tiap-tiap bangunan.
12.	Tingkap Kesmen Kayu	a) 2 Bil. 400 mm panjang, engsel geseran dari keluli elektro bergalvani yang diluluskan. b) 1 Bil. kombinasi pemegang dan penyangkuk Loyang dengan kemasan krom satin yang diluluskan.
13.	Tingkap Kesmen Kayu Jenis Gantung Atas	a) 2 Bil. 750 mm panjang, engsel geseran dari keluli elektro bergalvani yang diluluskan. b) 1 Bil. penyangkuk kekunci automatic diperbuat dari loyang dengan kemasan krom satin yang diluluskan.
14.	Tingkap Tupang Jenis Gantung Atas	a) 2 Bil. 400 mm panjang, engsel geseran dari keluli elektro bergalvani yang diluluskan. b) 1 Bil. penyangkuk kekunci automatic diperbuat dari loyang dengan kemasan krom satin yang diluluskan.

Dokumen Meja Terkawal

JADUAL KANDUNGAN KELEMBAPAN (K.K)
KAYU UNTUK PELBAGAI KEGUNAAN
(Fasal ruj. 1.5)

Kegunaan	Kandungan kelembapan maksimum semasa memasang untuk penggunaan tanpa penyaman udara	Kandungan kelembapan maksimum semasa memasang untuk penggunaan dengan penyaman udara (kayu yang dikeringkan secara pengeringan tanur)
Komponen Struktur		
- tiang, rasuk, penyambut, stad, gelegar, pengikat dan tupang.	30% (tebal melebihi 100 mm) 25% (tebal tidak melebihi 100 mm)	- t.b -
Bumbung		
- kasau, pengikat, tupang, gulung-gulung dan palang pengukuh.	25%	- t.b -
- beroti	25%	- t.b -
Tangga		
- ibu tangga, jejak, gelegar lintang dan palang pengukuh.	19%	12%
- pelepar	19%	12%
Lantai		
- papan lantai dan parket	19%	12%
- kambi	19%	12%
Dinding		
- dinding, rangka sesekat	19%	12%
- papan dinding luar	19%	- t.b -
- papan dinding dalam, bilah kayu, skrin	19%	12%
- tumpu kasau	19%	- t.b -
Rangka Siling		
- beroti penutup sambungan antara kepingan siling	25%	- t.b -

Nota : t.b = tidak berkenaan

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN I – KERJA KELULI DAN BESI.

1. Kehendak Am

1.1 Semua bahan hendaklah mematuhi Piawaian British. Piawaian yang setaraf boleh diterima dengan kelulusan P.P. Sijil Ujian pembuat hendaklah dikemukakan kepada P.P sebelum sebarang keluli boleh diterima. Semua kelukangan hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 449.

2. Keluli Untuk Struktur

2.1 Kecuali jika selainnya ditunjuk, keluli untuk struktur hendaklah mematuhi Gred 43C Piawaian British B.S 4360 dan kehendak-kehendak Piawaian British B.S 449. Sebagai tambahan, keluli untuk struktur yang dibentuk dengan cara digelek panas hendaklah mematuhi kehendak Piawaian British B.S 4 Bahagian 1, keluli rongga untuk struktur yang dibentuk dengan cara digelek panas mematuhi Piawaian British B.S 4 bahagian 2. Kandungan maksimum karbon hendaklah mematuhi Piawaian british B.S 4360.

3. Bolt

3.1 Bolt hendaklah terdiri daripada jenis-jenis yang berikut :-

a) Bolt hitam hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 916 atau Piawaian British B.S 2708.

b) Bolt cengkam kekuatan tinggi (C.K.T.) hendaklah terdiri daripada bolt gred am yang mematuhi Piawaian British B.S 3139: Bahagian 1. Sesendal untuk bolt C.K.T. hendaklah dari jenis yang menunjukkan beban yang sesuai dengan jenis dan mutu bolt yang digunakan.

4. Elektrod Untuk Kimpalan

4.1 Elektrod untuk kimpalan secara manual hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 639. Logam kimpal yang dienapkan secara proses automatik atau secara separuh automatik hendaklah mempunyai sifat-sifat mekanikal tidak kurang daripada sifat-sifat minimum yang ditentukan untuk logam kimpal yang dienapkan oleh elektrod yang mematuhi Piawaian British B.S 639.

4.2 Semua elektrod hendaklah sepertimana dikelas, dikod dan ditandakan mematuhi Piawaian British B.S 1719. Elektrod kelas 106 boleh digunakan untuk kimpalan keluli sederhana yang tebalnya 50 mm. untuk keluli sederhana yang lebih tebal, elektrod kelas 6 hendaklah digunakan.

4.3 Elektrod hendaklah disimpan dan dilindungi dari gangguan cuaca mengikut peraturan-peraturan pembuat.

5. Percantuman Di luar Tapakbina

5.1 Kehendak Am

Kerja di luar tapakbina hendaklah mematuhi fasal-fasal berkenaan di dalam Piawaian British B.S 449.

5.2 Menggerudi Lubang

Di mana bolt jenis cengkam kekuatan tinggi (CKT) digunakan, lubang hendaklah digerudi mengikut saiz penuh mata gerudi yang berdiameter tidak melebihi 1.59 mm lebih besar dari berdiameter batang bolt berkenaan dan semua serpihan keluli hendaklah dibersihkan.

5.3 Tindakan Pada Permukaan Yang Bersentuh

Semua permukaan yang bersentuh dan semua permukaan yang tidak sampai untuk dicat setelah dipasang hendaklah dicat terlebih dahulu sepertimana yang dihuraikan di bawah kerja mengecat keluli untuk struktur.

Dokumen Meja Terkawal

5.4 Pemasangan Bolt

Di mana bolt jenis CKT digunakan, cara dan peraturan untuk mengetat hendaklah mematuhi fasal 7.2 yang dinyatakan kemudian daripada ini.

5.5 Mencanai Muka Tumpu, Tetopi dan Tapak

Di mana ditunjukkan di dalam pelan-pelan, hujung tiang dan bahagian-bahagian yang lain hendaklah dicanai bagi menghasilkan permukaan rata yang bersudut tepat dengan paksi atau sudut-sudut lain sebagaimana ditunjukkan. Kerja mencanai ini hendaklah dijalankan setelah tetupai siku dan guset dipasang pada hujung batang struktur. Di mana pemindahan beban adalah secara galas terus, plat tapak tiang dan plat pembahagi sambat, hendaklah dicanai bagi menghasilkan permukaan yang sama rata. Melainkan jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan, enapan bahan kimpal yang terkeluar pada pengukuh web hendaklah diketuk supaya samarata dengan berbibir di atas dan di bawah bahagiannya.

5.6 Tapak-tapak dan Tetopi

Hujung-hujung tiang boleh dipotong dan hendaklah dipasang padanya plat tapak biasa yang disambung secara kimpal kambi yang berterusan atau plat tapak yang menggunakan bolt yang telah direkabentuk untuk memindah keseluruhan beban di dalam tiang tersebut.

6. Kerja Di Tapakbina

6.1 Kehendak Am

Semua kerja struktur keluli di tapakbina hanya boleh dimulakan setelah mendapat kelulusan dari P.P.

6.2 Penyimpanan dan Kendalian

Langkah-langkah penjagaan yang rapi hendaklah diambil semasa permuatan, pemunggahan, pengangkutan, penyusunan dan pemasangan kerja keluli untuk mengelakkan cakaran atau kerosakan kepada kerja keluli yang dicat atau disalut logam. Kerja keluli pasang siap yang telah dicat atau disalut logam yang perlu disimpan sebelum didirikan hendaklah dijarakkan dari permukaan bumi dan hendaklah disusunkan dengan teratur untuk menentukan supaya air tidak bertakung dan habuk tidak berkumpul di atas permukaannya. Bahan penyendal yang sesuai hendaklah dilampikkan di antara keluli-keluli yang disusun. Jika susunan keluli ditutup, pengedaran udara hendaklah ada.

6.3 Memancang Tanda

6.3.1 Kedudukan semua asas atau titik penyokong beban untuk kerja keluli struktur hendaklah ditentukan supaya jarak di antara mana-mana dua titik yang disambung dengan menggunakan komponen keluli struktur yang disiapkan di bengkel hendaklah dalam lingkungan jarak 3 mm dari dimensi yang diperlukan. Asas bagi mana-mana tiang keluli hendaklah dipasang dengan toleransi 1 dalam 1200 tetapi hendaklah tidak melebihi 25 mm dari kedudukan yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan. Aras-aras lantai atau asas hendaklah berada dalam lingkungan 6 mm daripada yang ditunjukkan dalam pelan-pelan tetapi aras di sepanjang rasuk atau bahagian-bahagian rasuk yang bersebelahan dan bahagian yang disambungkan kepada tiang keluli yang sama, hendaklah tidak melebihi 3 mm. paksi-paksi bagi semua tiang keluli pugak hendaklah tidak condong melebihi 3 mm.

6.3.2 Kontraktor hendaklah memberitahu P.P peringkat demi peringkat kerja penjajaran dan pengarasan untuk pemeriksaan.

Dokumen Meja Terkawal

6.4 Kestabilan semasa pembinaan Kontraktor hendaklah memberitahu P.P sekurang-kurangnya empat minggu terlebih awal sebelum memulakan kerja di tapakbina mengenai cara bagaimana ia bercadang hendaklah mendirikan kerja keluli, dan juga jenis kren yang akan digunakan. Pelan perincian tukang bagi semua tali penambat dan perembat sementara yang dicadangkan oleh Kontraktor untuk digunakan semasa binaan, hendaklah dikemukakan kepada P.P untuk persetujuannya, berserta dengan pelan perincian tukang yang biasa di mana perlu.

7. Kerja Penyambungan Di Tapakbina

7.1 Kehendak Am

Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan-pelan kontrak, alat-alat kimpalan atau pembakar tidak boleh digunakan di tapakbina tanpa mendapat kelulusan bertulis dari P.P. Jika Kontraktor bercadang hendaklah membuat sesuatu sambungan di tapakbina secara yang melebihi satu peringkat, bermula dengan sebahagian sahaja daripada kekuatan sambungan sepertimana ditunjuk di dalam pelan-pelan perincian tukang, dan diakhiri dengan kekuatan sepenuhnya pada suatu peringkat selepas 24 jam terkemudiannya, ia hendaklah terlebih dahulu memberitahu P.P secara bertulis tentang cadangan tersebut.

7.2 Memasang Bolt

7.2.1 Kerja memasang bolt di tapakbina bagi sambungan tetap hendaklah mematuhi fasal 62 Piawaian British B.S 449. Di mana bolt CKT ditentukan, ianya hendaklah dari jenis yang menunjukan beban supaya pencapaian pruf beban tegang boleh dikaitkan secara langsung kepada renggang yang menggunakan pengukur tolok di atas kepala bolt ataupun sesendal. Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada P.P untuk mendapatkan kelulusannya, jenis-jenis system penunjuk beban yang hendak digunakan dan juga nama pembuat bolt penunjuk beban atau sesendal penunjuk beban itu.

7.2.2 Sesendal hendaklah dibuat daripada keluli terkeras dan mematuhi Piawaian British B.S 3139 dan hendaklah dipasang di bawah semua nat. Di mana sesendal jenis penunjuk beban digunakan, ianya hendaklah dipasang di bawah kepala bolt.

7.2.3 Semasa kerja mengetat dijalankan, kepala bolt hendaklah dielakkan daripada berputar. Kerja mengecat bolt atau sesendal tidak boleh dilaksanakan tanpa mendapat kelulusan daripada P.P terlebih dahulu. Dalam semua aspek bolt dan kerja memasang bolt yang lain, fasal-fasal berkenaan di dalam Piawaian British B.S 3294: Bahagian 1 hendaklah dipatuhi.

8. Kerja Kimpalan

8.1 Kerja kimpalan hendaklah dilaksanakan mematuhi Piawaian British B.S 1856. Persediaan permukaan dan keadaan semasa mengimpal hendaklah mematuhi B.S 1856 : Bahagian 5 dan 3. Maklumat-maklumat yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan kerja kontraktor, hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 1856, fasal 18. Di mana pelan-pelan kerja dan prosidur kimpalan dikehendaki, Kontraktor hendaklah mengemukakannya kepada P.P untuk kelulusan sekurang-kurangnya empat minggu sebelum memulakan kerja kimpalan. Kimpalan Jelujur hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 1856, fasal 34 kecuali dalam semua keadaan panjang minimum kimpalan hendaklah tidak kurang daripada 50 mm. Kontraktor tidak dibenarkan mengimpal ditempat-tempat yang tidak ditunjukkan di pelan-pelan pada sebarang bahagian keluli, walaupun untuk sambungan sementara atau untuk memperbaiki plat-plat yang rosak secara mengimpal, kecuali Kontraktor telah mengemukakan cadangannya kepada P.P dan telah mendapatkan kelulusannya.

8.2 Kontraktor hendaklah menunjukkan bukti kepada P.P bahawa tukang-tukang kimpal yang bekerja dengannya telah menjalani ujian-ujian yang berkenaan mematuhi Piawaian British B.S 2645 : Bahagian 1 dan 2, dengan sempurnanya. Tukang-tukang kimpal hendaklah menyiapkan kepingan-kepingan ujian kimpal untuk kelulusan P.P ke

Dokumen Meja Terkawal

atas keluli yang mempunyai tebal maksimum dan jenis-jenis kimpal yang akan digunakan di dalam kerja berkenaan. Penukaran di dalam prosidur mengimpal yang memerlukan kelayakan baru tukang kimpal dan bidang kelayakan mereka, hendaklah sepertimana yang ditentukan di dalam 'Piawaian British B.S 449 : Bahagian 6 percubaan-percubaan berbagai prosidur ke atas sambungan kimpal mematuhi Piawaian British B.S 2612, fasal 17, dan/atau menjalani ujian yang tidak merosakkan ke atas kimpalan-kimpalan tersebut. Bagi kimpal tumpu, ujian yang tidak merosakkan hendaklah termasuk perkara-perkara seperti berikut:-

(a) Pemeriksaan radiografik untuk mematuhi Piawaian British B.S 2600 atau B.S 2910 yang mana sesuai, dan/atau
(b) Pemeriksaan ultrasonic mematuhi Piawaian British B.S 3921: Bahagian 1 atau 2, yang mana sesuai.

Untuk kimpal jejalur, ujian-ujian di atas hendaklah termasuk perkara-perkara berikut:-

(c) Pemeriksaan dengan mata kasar atau
(d) Secara ujian-ujian ketelusan pencelup yang mempunyai zarah-zarah bermagnetik, mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

8.4 Di mana sesuatu kimpal didapati cacat, ia hendaklah dipotong sebegitu cara supaya tidak menjejaskan kekuatan struktur dan ianya hendaklah dikimpal semula mengikut kehendak pelan-pelan dan spesifikasi.

9. Mengecat Keluli Struktur

9.1 Kehendak Am

9.1.1 Semua permukaan keluli struktur hendaklah dicat dengan dua lapisan cat asas pelambam merah dan dua lapisan cat enamel yang mengandungi pigmen aluminium. Cat asas pelambam merah hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 2523.

9.1.2 Kerja mngecat hendaklah dilaksanakan oleh tukang cat yang mahir di bawah pengawasan yang rapi.

9.1.3 Kecuali jika selainnya diluluskan oleh P.P, kerja mengecat kecuali bagi lapisan kemasan terakhir hendaklah dicat di tempat berbumbung di dalam keadaan yang terkawal semasa kerja pencantuman. Lapisan cat kemasan terakhir hendaklah disapu di tapakbina.

9.1.4 Kerja mengecat tidak boleh dilakukan semasa hujan atau kabus atau bila perlupawan telah atau akan berlaku disapu di tapakbina.

9.2 Persediaan Permukaan

Semua permukaan keluli hendaklah dibersihkan dengan alat-alat yang menggunakan kuasa letrik seperti piring pencanai jenis kaborandum, tukul pengikis dan penembak jejarum dan seterusnya diberus dengan berus dawai dan dibersihkan daripada segala habuk-habuk. Pencanaian yang berlebihan melalui penggunaan berus dawai jenis berputar, hendaklah dielakkan. Permukaan yang terdedah kepada percikan air laut atau angin laut setelah dibersihkan, hendaklahn disembur atau dicuci dengan air yang bersih dan dibiarkan kering sebelum dicat. Permukaan yang tercemar oleh minyak atau gris hendaklah dibersihkan dengan spirit atau nafta. Semua permukaan yang telah dibersihkan hendaklah disapu dengan lapisan pertama cat asas yang telah terdiri dari lapisan pelambam merah di dalam masa empat jam selepas dicuci.

Dokumen Meja Terkawal

9.3 Cara-cara Mengecat

9.3.1 Semua cat hendaklah dibekas kepada tukang cat siap untuk digunakan dan sebarang penambahan pencair atau sebarang bahan yang lain adalah tidak dibenarkan. Sebarang peraturan yang diberi oleh pembuat cat hendaklah dipatuhi sepenuhnya.

9.3.2 Kecuali jika selainnya ditentukan, setiap lapisan cat hendaklah disapu dengan menggunakan berus untuk menghasilkan lapisan cat yang berterusan, seragam dan sama tebal. Sebaik sahaja lapisan cat asas pertama telah kering, lapisan cat tambahan hendaklah disapu dengan berus kepada bahagian sisi, sudut-sudut, celah-celah, kepala-kepala bolt, kepala ribet dan kimpal-kimpal. Setiap lapisan hendaklah dibiarkan kering sepenuhnya sebelum lapisan seterusnya disapukan.

10. Tangki Air Keluli Tertekap

10.1 Kehendak Am

10.1.1 Kontraktor hendaklah membekalkan dan memasang tangki air keluli tertekap sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan. Tangki tersebut hendaklah dipasang di atas penyokong konkrit tetulang, tembok rendah, atau dinaikkan di atas ke rangka keluli struktur, mengikut butir-butir yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan kesemuanya dibina mengikut garisan dan aras yang betul.

10.1.2 Semua bahan dan pepasang yang akan digunakan untuk pencantuman dan binaan kepingan tangki air keluli tertekap dan pemasangan paip hendaklah mematuhi dari segi Piawaian British yang berkenaan atau piawaian yang setaraf seperti yang diluluskan oleh P.P dan mematuhi kehendak-kehendak Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri yang berkenaan.

10.1.3 Tangki keluli yang tertekap hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 1564 dan mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P kecuali jika selainnya ditunjukkan, tangki tersebut hendaklah dibuat daripada plat-plat keluli sederhana terlekap yang berukuran 1220 mm persegi, yang berbebibir luar, dan dilengkapkan sepenuhnya dengan keluli sederhana rembat dalam, pengalas paip, tetupai, bolt-bolt, nat, sesendal, bahan penyambung, penanggung penutup, pengukuh termasuk semua kelengkapan dan pepasangan sepertimana ditentukan kemudian daripada ini. Di mana tangki keluli tertekap yang bergalvani dikehendaki, kontraktor hendaklah membekalkan plat-plat keluli sederhana tertekap, rembat dalam pengalas paip, tetupai, bolt-bolt, tangga dalam tangki, nat dan sesendal, kesemuanya digalvani dengan sempurna mengikut kehendak Piawaian British dan seeprtimana yang diluluskan oleh P.P.

10.2 Kelengkapan dan Pepasangan

Kecuali jika selainnya ditunjukkan, kerja pemasangan tangki air keluli tertekap hendaklah termasuk pembekalan dan pemasangan kelengkapan dan pepasangan yang berikut:-

i) Penutup keluli yang berkamber yang dilengkapi dengan lebar layar dan disokong secukupnya oleh penanggung keluli gelek atau keluli tertekap, yang mempunyai kekuatan yang secukupnya untuk menanggung pekerja-pekerja yang bekerja di atasnya. Penutup hendaklah berkalis cuaca dan serangga.

ii) Luring masuk yang bertutup yang mana bilangan, lokasi dan perinciannya hendaklah sepertiman yang diluluskan oleh P.P. Penutupnya hendaklah dilengkapi dengan peralatan kunci.

iii) Paip lubang udara yang berkalis cuaca dan serangga hendaklah dipasang pada penutup tangki, di tempat-tempat dan mengikut perincian sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

Dokumen Meja Terkawal

iv) Tangga keluli untuk pemeriksaan dalam tangki hendaklah dipasang di tempat-tempat dan mengikut perincian sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Jejak-jejak tangga dalam tangki hendaklah berjarak 300 mm di antara satu sama lain.

v) Tangga keluli untuk pemeriksaan yang dipasang di luar tangki hendaklah dipasang di tempat-tempat sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Di mana tangga tersebut dipasang pugak, ia hendaklah dilengkapi dengan lingkar keselamatan dan susur tangan sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

vi) Satu penunjuk aras piawai hendaklah dipasang di bahagian tangki di mana terdapat sambungan salur masuk. Skala penunjuk hendaklah dari kekaca enamel dan hendaklah menunjukkan aras air dalam ukuran jarak 300 mm dan dibahagikan dalam unit-unit 150 mm. penunjuk tersebut hendakalh dilengkapi dengan pelampong tembaga, takal dan dawai gangsa berfosfor.

vii) Paip limpah pemberitahu yang berdiameter 25 mm yang dipasang betul-betul di bawah paras paip limpah dan bersebelahan dengan penunjuk aras.

10.3 Kerja Pemasangan Paip

10.3.1 Susunan, kedudukan dan saiz kesemua kerja paip hendaklah sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan.

10.3.2 Kontraktor hendaklah membekal dan memasang kesemua paip-paip di dalam dan di luar tangki sehingga di bawah aras tanah (termasuk liku tapak itek) berserta dengan semua injab, pencekak, umbang dan lain-lain yang diperlukan. Kecuali jika selainnya ditunjukkan, semua paip hendaklah jenis kelas B.

10.3.3 Semua paip untuk salur masuk, salur keluar, paip limpah dan paip cuci di dalam tangki hendaklah dari jenis paip besi tuangan berbebibir dan kelengkapan khususnya yang mematuhi kehendak-kehendak Piawaian British B.S 2035. Kecuali jika selainnya ditunjukkan semua paip-paip salur masuk, salur keluar, paip limpah dan paip cuci di luar tangki hendaklah dari jenis paip besi tuangan berbebibir dan kelengkapan khusus sepertimana yang ditentukan sebelum daripada ini. Di mana paip-paip keluli dan kelengkapan khusus dikehendaki sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan, ianya hendaklah disambung dengan sambungan bebibir yang dilapik dengan pelapik konkrit mematuhi Piawaian British B.S 534.

10.3.4 Kecuali jika selainnya ditunjukkan, setiap larian paip pugak hendaklah dilengkapkan dengan liku tapak itek yang mempunyai bebibir dua di bahagian bawah dan penyesuai bebibir besi tuangan yang sesuai untuk penyambungan kepada paip simen asbestos dari jenis yang sama bagi kemudahan pemasangan dan pergerakan untuk sambungan. Bagi paip limpah dan paip cuci, kecuali ditunjukkan selainnya, kedua-dua paip itu, hendaklah disambung di satu tempat di bawah injap sluis ke dalam satu paip pugak buangan yang sepunya.

10.3.5 Satu injap sluis bebibir dua yang ditutup mengikut pusingan jam hendaklah dilengkapkan, pada tiap-tiap sambungan paip atau sepertimana yang ditunjukkan. Injap-injap hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 1218 Series 1 dan hendaklah dari buatan yang diluluskan.

10.3.6 Paip limpah hendaklah dibekalkan dengan mulut leloceng dari jenis besi tuangan dan paip salur keluar dengan penapis besi tuangan. Di mana ditunjukkan, injap pelampong dari pembuat yang diluluskan, hendaklah disambung dengan sambungan bebibir rata dengan dasar tangki.

10.3.7 Semua bebibir hendaklah dicanai dan digerudi mematuhi Piawaian British B.S 10 Jadual E. gelenggang bebibir untuk sambungan yang akan digunakan hendaklah dari jenis getah dan berbentuk jejalur yang dipasang di dalam lingkungan bulatan bolt.

Dokumen Meja Terkawal

10.4 Ujian ke atas tangki setelah siap pemasangan, tangki hendaklah diisi dengan air sehingga ke paras keupayaan kendalian maksimum dan paras permukaan air hendaklah dicatitkan dengan teliti. Tangki itu akan diterima sebagai memuaskan sekiranya selepas jangka masa 48 jam :-

(a) Tidak terdapat penurunan ukuran paras air, dengan mengambil kira pemerluapan daripada permukaan air;
(b) Tidak kelihatan tanda-tanda kebocoran dari mana-mana bahagian tangki; dan
(c) Tidak terdapat perubahan bentuk pada mana-mana bahgian struktur.

Jika keputusan ujian tidak memuaskan syarat-syarat ujian di atas, Kontraktor hendaklah terus mengesan dan memperbaiki semua kecacatan dan kebocoran. Ujian yang sedemikian hendaklah diulangi seberapa kali yang perlu sehingga struktur tersebut memuatkan syarat-syarat ujian yang ditetapkan. Kontraktor hendaklah menanggung semua kos dan perbelanjaan bagi ujian-ujian dan kerja pembaikan.

10.5 Ujian ke atas Kerja Paip

10.5.1 Kontraktor hendaklah dengan perbelanjaannya sendiri, mengadakan alat-alat ujian yang perlu termasuk pam hidraulik mdalih, bebibir kosong, unit 'hujung ujian' yang siap dipasang dengan tetopi atau palam, bebibir tekanan, semua sambungan paip, dan lain-lain pepasangan yang diperlukan untuk pengujian ke atas kerja paip. Semua paip yang dipasang pada tangki hendaklah diuji ke turus maksimum yang boleh dicapai di bawah keadaan kendalian biasa. Bagi injap-injap, hanya ujian hujung tertutup sahaja yang diperlukan.

10.5.2 Paip-paip hendaklah diisi dengan air dan dicaas ke tekanan yang ditentukan dan dikekalkan selama 24 jam. Ujian ini akan diterima sebagai memuaskan sekiranya tidak terdapat tanda-tanda kebocoran dan penurunan tekanan di dalam system itu. Kontraktor hendaklah memperbaiki semua kebocoran, menggantikan mana-mana bahagian yang rosak dan menguji semula keseluruhan sistem itu, mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P, dengan perbelanjaannya sendiri.

10.6 Mengecat Tangki

10.6.1 Kerja mengecat tangki tidak dibenarkan sehingga tangki tersebut sempurna dipasang dan telah lulus ujian kebocoran sebagaimana yang telah ditetapkan.

10.6.2 Permukaan bergalvani hendaklah dicelup dengan larutan 'mordant' dari buatan yang diluluskan dan dibilas secukupnya dengan air di kilang sebelum dihantar ke tapakbina.

10.6.3 Kerja mengecat di bahagian luar tangki keluli tertekap dan sebarang struktur keluli penyokongnya hendaklah mengikut sepertimana yang telah ditentukan sebelum daripada ini.

10.6.4 Bahagian permukaan dalam tangki, permukaan bawah penutupnya dan semua keluli serta paip-paip dibahagian dalam, hendaklah dicatkan dengan epoksi ataupun cat bitumen mengikut mana yang dinyatakan di dalam pelan dan sekiranya tidak dinyatakan, cat epoksi hendaklah digunakan. Semua cat hendaklah tidak beracun, tidak luntur, tidak mengandungi pelambam dan tidak meninggalkan kesan rasa pada air. Cat hendaklah dari buatan yang diluluskan dan dibekalkan ke tapakbina di dalam bekas dari buatan yang diluluskan dan dibekalkan ke tapakbina di dalam bekas yang ditutup mati. Semua cat hendaklah disapu mengikut peraturan pembuat.

Dokumen Meja Terkawal

10.6.5 Sebelum sebarang cat disapu, permukaan-permukaan hendaklah kering dan dibersihkan dari habuk, minyak dan gris dan bagi permukaan-permukaan keluli yang tidak bergalvani, ia hendaklah dibersihkan dari kelupusan dan karat, semuanya mengikut sebagaimana yang telah ditentukan sebelum daripada ini. Dua lapisan cat hendaklah disapukan, lapisan pertama hendaklah dibiarkan kering sepenuhnya dan digosok rapi dengan kertas pasir halus sebelum lapisan seterusnya disapukan.

11. Tetopi

11.1 Tetapi semua hendaklah dibuat dari kepingan besi bergalvani setebal 1.63 m yang dibentuk mengikut sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan. Tetopi hendaklah dipasang di antara pangkal tiang konkrit atau tembok batu-bata atau dinding dan tiang kayu atau pun plat sebagaimana yang dikehendaki. Tetopi tersebut hendaklah mengunjur 60 mm dan condong pada 45 darjah daripada permukaan.

12. Tingkap-Tingkap dan Pintu-pintu Keluli

12.1 Di mana dikehendaki, Kontraktor hendaklah membekal, mengatur dan memasang tingkap-tingkap dan pintu-pintu keluli sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan. Tingkap-tingkap dan pintu-pintu keluli hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 990 dan hendaklah dari sumber yang diluluskan dan hendaklah dicat asas di bengkel dengan 2 lapisan asas pelambam merah atau cat-cat asas cegah karat yang lain-lain yang diluluskan. Tingkap-tingkap dan pintu-pintu keluli hendaklah dibekalkan lengkap dengan alat-alat kunci, cangkuk, umbang atau engsel dan pepasang lain yang perlu yang diluluskan. Tingkap-tingkap dan pintu-pintu keluli hendaklah diskrukan kepada bingkai-bingkai kayu atau dipasang pada konkrit atau dinding bata sepertimana yang ditunjukkan dalam pelan-pelan.

13. Pintu dan Tingkap Aluminium

13.1 Apabila dikehendaki, Kontraktor hendaklah membekal, mencantum dan memasang tingkap dan pintu aluminium sepertimana ditunjukkan dalam pelan-pelan. Kecuali jika selainnya dinyatakan semua tingkap dan pintu aluminium hendaklah dipasang daripada bahagian-bahagian yang dibentuk daripada aluminium aloi, mematuhi Piawaian British B.S 1474 dan hendaklah diluluskan oleh P.P.

13.2 Sampel-sampel keratan aluminium beserta pelan-pelan pertukangan yang lengkap untuk semua kerja hendaklah dikemukakan kepada P.P untuk kelulusan sebelum kerja dimulakan.

13.3 Kecuali jika selainnya ditunjukkan kemasan permukaan aluminium hendaklah beranod semulajadi bebas dari kecacatan aloi, tanda-tanda pencelup, garis-garis dan lain-lain kecacatan permukaan.

13.4 Lengkapan dan barang logam yang berkualiti yang diluluskan hendaklah dipasang pada pintu aluminium dan kemasannya hendaklah bersesuaian dengan kemasan rangka pintu aluminium.

13.5 Skru, nat, bolt, rivet dan lain-lain alat pemasangan hendaklah bersadur krom atau diperbuat dari keluli tak-karat.

13.6 Semua tambatan, pendakap dan penyangkuk hendaklah daripada keluli bergalvani dan hendaklah cukup kuat untuk menanggung beban, ketegangan dan sebagainya.

13.7 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk melindungi semua permukaan aluminium dengan kertas pelindung, gris dan sebagainya semasa memasang dan hendaklah bertanggungjawab untuk memelihara permukaan-permukaan aluminium yang terdedah yang telah dipasang dari kerosakan oleh penompokan semua bahan pelindungdan membersihkan permukaan tersebut. Penggunaan pencuci yang boleh merosakkan permukaan tidak dibenarkan.

Dokumen Meja Terkawal

14. Ram Laras

14.1 Bingkai logam ram laras, di mana ditunjukkan di dalam pelan hendaklah dari jenis tolok berat, bergalvani dan dari pembuat yang diluluskan. Bingkai tersebut hendaklah dibekal lengkap dengan pengadang cuaca dan bering tanpa ferus, klip spring, alat kunci dan jalur pengadang cuaca dan sesendal jarak yang diperlukan. Bingkai ram tersebut hendaklah diskru kepada bingkai kayu atau kepada palam di dinding sepertimana yang dibutiran. Di mana dikehendaki, bingkai-bingkai tersebut hendaklah dipasang untuk dijadikan jerang tengah dan dipasang mengikut arahan-arahan pembuat. Bingkai ram tidak boleh dicat dan perhatian hendaklah diambil semasa pengendalian untuk mengelakkan dari kecacatan kepada lapisan galvani.

15. Pintu Lipat, Pintu Gulung dan sebagainya

15.1 Kontraktor hendaklah membekal dan memasang pintu lipat keluli, pintu daun berlipat keluli, pintu gulung keluli dan sebagainya lengkap dengan semua kelengkapan yang perlu yang diluluskan, mengikut saiz dan tempat-tempat di dalam pelan-pelan. Kecuali jika selainnya ditentukan, ia hendaklah bergalvani dan dipasang mengikut peraturan pembuat.

16. Alat-alat

16.1 Pelepar keluli sederhana untuk tangga, serambi, anjung dan sebagainya hendaklah dipasang sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan.

16.2 Semua besi dan keluli untuk alat-alat pelbagai hendaklah dari mutu yang diluluskan oleh P.P. Skru dan bolt hendaklah mempunyai sesendal dimana sesuai. Cangkuk untuk menggantung kipas siling hendaklah dibentuk dengan menggunakan batang keluli yang berukuran 13 mm diameter dan diboltkan kepada kayu siling atau dibenam ke dalam konkrit.

16.3 Jejaring berkimpal, logam babar kepingan aluminium dan sebagainya hendaklah dibekalkan dan dipasang sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan.

16.4 Kekisi keluli sederhana, kisi penutup sederhana, longkang keluar sederhana hendaklah dibekalkan dan dipasangkan sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan. Kecuali jika selainnya dinyatakan, semua kerja kimpalan hendaklah dengan cara kimpalan berterusan.

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN J – KERJA MELEPA, MENGUBIN, MENJUBIN DAN MEMASANG GENTING.

1. Kehendak Am

1.1 Simen

1.1.1 Simen yang hendak digunakan hendaklah daripada jenis Simen Portland Biasa yang mematuhi Piawaian British B.S 12 seperti yang telah dihuraikan untuk KERJA KONKRIT, kecuali jika selainnya dinyatakan.

1.1.2 Simen putih dan simen warna hendaklah daripada buatan yang diluluskan.

1.2 Bahan Pemudah Adun

1.2.1 Bahan pemudah adun hendaklah daripada buatan yang diluluskan dan diguna mengikut peraturan pihak pembuat dengan tepat.

1.3 Pasir

1.3.1 Pasir yang hendak digunakan untuk lepakan luar, lepaan dalam dan lapis lepa lantai hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 119 dan pasir untuk lepaan dalam yang menggunakan gipsum hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 1198.

1.4 Air

1.4.1 Air yang hendak digunakan untuk bancuhan hendaklah bersih dan bebas daripada benda-benda yang merosakkan. Air laut dan air yang agak masin tidak boleh digunakan.

1.5 Bancuhan

1.5.1 Semua pembancuhan mortar untuk lepaan dan lapis lepa hendaklah menggunakan mesin pembancuh. Pembancuhan dengan tangan hanya dibenarkan untuk kuantiti yang kecil dan dengan kelulusan P.P. Pembancuhan dengan tangan hendaklah dibuat di atas pelantar yang bersih. Kandungan air dalam bancuhan hendaklah yang paling minimum secukup untuk menghasilkan bancuhan yang mudah dikerjakan.

1.5.2 Mortar bagi lepaan dan lapis lepa hendaklah habis digunakan dalam tempoh 45 minit selepas bancuhan.

1.5.3 Bagi lepaan gipsum campurannya hendaklah habis digunakan dalam tempoh satu jam selepas bancuhan.

1.5.4 Membancuh semula campuran yang berlebihan selepas tempoh tersebut tidak dibenarkan.

1.6 Persediaan Permukaan

1.6.1 Di mana yang boleh, ubinan, lapis lepa dan lepakan yang hendak dilepek di atas permukaan konkrit hendaklah dilakukan semasa konkrit masih muda iaitu selepas set yang akhir tetapi tidak lewat daripada 24 jam setelah konkrit dituang. Permukaan konkrit hendaklah diberus dengan penyapu keras sebelum ianya keras untuk menghilangkan lapis buih simen dan untuk mendapatkan permukaan yang kasar. Jika tidak, permukaan konkrit hendaklah dipahat keseluruhannya untuk mewujudkan cengkaman mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

Dokumen Meja Terkawal

1.6.2 Sebelum sebarang kerja pengubinan, lapis lepa atau lepekan dibuat, semua permukaan yang terlibat hendaklah dibersihkan dan di basahkan dengan sempurna dan hendaklah berada dalam keadaan lembab pada masa pengubinan, lapis lepa atau lepekan dibuat.

1.6.3 Di mana lepaan dan lepekan dikehendaki dibuat berlapis-lapis, permukaan tiap-tiap lapisan yang terdahulu hendaklah hendaklah dicakar semasa ianya masih muda untuk mewujudkan cengkaman kepada lapisan yang berikutnya.

1.7 Petak

1.7.1 Ubinan dan lapis lepa hendaklah dituang dengan cara berpetak selang-seli. Pada permukaan konkrit yang telah keras, luas petak hendaklah tidak melebihi 15 meter persegi. Pada permukaan konkrit yang masih muda, luas petak hendaklah tidak melebihi 30 meter persegi. Di mana petak-petak tidak bersegi empat sama, nisbah panjang di antara kedua tepi yang bersebelahan hendaklah lebih kurang 1:1½. Garis sambungan pada ubinan dan lapis lepa hendaklah seboleh-bolehnya segaris dengan garis sambungan papak konkrit di bawahnya.

1.8 Pengawetan dan Pengawalan

1.8.1 Kecuali jika selainnya ditentukan selepas ini, lapis lepa hendaklah diawet 3 hingga 7 hari selepas dituang, dan dikawal supaya tidak cepat kering dengan cara menutup dengan plastik atau kain tarpal dan hendaklah dikawal dari sebarang kecacatan.

1.9 Memperbaiki

1.9.1 Lapis lepa yang cacat hendaklah dipahat dan dibuang dan permukaan itu hendaklah dibaiki dengan lapis lepa yang baru. Tempoh yang cukup hendaklah dibenarkan untuk lapis lepa itu kering sebelum kemasan lantai.

1.9.2 Lepaan dan lepekan yang cacat hendaklah diperbaiki dengan cara mengikis bahagian yang cacat supaya menjadi bentuk yang sesuai dan juga hujung tepinya hendaklah dipotong bagi mewujudkan cengkaman bajang dan dikemas rata dengan permukaan sekelilingnya.

1.10 Sampel-sampel

1.10.1 Kontraktor hendaklah mengemukakan kepada P.P sampel bahan dan/atau sampel kerja untuk kelulusan. Sampel yang telah diluluskan hendaklah disimpan di tapakbina untuk rujukan.

1.11 Alat-alat

1.11.1 Alat-alat tertentu hendaklah digunakan bagi mencakar, menggores, menyambung, melicinkan tepi, membuat segi-segi dan lain-lain supaya mewujudkan cantuman yang tepat dan rapi.

1.12 Jenis Kemasan

1.12.1 Jenis kemasan yang sesuai digunakan hendaklah sepertimana yang ditunjukkan dalam pelan-pelan atau sepertimana yang disenaraikan dalam jadual kemasan. Kecuali jika selainnya dinyata di lain-lain bahagian dalam Spesifikasi ini atau dalam pelan-pelan, jenis kemasan hendaklah sepertimana yang diterangkan kemudian daripada ini.

Dokumen Meja Terkawal

1.13 Birai-hias, sudut dan kambi

1.13.1 Semua birai-hias dan kerja berbentuk hendaklah dikerjakan dengan bersih dan dibentuk dengan tepat mengikut keratan yang ditunjukkan dalam pelan-pelan. Semua tanggam penjuru, penghujung dan siku penghujung hendaklah dikerjakan dengan tepat dan semua perhiasan tambahan dan pembentukan hendaklah mengikut perincian sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

1.13.2 Semua garisbucu, sudut bulat dan sudut berbentuk hendaklah dibuat daripada bahan campuran yang sama seperti keseluruhan kerja yang dibuat; kecuali bibir, potong rencong dan siku penghujung yang sempit dan lebarnya kurang daripada 300 mm, di mana lepaan kelas 'D' mengikut Piawaian British B.S 1191 boleh digunakan.

1.13.3 Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan-pelan kambi hendaklah daripada campuran simen dan pasir (1:3) dibina setinggi 200 mm dan dikemas rata dengan permukaan dinding menggunakan pelepa besi.

2. Kerja Melepa

2.1 Lepa Biasa

2.1.1 Lepa biasa hendaklah dibuat daripada 1 bahagian simen batu dan 6 bahagian pasir mengikut sukatan isipadu. Di mana Simen Portland Biasa digunakan, bahan pemudah adun hendaklah dicampur mengikut peraturan pembuat.

2.1.2 Lepa ini hendaklah disapu dua lapis. Pada lazimnya jumlah tebal lepa itu hendaklah 16 mm bagi dinding batu-bata dan hendaklah 12 mm bagi tampang bawah, rasuk, tiang, dinding blok dan permukaan licin yang lain. Lapisan pertama hendaklah daripada lepa kasar setebal 10 mm bagi lepa biasa 16 mm dan 6 mm bagi lepa biasa 12 mm. Lapisan kedua setebal 6 mm hendaklah dikemaskan dengan pelepa besi bagi permukaan dalam dan dengan perata kayu bagi permukaan luar.

2.2 Lepa Granolitik

2.2.1 Lepa granolitik hendaklah dibuat daripada 2 bahagian simen, 1 bahagian pasir dan 5 bahagian batu serpih granit yang boleh menelusi ayakan 6 mm tetapi tidak boleh menelusi ayakan 3 mm mengikut sukatan isipadu; dilepek kepada lapisan asas dalam dua lapisan dengan jumlah tebalnya 10 mm dan permukaannya diratakan dengan kayu perata. Lapisan asas hendaklah 12 mm tebal terdiri daripada lepa biasa sepertimana yang dihuraikan sebelum ini. Setelah set permulaan berlaku, permukaan yang telah siap hendaklah diberus perlahan-lahan untuk menghasilkan kemasan bergerutu yang dikehendaki.

2.3 Lepa Shanghai

2.3.1 Lepa Shanghai hendaklah dibuat daripada 2 bahagian simen berwarna yang diluluskan, 1 bahagian pasir dan 5 bahagian batu serpih kapur yang dipilih yang boleh menelusi ayakan 3 mm dengan sukatan isipadu; dilepek kepada lapisan asas dalam dua lapisan dengan jumlah tebalnya 10 mm dan permukaannya diratakan dengan kayu perata. Lapisan asas hendaklah 12 mm tebal terdiri daripada lepa biasa sepertimana yang dihuraikan sebelum ini. Setelah set permulaan berlaku, permukaan yang telah siap hendaklah diberus perlahan-lahan untuk menghasilkan kemasan bergerutu yang dikehendaki.

Dokumen Meja Terkawal

2.4 Lepa Kemasan Gerutu

2.4.1 Lepa kemasan gerutu hendaklah daripada satu lapisan asas lepa biasa setebal 20 mm sepertimana yang dihuraikan sebelum daripada ini dan satu lapisan kemasan yang dikehendaki sepertimana yang dihuraikan di dalam pelan dan dihuraikan kemudian daripada ini.

2.4.2 Di mana kemasan lemparan kasar dikehendaki, campurannya hendaklah terdiri daripada simen, pasir dan batu baur yang dipilih mengikut pembahagian yang boleh menghasilkan kemasan yang dikehendaki mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

2.4.3 Di mana kemasan 'Tyrolean' diperlukan campurannya hendaklah terdiri daripada 1 bahagian simen warna yang dipilih dan 2 bahagian pasir mengikut sukatan isipadu, disembur kepada lapisan asas dengan menggunakan mesin 'Tyrolean' mengikut peraturan pembuat. Kemasan ini hendaklah dibuat dalam tiga lapisan dan jumlah tebalnya tidak melebihi 6 mm. Tiap-tiap lapisan hendaklah dibiarkan kering sebelum lapisan yang berikut disembur.

2.4.4 Di mana kemasan turap kelikir diperlukan, kelikir yang kering untuk kemasan ini hendaklah dilemparkan ke permukaan lapisan asas semasa lapisan-lapisan itu masih basah.

2.5 Lepa Jejaring

2.5.1 Lepa jejaring hendaklah terdiri daripada jaringan logam dan lepa. Jaringan logam hendaklah diperbuat dari kepingan logam barbar bergalvani yang berat minimum 1.5 kg/meter persegi dan mematuhi Piawaian British B.S 1369. Kepingan ini hendaklah dipasang memanjang melintangi penahan. Semua kepingan hendaklah berlimpap tidak kurang dari 25 mm pada bahagian sisi dan hujung. Limpap hendaklah dielakkan berlaku dalam lingkungan 150 mm daripada paksi sudut atau lengkuk dan limpap hujung boleh dibuat pada bahagian penahan sahaja. Bahagian sisi kepingan di antara penahan hendaklah diikat bersama dengan dawai galvani saiz tidak kurang dari 12 mm pada tiap-tiap jarak 75 mm. Hujung dawai pengikat hendaklah dibengkokkan ke dalam dan bukan ke arah lapisan kemasan lepa. Kepingan logam barbar galvani hendaklah dipasang pada kayu penyokong dengan menggunakan paku bersadur zink atau stapler pada jarak tidak melebihi 100 mm. Jika kepingan logam barbar galvani dipasng pada rangka besi, dawai atau klip hendaklah digunakan pada jarak tidak melebihi 350 mm. Jaring logam dari buatan tertentu hendaklah dipasang mengikut peraturan pembuat sepenuhnya.

2.5.2 Lepaan pada jaring logam hendaklah dilepek dalam tiga lapisan. Lapisan pertama dan kedua hendaklah mengandungi simen dan pasir (1:6) mengikut nisbah isipadu dicampur dengan pemudah adun mortar yang diluluskan dan digunakan mengikut peraturan pembuat. Gentian yang diluluskan hendaklah dimasukkan di dalam campuran ini mengikut kadar 5 kg bagi tiap-tiap 1 meter padu pasir dan digaul sehingga sebati. Lapisan akhir hendaklah mengandungi simen dan pasir halus mengikut nisbah isipadu 1:3 dicampur dengan pemudah adun mortar yang diluluskan dan digunakan mengikut peraturan pembuat. Bagi lapisan pertama dan kedua jumlah tebalnya hendaklah 10 mm diukur dari permukaan luar jaring logam. Bagi lapisan akhir tebalnya hendaklah 3 mm. Tiap-tiap lapisan hendaklah dicakar untuk mendapat cengkaman dan dibiarkan kering sebelum lapisan yang seterusnya dilepek.

2.6 Lepa Barium

Dokumen Meja Terkawal

2.6.1 Lepaan bagi permukaan dalam dinding dalam bilik X-ray hendaklah dari lepa barium yang mengandungi 1 bahagian simen, 1 bahagian barytes (sulfat barium) halus dan 3 bahagian pasir barytes mengikut sukatan isipadu.

2.7 Lepa Kepada Permukaan tembuk, kebok pemeriksaan dan tangki najis.

2.7.1 Sepertimana yang ditentukan dibawah KERJA SALIRAN KOTORAN.

3. Kerja Mengubin

Ubinan Simen

3.1.1 Ubinan simen hendaklah setebal 20 mm dibuat daripada 1 bahagian simen dan 3 bahagian pasir mengikut sukatan isipadu. Ubinan hendaklah dilicinkan dengan sempurna dalam masa 30 minit setelah dihamparkan dan dilicinkan dengan pelepa untuk mengelakkan lapis buih simen berlaku. Ubinan untuk lapis lindung hendaklah dikemaskan menurun ke arah longkang.

3.1.2 Kecuali jika selainnya ditunjukkan, kambi hendaklah dibentuk 150 mm tinggi dan 20 mm tebal, melekuk di bahagian bawah dan membulat di bahagian atas.

3.1.3 Ubinan untuk membentuk anjur bagi jejak tangga konkrit hendaklah dibulatkan sedikit dan mempunyai empat baris alur separuh bulat berdiameter 6 mm dan dijarakkan 12 mm antara satu sama lain untuk dijadikan sebagai penghalang gelincir.

3.2 Ubinan Granolitik

3.2.1 Ubinan granolitik hendaklah setebal 20 mm mengandungi 2 bahagian simen dan 5 bahagian batu serpih granit yang boleh menelusi ayakan 6 mm tetapi tidak boleh menelusi ayakan 3 mm, mengikut sukatan isipadu. Batu serpih hendaklah dibasuh dan tidak berhabuk. Ubinan hendaklah dilepa licin ke paras atau curam hendaklah diberus perlahan-lahan untuk menghasilkan kemasan gerutu yang dikehendaki. Kecuali jika selainnya ditunjukkan, kambi granolitik hendaklah setinggi 100 mm dan setebal 20 mm melekuk ke bawah dan membulat di bahagian atas.

3.2.2 Bahagian tepi bendul dan jejak tangga konkrit hendaklah dipasang dengan 150 mm x 76 mm x 12 mm genting kekaca anjur penghalang gelincir yang diluluskan, disusun memenjang dan diikat serta dikemaskan dengan menggunakan mortar simen dan pasir (1:3). Bahagian tepi ibu tangga yang terdedah hendaklah dikemaskan dengan granolitik yang dikerjakan mengikut bentuk jejak dan tetingkat tangga mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

3.3 Terazo Disitu

3.3.1 Terazo disitu hendaklah mengandungi 1 bahagian simen berwarna yang diluluskan dan 3 bahagian batu serpih kapur yang dipilih dan boleh menembusi ayakan 12 mm tetapi tidak boleh menembusi ayakan 3 mm mengikut sukatan isipadu. Terazo hendaklah setebal 20 mm dan dihamparkan di atas lapis lepa simen pasir (1:3) setebal 20 mm. Asas konkrit yang akan menerima lapis lepa hendaklah dibersihkan dan dibasahkan dengan sempurna. Semasa lapis lepa dihampar jalur aluminium atau loyang berukuran 32 mm lebar dan 3 mm tebal hendaklah dipasang menegak ke dalam lapis lepa untuk membentuk petak-petak. Luas tiap-tiap petak hendaklah tidak melebihi 4 meter persegi dengan sisi jalur disebelah atas berdiri secukup tinggi supaya separas dengan permukaan kawasan lantai terazo. Terazo hendaklah dilepa sehingga menghasilkan kemasan yang padat dan rata. Apabila terazo telah cukup keras tetapi tidak kurang dari dua hari setelah ianya dihamparkan, permukaannya hendaklah digosok hingga licin dengan menggunakan batu karborundum.

Dokumen Meja Terkawal

3.3.2 Kecuali jika selainnya ditunjukkan, kambi-kambi dan lilitan terazo hendaklah setinggi 100 mm dan setebal 20 mm, membulat di bahagian atas dan melekuk di bahagian bawah.

3.3.3 Bahagian tepi bendul dan jejak tangga konkrit hendaklah dipasang dengan 150 mm kali 76 mm kali 12 mm genting kekaca anjur penghalang gelincir yang diluluskan, disusun memanjang dan diikat serta dikemaskan dengan menggunakan mortar simen dan pasir (1:3). Bahagian tepi ibu tangga yang terdedah hendaklah dikemaskan dengan terazo yang dikerjakan mengikut jejak dan tetingkat tangga mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

3.4 Ubinan Kalis Air Untuk Papak Bumbung

3.4.1 Sepertimana yang ditentukan di bawah KERJA BUMBUNG.

3.5 Ubinan Konkrit Tuang-Dulu

3.5.1 Papak ubinan konkrit tuang dulu hendaklah berukuran 600 mm x 600 mm tebal tiap-tiap keping dan diperbuat daripada konkrit tetulang (1:2:4 – 19mm) yang diperkuatkan dengan tetulang barbar A6 menepati Piawaian Malaysia M.S 7.8. Permukaan papak hendaklah diberus dengan penyapu keras atau berus dawai selepas set permulaan berlaku untuk menghasilkan kemasan yang kasar. Papak ubinan hendaklah dipasang mengikut corak sepertimana yang ditunjukkan dalam pelan-pelan atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Papak ubinan hendaklah dipasang diatas lapis lepa simen pasir (1:3) separuh kering setebal 25 mm yang dihampar diatas hadkor setebal 100 mm yang telah dipadat dan dikedapkan dengan sempurna. Sambungan diantara papak-papak hendaklah selebar 20 mm dan diisi dengan mortar simen dan pasir (1:3) dan dikeruk sedalam 6 mm.

3.6 Ubinan Konkrit Disitu

3.6.1 Ubinan konkrit disitu hendaklah setebal 75 mm daripada campuran 1:3:6 – 19 mm mengikut sukatan isipadu sepertimana yang dihuraikan dalam KERJA KONKRIT, dihamparkan berpetak-petak di atas hadkor setebal 100 mm yang telah dipadat dan dilapis kedap dengan sempurna sepertimana yang ditunjukkan dalam pelan dan diluluskan oleh P.P. Konkrit itu hendaklah dipadatkan dengan sempurna dan diratakan dengan kayu perata sehingga licin dan samarata. Setelah konkrit mencapai set permulaan, permukaannya hendaklah diberus dengan penyapu keras atau berus dawai untuk mendapatkan kemasan kasar. Sambungan antara petak-petak hendaklah diisikan dengan pengisi tanggam bitumen yang diluluskan.

3.7 Ubinan Batu-Bata

3.7.1 Batu-bata untuk ubinan hendaklah daripada jenis separuh kekaca berukuran 225 mm x 75 mm x 50 mm tebal daripada mutu dan warna yang diluluskan. Batu-bata hendaklah direndam sebelum diatur dan hendaklah diatur mendatar dengan jarak 6 mm antara tiap-tiap satu mengikut corak.

4. Kerja Menjubin

4.1 Jubin Terazo Tuang Dulu

4.1.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan jubin terazo tuang dulu hendaklah dari buatan yang diluluskan berukuran 200 mm x 200 mm x 20 mm tebal, diperbuat dengan tekanan mesin dan mengandungi 6 mm batu baur kapur dan simen warna. Jubin hendaklah direndam sebelum dipasang dan hendaklah dipasang sambung temu diatas lapis lepa simen dan pasir (1:3) separuh kering setebal 20 mm. Kerja

Dokumen Meja Terkawal

memasang hendaklah dilakukan semasa lapis lepa masih muda. Semua sambungan di antara jubin hendaklah diisi dengan simen warna yang sepadan. Permukaan jubin hendaklah digosok sehingga licin sekurang-kurangnya dua hari selepas dipasang dengan menggunakan batu karborundam.

4.1.2 Semua kambi, lilitan, bahagian tepi bendul dan jejak tangga dan sebagainya hendaklah sepertimana yang dihuraikan untuk terazo di situ.

4.2 Mozek

4.2.1 Jubin mozek hendaklah pada amnya berukuran 20 mm x 20 mm x 4.5 mm dari jenis jubin mozek kekaca sepenuhnya dan dari warna dan buatan yang diluluskan.

4.2.2 Di mana mozek gilap hendak digunakan, ianya hendaklah berukuran 25 mm x 25 mm x 5.5 mm tebal dari jenis jubin mozek separuh gilap dan dari warna dan buatan yang diluluskan.

4.2.3 Kecuali jika selainnya ditunjukkan, semua kambi hendaklah setinggi 100 mm dan hendaklah bersepadan dengan jubin lantai. Jubin bawah kambi hendaklah dipasang menyondong 45 darjah dan bahagian atasnya dikemaskan dengan jubin melekuk. Jubin yang diperlukan untuk membentuk sudut pada kambi hendaklah dipotong rapi supaya menepati semua timpan.

4.2.4 Setelah dirata dan dilicinkan, permukaan lantai hendaklah dibersihkan sebarang renggangan dikedapkan dengan sebatian kedap yang diluluskan, diwarna dan dikemas-siapkan dengan tiga lapisan cat polyurethene. Setiap lapisan hendaklah disapu mengikut peraturan pembuat sepenuhnya.

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN K – KERJA PAIP BEKALAN AIR DAN PEMASANGAN KELENGKAPAN KEBERSIHAN

1. Kerja Paip Bekalan Air

1.1 Kehendak Am

1.1.1 Keseluruhan kerja paip bekalan air dan pemasngannya hendaklah dilaksanakan oleh tukang paip yang mempunyai lesen yang sah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri yang berkenaan. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab mengupah tukang paip yang berlesen, dengan kosnya sendiri dan hendaklah bertanggungjawab terhadap semua kerja yang dilaksanakan oleh tukang paip berlesen tersebut.

1.1.2 Kesemua kerja paip bekalan air dan pemasangannya hendaklah dilaksanakan mengikut peraturan Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri berkenaan dan mengikut sepertimana yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Bekalan Air tanpa mengambilkira sebarang kelulusan yang diberikan oleh P.P.

1.1.3 Kesemua paip, pepasang dan alat-alat yang digunakan untuk kerja paip bekalan air yang pemasangannya hendaklah dari jenis dan buatan yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri berkenaan.

1.2 Kerja Paip

1.2.1 Kerja paip untuk bekalan air hendaklah mengikut ukuran sepertimana yang ditunjukkan atau ditentukan kemudian daripada ini dan hendaklah dilengkapkan dengan semua liku, tee, soket, palam, sambungan pengurang, pendakao, penyokong dan semua keperluan lain untuk menyiapkan pemasangan.

1.2.2 Kecuali jika selainnya dinyatakan atau ditunjukkan kerja paip bekalan air untuk paip agihan di atas tanah hendaklah dilaksanakan dengan menggunakan tiub keluli sederhana galvani kelas 'B' yang diluluskan dan pepasang hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 1387. Semua paip perkhidmatan, paip penyampaian dan pam dan semua paip dibawah tanah hendaklah menggunakan tiub keluli sederhana galvani kelas 'C'.

1.2.3 Di mana paip UPVC ditunjukkan atau dinyatakan untuk kerja paip agihan air sejuk ianya hendaklah daripada paip klorida polivinal yang tak plastik (UPVC) Kelas 'C' yang diluluskan dan pepasang hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 3505. Paip-paip di dalam tanah dan paip perkhidmatan hendaklah dari kelas 'D'.

1.2.4 Di mana paip tembaga ditunjukkan atau dinyatakan ianya hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 2871 Bahagian 1. Pepasang untuk penyambungan paip tembaga hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 864 : Bahagian 2.

1.2.5 Kecuali jika selainnya ditunjuk atau dinyatakan semua paip perkhidmatan paip agihan kecuali yang ditanam di dalam tanah hendaklah dipasang dalam lundar. Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja dengan sedemikian cara yang dapat mengelakkan pemotongan kerja yang telah siap pada dinding, rasuk dan sebagainya di mana yang boleh semasa kerja sedang dilaksanakan. Kerja paip yang hendak ditanam dan kerja paip di dalam lundar tidak boleh ditutup sebelum ianya diperiksa; diuji dan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri tanpa mengambil kira sebarang kelulusan yang telah diberikan oleh P.P.

1.2.6 Kecuali jika selainnya ditunjukkan atau dinyatakan cabang-cabang terakhir kepada pepasangan hendaklah berukuran 12 mm diameter dan saiz-saiz paip penyalur dari mana cabang ini diambil hendaklah seperti berikut :-

Dokumen Meja Terkawal

Bilangan Pepasangan	Diameter Paip Penyalur
2	20 mm
3, 4	25 mm
5, 6, 7	30 mm
8, 9, 10, 11, 12	40 mm
13, 14, 15, 16, 17, 18	50 mm

1.3 Tangki Simpanan Air

1.3.1 Tangki simpanan air yang hendak dibekal dan dipasangkan untuk bekalan air hendaklah dari jenis dan muatan sepertimana yang ditunjuk atau dicatitkan. Tangki simpanan air hendaklah kedap air dan ditupang dengan sempurna. Tangki simpanan air hendaklah disertakan dengan penutup yang kalis abuk dan yang boleh menghalang kemasukan nyamuk. Penutup tangki hendaklah dibuat sedemikian cara supaya tidak kedap udara. Tangki simpanan air itu juga hendaklah disertakan dengan injap bola jenis tekanan tinggi yang mematuhi Piawaian British B.S 1212 di bahagian salur masuk dan saiznya hendaklah sama dengan paip salur masuk, paip limpah/paip amaran, paip cuci dan paip salur seperti yang ditentukan dalam peraturan Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri berkenaan. Paip cuci dan paip limpah/paip amaran hendaklah disalur keluar dari bangunan atau ke tempat sepertimana yang ditunjukkan atau dinyatakan.

1.3.2 Tangki simpanan air yang diperbuat dari besi atau keluli hendaklah digalvanikan dan dari jenis yang diluluskan dan tebal logam yang digunakan hendaklah tidak kurang dari yang ditentukan untuk tangki gred 'A' kesemuanya sepertimana yang telah ditentukan dalam Piawaian British B.S 417 Bahagian 1 atau 2.

1.3.3 Tangki simpanan air yang diperbuat daripada kepingan keluli tekanan hendaklah dari jenis yang diluluskan dan mematuhi Piawaian British B.S 1564 dan hendaklah digalvanikan.

1.3.4 Tangki simpanan air yang diperbuat dari simen asbestos hendaklah dari jenis yang diluluskan dan mematuhi Piawaian British B.S 2777.

1.3.5 Tangki simpanan air yang diperbuat dari kaca gentian hendaklah diperbuat dari jenis yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri Berkenaan.

1.3.6 Permukaan dalam tangki simpanan air hendaklah di cat dengan cat bitumen yang tidak beracun yang diluluskan dan digunakan mengikut peraturan pembuat.

1.4 Injab Penahan

1.4.1 Injab penahan tekanan tinggi yang berskru yang boleh membenarkan aliran air sepenuhnya, diperbuat dari loyang dan mempunyai diameter yang sama dengan paip hendaklah dibekal dan dipasangkan untuk kawalan pengaliran di tempat-tempat berikut:-

(1) Pada paip ke meter sebelum ianya memasuki bangunan.
(2) Pada tiap-tiap paip cabang ke meter.
(3) Pada paip salur masuk kepada tiap-tiap simpanan air atau tangki pembekal air.
(4) Pada paip salur masuk kepada tiap-tiap tangki kumbah.
(5) Pada paip salur keluar daripada tiap-tiap tangki simpanan air atau tangki pembekal air.
(6) Di lain-lain tempat pada paip sepertimana yang ditunjukkan atau dinyatakan selain daripada paip limpah atau paip amaran.

Dokumen Meja Terkawal

1.4.2 Semua injab penahan hendaklah dari jenis yang diluluskan dan mematuhi Piawaian British B.S 1952.

1.5 Pemeriksaan, Ujian dan Kelulusan Kerja Paip Bekalan Air

1.5.1 Setelah kerja paip bekalan air dan pemasangan pepasangan selesai, Kontraktor hendaklah memberitahu Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri berkenaan bahawa semuanya sudah sedia untuk pemeriksaan dan ujian dan Kontraktor hendaklah memberi segala bantuan yang diperlukan ditapakbina untuk membolehkan pemeriksaan dan ujian dibuat.

1.5.2 Kontraktor hendaklah mendapatkan akuan bertulis dari Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri berkenaan untuk membuktikan bahawa pemeriksaan dan ujian telah disempurnakan dengan jayanya. Jika pemasangan dibuktikan tidak memuaskan Kontraktor hendaklah membetulkan kerja mengikut arahan bertulis Pihak Berkuasa Bekalan Air Negeri.

1.6 Ruangan Meter

1.6.1 Di mana ruangan meter diperlukan, ianya hendaklah mengikut butir-butir yang ditunjukkan dalam pelan-pelan. Kecuali jika selainnya ditunjukkan, penyambungan ke meter, pembekalan meter dan semua paip ke meter hendaklah dilakukan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri berkenaan.

2. Pemasangan Kelengkapan Kebersihan

2.1 Kehendak Am

2.1.1 semua pepasangan hendaklah dari buatan, jenama dan model yang diluluskan oleh JKR dan kecuali jika selainnya ditentukan hendaklah sepertimana yang dijadualkan selepas daripada ini termasuk semua pendakap dan alat-alat tambah yang diperlukan. Senarai pembuat yang diluluskan hendaklah sepertimana dilampirkan di spesifikasi ini. Kontraktor hendaklah bertanggungjawab untuk menentukan jenis perangkap yang diperlukan bagi tiap-tiap pepasangan. Pengalas konkrit yang diperlukan hendaklah diadakan bagi setiap pepasangan yang dipasang pada lantai.

2.2 Paip Kotoran, Paip Liang Udara dan Paip Air Buangan.

2.2.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan paip kotoran dan paip liang udara besi tuangan berdiameter 100 mm bersalut dipermukaan dalam dengan salutan bitumen pencegah kakisan hendaklah disediakan, dipasang dan disambung kepada pepasang dan sistem kebersihan. Paip-paip hendaklah disambung dengan damar yang diluluskan beserta plumbum lebur dan dipakal rapi.

Semua liku, cabang, opset, pepasang periksa, kepala corong dan pendakap paip hendaklah dipasang di mana perlu. Paip kotoran pugak hendaklah ditamatkan sehingga 600 mm di atas paras bumbung dan penghujungnya hendaklah dipasang dengan belon jejaring besi bergalvani.

2.2.2 Di mana perlu, paip pencegah saifon berdiameter 50 mm dari mutu yang sama seperti yang disebutkan di atas hendaklah disedia dan dipasangkan.

Dokumen Meja Terkawal

2.2.3 paip air buangan dari jenis besi tempa galvani hendaklah disedia dan dipasang kepada pepasang lengkap dengan liku, tee, soket, palam dll yang perlu. Paip air buangan hendaklah dipasang menembusi dinding dan disudutkan supaya air buangan mengalir ke dalam longkang konkrit atau jika paip itu dari tingkat atas, ianya hendaklah disambung kepada paip pugak air buangan atau paip pugak kotoran sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan. Paip air buangan dari jenis besi tuangan hendaklah sepertimana yang dihuraikan untuk paip kotoran sebelum daripada ini dan hendaklah mempunyai diameter yang sesuai kecuali jika selainnya dibutirkan dalam pelan.

3. Pemasangan Saliran Air Hujan

3.1 Pemasangan Kepingan Kalis Tiris

3.1.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan dalam pelan, semua kepingan kalis tiris hendaklah diperbuat dari kepingan zink (bukan dari besi galvani) bebas dari retak, sanga, sisikan, lepuh atau lecur berlebihan dan sebarang kecacatan yang mungkin merosakkan sifat-sifat tahan haus atau kegunaannya. Kepingan-kepingan zink hendaklah cukup rata sebelum ianya dibentuk dan dipotong. Semua kepingan zink yang digunakan untuk kalis tiris hendaklah sekurang-kurangnya 0.8 mm tebal. Kepingan kalis tiris hendaklah sekurang-kurangnya setinggi 180 mm dengan bahagian atasnya dimasukkan ke dalam tembok dan dikemas ikat dengan simen. Di mana paku atau skru digunakan untuk memasang ianya hendaklah dari jenis besi yang digalvani dengan tebal. Kerja kalis tiris hendaklah dilakukan oleh pekerja-pekerja mahir. Semua sambungan pelipit yang dipateri, rivet, balutan, dllnya hendaklah dilakukan dengan kemas dan teliti. Limpap hendaklah sekurang-kurangnya 75 mm.

3.2 Talang

3.2.1 Kehendak Am

3.2.1.1 Di mana talang perlu diadakan ianya hendaklah mengikut bentuk, ukuran dan bahan-bahan seperti yang ditunjukkan di dalam pelan. Semua talang hendaklah disedia dan dipasang lengkap dengan semua sudut, segi dan dempak, penutup hujung, salur keluar dan lain-lain pepasangan talang yang diperlukan.

3.2.1.2 Salur keluar talang hendaklah diletakkan pada tempat-tempat yang ditunjukkan dalam pelan dan tiap-tiap salur keluar hendaklah dilengkapkan dengan belon jejaring yang diperbuat dari kawat besi galvani.

3.2.1.3 Semua talang selain daripada jenis konkrit tetulang hendaklah dipasang dengan sempurna dan disokong secukupnya dan semua pendakap yang perlu hendaklah diadakan. Pendakap hendaklah dari jenis dan bentuk mengikut profil talang dan jika tidak ditunjuk atau diterangkan selainnya hendaklah diperbuat dari keluli galvani yang diskrukan pada tumpu kasau.

3.2.1.4 Kecuali jika selainnya ditunjuk atau ditentukan dalam pelan semua talang hendaklah dipasang mencuram pada kadar minimum 12 mm bagi tiap-tiap 1 m dengan limpap atau sambungan yang sempurna dan dipasang mengikut arah aliran.

3.2.2 Talang Zink

3.2.2.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan, semua pelapik talang, talang lurah dan talang cucur atap hendaklah diperbuat dari zink dan mengikut berat dan saiz berikut :-

Pelapik Talang : Tolok 16, had dalam minimum 225 mm diisi dinding, had lebar minimum 330 mm di bawah bumbung. Kadar kecuraman 50 mm bagi tiap-tiap 3 m.

Dokumen Meja Terkawal

Talang Lurah : Tolok 16, dilanjutkan kebawah bumbung selebar minimum 330 mm tiap-tiap sebelah.

Talang Cucur Atap : Tolok 16, disambung menggunakan sambungan pelipat yang dipateri dan dibuat dengan kemas dan teliti.

Pelapik talang dan talang lurah hendaklah dipasang di atas papan setebal 25 mm yang dipasang rapat-rapat dan ditupang dengan sempurna.

3.2.3 Talang Simen Asbestos

3.2.3.1 Di mana ditunjukkan, talang simen tuangan yang diluluskan dan mematuhi Piawaian British B.S 569 hendaklah diada dan dipasangkan. Talang jenis ini hendaklah disambung menggunakan sebatian mastik yang dipakai dari jenis yang diluluskan dan digunakan mengikut peraturan pembuat.

3.2.5 Talang Keluli Tekanan Bergalvani

3.2.5.1 Di mana ditunjukkan, talang keluli tekanan ringan bergalvani yang diluluskan dan mematuhi Piawaian British B.S 109 hendaklah diadakan dan dipasangkan. Talang jenis ini hendaklah disambung menggunakan dempul plumbum atau lain-lain sebatian yang diluluskan untuk sambungan dan digunakan mengikut peraturan pembuat.

3.2.6 Talang Klorida Polivinal Tak Plastik (uPVC)

3.2.6.1 Di mana ditunjukkan, talang uPVC yang diluluskan dan mematuhi Piawaian British B.S 4576 hendaklah diadakan dan dipasangkan. Talang jenis ini hendaklah disambung menggunakan sebatian yang diluluskan untuk sambungan dan diguna mengikut peraturan pembuat.

3.3 Salur Tegak Air Hujan

3.3.1 Kehendak Am

3.3.1.1 Di mana salur tegak perlu diadakan, ia hendaklah menepati bentuk, ukuran dan bahan-bahan seperti yang ditunjukkan dalam pelan-pelan dan dipasang ditempat-tempat yang ditunjukkan untuk menerima salur keluar dari talang.

3.3.1.2 Semua salur tegak hendaklah dilengkapi dengan semua pepasangan yang diperlukan termasuk corong air hujan, muncung air hujan, liku, siku, ofset dan lain-lain yang diperlukan. Salur keluar pada bumbung rata dan balkoni yang bersambung pada salur tegak hendaklah dilengkapi dengan jeriji besi tuangan yang diluluskan.

3.3.1.3 Semua salur tegak dan pepasangan hendaklah dipasang dengan betul dan secukup kemas pada tempat dengan menggunakan pencengkam, pendakap atau pemegang paip yang diperlukan. Kecuali jika ditunjukkan selainnya, pencengkam, pendakap atau pemegang paip hendaklah dipasang dengan menggunakan paku galvani atau skru yang diluluskan, dibenam tidak kurang dari 8 mm kedalam palam kayu keras atau lain-lain palam yang diluluskan pada dinding-dinding atau tiang-tiang.

3.3.2 Salur Tegak Zink

3.3.2.1 Kecuali jika ditunjukkan selainnya semua salur tegak hendaklah diperbuat daripada kepingan zink setebal tolok 1.63 mm. Sambungan hendaklah dibentuk dengan menggunakan sambungan pelipit yang dipateri dan dibuat kemas dan teliti.

Dokumen Meja Terkawal

3.3.3 Salur Tegak Simen Asbestos

3.3.3.1 Di mana ditunjukkan, salur tegak simen asbestos yang diluluskan dan mematuhi Piawaian British B.S 569 hendaklah diadakan dan dipasangkan. Walaubagaimanapun paip bawah bagi tiap-tiap salur tegak hendaklah terdiri dari paip yang lebih tebal yang mematuhi Piawaian British B.S 3656. Paip hendaklah dipasang meneropong ke arah aliran air dan disambung dengan menggunakan campuran simen dan pasir (2:1).

3.3.4 Salur Tegak Besi Tuangan

3.3.4.1 Di mana ditunjukkan salur tegak besi tuangan yang diluluskan dan mematuhi Piawaian British B.S 460 hendaklah diadakan dan dipasangkan. Paip jenis ini hendaklah dipasang meneropong ke arah aliran air dan disambung menggunakan dempul plumbum atau sebatian mastik yang diluluskan dan digunakan mengikut peraturan pembuat.

3.3.5 Salur Tegak Keluli Tekanan Bergalvani

3.3.5.1 Di mana ditunjukkan salur tegak keluli tekanan bergalvani yang diluluskan dan mematuhi Piawaian British B.S 1091 hendaklah diadakan dan dipasangkan. Salur tegak jenis ini hendaklah dipasang meneropong ke arah aliran air dan disambung menggunakan dempul plumbum atau lain-lain sebatian yang diluluskan untuk sambungan dan digunakan mengikut peraturan pembuat.

3.3.6 Salur Tegak Klorida Polivinal Tak Plastik (uPVC)

3.3.6.1 Di mana ditunjukkan salur tegak uPVC yang diluluskan dan mematuhi Piawaian British B.S 4576 hendaklah diadakan dan dipasangkan. Salur tegak jenis ini hendaklah disambung menggunakan sebatian yang diluluskan untuk sambungan dan diguna mengikut peraturan pembuat.

Dokumen Meja Terkawal

JADUAL PEPASANGAN KEBERSIHAN
(Fasal ruj. 2.1.1)

JENIS	PERIHAL
Besen Basuh	a) Besen basuh tanah liat putih jenis kekaca berukuran 560 mm x 410 mm lengkap dengan kepala paip yang berkrom, penutup lubang kepala paip, perangkap 'P' atau 'S' saiz 30 mm dengan pengadang air sedalam 40 mm pepasangan air buangan, palam lengkap dengan rantai dan pendkap yang dicat. b) Sama seperti diatas, tetapi dengan dua kepala paip yang berkrom dan bertanda "panas" dan "sejuk" (untuk bekalan air sejuk dan panas sahaja).
Sink	a) Sink tembikar dari tanah liat putih yang dikilat berukuran 600 mm x 400 mm x 200 mm lengkap dengan kepala paip berkrom; perangkap 'P' atau 'S' saiz 40 mm serta pengadang air sedalam 40 mm pepasangan air buangan, palam dengan rantai dan pendakap besi tuangan yang dicat. b) Sink logam hendaklah dari jenis keluli tak karat mengikut saiz dan bentuk seperti yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan lengkap dengan kepala paip berkrom, perangkap 'P' atau 'S' saiz 40 mm serta pengadang air sedalam 40 mm, pepasangan air buangan, palam dengan rantai dan pendakap besi tuangan yang dicat.
Tandas Pam	a) Tandas kekaki dari jenis tanah liat putih jenis kekaca lengkap dengan tempat duduk, perangkap 'P' atau 'S' dan penutup plastic yang berengsel dan getah penampan serta dilengkapi dengan lubang pengedaran udara. b) Tandas jenis cangkung hendaklah dari tanah liat putih jenis kekaca lengkap dengan sepasang pepijak yang ditinggikan daripada tanah liat putih yang dikilat, perangkap 'P' atau 'S' paip pengalir besi galvani berdiameter 40 mm.
Tangki	a) Tangki tanah liat putih jenis kekaca jenis paras rendah muatan 12 liter dengan paip pembersih, injap bebola berdiameter 12 mm, paip limpah 20 mm dan tuas pembersih yang berkrom. b) Tangki tanah liat putih jenis kekaca jenis paras tinggi muatan 12 liter dengan injap bebola berdiameter 12 mm, paip limpah 20 mm rantai dan penarik galvani serta pendakap.
Tempat Buang Air Kecil	a) Mangkuk buang air kecil tunggul dari tanah liat putih jenis kekaca lengkap dengan salur masuk belakang, penggantung, pendakap, salur keluar 40 mm dengan jeriji berengsel 50 mm paip air buangan dari besi tuangan yang dicat, tangki pembersih automatic muatan 5 liter diperbuat dari tanah liat putih yang dikilat dan paip pembersih salur masuk yang berkrom. b) Barisan dua mangkuk buang air kecil seperti (a) di atas tetapi dengan pembahagi antara mangkuk dari tanah liat putih yang dikilat, tangki pembersih automatic muatan 10 liter yang diperbuat dari tanah liat putih yang dikilat dan paip pembersih salur masuk yang berkrom. c) Barisan tiga mangkuk buang air kecil seperti (b) di atas tetapi dengan tangki pembersih automatic muatan 15 liter. (lain-lain : Nyatakan jika perlu)

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN L – KERJA PEMASANGAN KACA

1. Kaca

1.1 Semua jenis kaca hendaklah mematuhi Piawaian British B.S 952 dan hendaklah bebas daripada bebola angin bintik-bintik dan lain-lain kecacatan. Contoh-contoh kaca hendaklah diserahkan untuk kelulusan P.P.

1.2 Kecuali jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan, jenis dan mutu yang hendak digunakan hendaklah sepertimana yang diterangkan di bawah ini :-

a) Kaca Keping Jernih.
Kaca Keping jernih hendaklah setebal 5 mm atau seberat 12.5 kg/m persegi dan daripada kualiti biasa.

b) Kaca Kabur.
Kaca Kabur hendaklah daripada kaca lutcahaya yang diproses secara gelek setebal 6 mm atau seberat 15 kg/m persegi.

c) Kaca Berkawat.
Kaca Berkawat gilap hendaklah daripada kaca lutsinar dari jenis 'Georgian' setebal 6 mm atau seberat 16.25 kg/mm persegi.

d) Kaca Plat.
Kaca Plat hendaklah daripada kaca litsinar yang digilap dengan menggunakan haba dan setebal 6 mm atau seberat 15 kg/m persegi.

e) Kaca Perisai.
Kaca teguh untuk digunakan sebagai lapik meja, permukaan atas kereta sorong, almari hospital, tingkap hospital sakit otak hendaklah setebal 6 mm dan mempunyai tahap gelap yang diluluskan dan sesuai untuk kegunaannya.

f) Kaca Gelap.
Kaca Gelap hendaklah setebal 6 mm daripada kaca keping kelabu keseluruhannya dari jenis kaca penghalang cahaya.

g) Kaca Berlapis.
Kaca Berlapis hendaklah 6 mm jumlah tebal dari jenis kaca penahan cahaya matahari dari buatan yang diluluskan. Kaca berlapis hendaklah mengandungi dua lapisan kaca yang dicantumkan di antaranya dengan satu lapis plastik lutcahaya berwarna keputihan.

h) Kaca Blok.
Kaca Blok hendaklah berukuran 190 mm x 190 mm x 80 mm dari buatan yang diluluskan.

i) Kaca Plumbum.
Kaca Plumbum untuk kegunaan bilik X-ray hendaklah mempunyai tebal dan kualiti yang mampu untuk memberi perlindungan daripada sinar X-ray yang dipancarkan oleh alat-alat X-ray pada potensi kuasa kendalian sehingga 150 KV.

2. Dempul

2.1 Dempul untuk pemasangan kaca hendaklah dari jenis yang diluluskan dan mematuhi Piawaian British B.S 544.

Dokumen Meja Terkawal

3. Lurah

3.1 Semua lurah pada kayu untuk pemasangan kaca hendaklah dibersih, dicat asas dan dicat dengan satu lapis cat minyak sebelum pemasangan kaca. Semua lurah pada keluli yang hendaklah dipasang dengan kaca hendaklah dibersih dan dicat asas terlebih dahulu.

4. Pemasangan Kaca

4.1 Semua pintu, tingkap dan lain-lain kecuali tingkap ram hendaklah dipasang dengan kaca mengikut sepertimana yang ditunjukkan dakam pelan-pelan atau sepertimana yang dijadualkan. Semua kaca hendaklah dipotong mengikut saiz yang dikehendaki dengan kerenggangan 2 mm di sekeliling lurah. Semua kaca hendaklah dilekatkan dengan sempurna menggunakan dempul pada lurah. Kaca yang dilekatkan itu hendaklah dipaku sendal dan dipasang kumai bagi lurah kayu, atau disendal dengan klip spring dan dikemaskan dengan dempul di bahagian depan bagi lurah logam. Langkah-langkah hendaklah diambil untuk memastikan tiada dempul kelihatan keluar dari tepi bingkai. Semua kaca tingkap ram yang boleh dilaras hendaklah dipasangkan dengan cermat kepada klip pemegang. Semua tepi kaca yang terdedah hendaklah ditumpulkan.

4.2 Kecuali jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan, semua tingkap dan panel tetap kaca kecuali untuk bilik mandi, tandas, pintu bahagian dalam dan panel pemerhati X-ray hendaklah dipasang dengan kaca keping jernih seperti yang ditentukan sebelum daripada ini.

4.3 Semua tingkap dan panel tetap kaca untuk bilik air, tandas dan pintu bahagian dalam hendaklah dipasang dengan kaca kabur sepertimana yang ditentukan sebelum daripada ini. Panel pemerhati X-ray hendaklah dipasang dengan kaca plumbum sepertimana yang ditentukan sebelum daripada ini.

5. Pemasangan Kaca Pada Tingkap Kayu

5.1 Alur atau lurah yang hendak dipasang kaca hendaklah terlebih dahulu disapukan cat asas kayu dan dibiarkan kering, kemudian diikuti dengan menyapu satu lapisan nipis dempul untuk pemasangan kaca.

6. Pemasangan Kaca Pada Tingkap Logam

6.1 Alur-alur atau lurah-lurah yang hendak dipasang dengan kaca hendaklah terlebih dahulu dibersihkan daripada karat dan disapu dengan cat asas logam yang diluluskan dan dibiarkan kering, kemudiannya diikuti dengan menyapu satu lapisan nipis dempul untuk pemasangan kaca. Kepingan kaca hendaklah dipasang dengan sempurna dan dikejabkan di dalam alur atau lurah dengan menggunakan kumai logam mengikut peraturan pembuat atau sepertimana yang diperincikan dalam pelan-pelan.

6.2 Di mana kepingan dikehendaki dikejabkan dengan menggunakan dempul, kepingan kaca hendaklah dipasang di dalam alur atau lurah dengan menggunakan klip spring yang dilekatkan dalam lubang-lubang pada bingkai. Kemudiannya kepingan kaca itu hendaklah dikejabkan dengan dempul penyudah yang dikemaskan dengan sempurna mengikut profil dan sepertimana yang diperincikan di dalam pelan-pelan.

7. Pemasangan Kaca Pada Tingkap Ram

7.1 Bilah-bilah kaca untuk tingkap-tingkap ram mati hendaklah dipasang dengan sempurna di dalam alur pada bingkai kayu dan dikejabkan dengan kumai kayu sepertimana yang ditunjukkan dalam pelan-pelan.

7.2 Bagi tingkap ram laras bingkainya hendaklah dipasang pada bahagian pugak bingkai tingkap dan dikejabkan dengan menggunakan skru galvani berkepala kubah 20 mm panjang pada jarak 200 mm. Bilah-bilah kaca kemudiannya hendaklah diselit dan dikejabkan pada klip berbibir semuanya mengikut peraturan pembuat.

Dokumen Meja Terkawal

8.	Pemasangan Kaca Pada Tingkap-Tingkap Pintu-Pintu, Panel-Panel Dan dsb. Yang Berpaten.	8.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan, pemasangan kaca pada tingkap, pintu, tingkap magun dan sebagainya yang berpaten hendaklah mematuhi sepenuhnya peraturan pembuat.
9.	Pemasangan Blok Kaca	9.1 Blok-blok kaca hendaklah dipasang cantum-temu dengan menggunakan mortar, simen dan pasir yang terdiri dari campuran satu bahagian simen dan empat bahagian pasir mengikut sukatan isipadu. Sebelum lapisan pertamadipasang, permukaan yang akan menerima blok kaca hendaklah disapu terlebih dahulu dengan emulsi bitumen atau bahan-bahan serupa yang diluluskan. Setiap panel blok kaca itu hendaklah mempunyai kerenggangan selebar 13 mm di bahagian tepi dan atasnya dengan struktur di sekelilingnya. Ruang renggang hendaklah diisi dengan pelan-pelan atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Jaringan logam peneguh yang diluluskan hendaklah dipasang pada setiap empat lapisan. Kecuali jika selainnya ditentukan atau ditunjukkan dalam pelan-pelan, semua sambungan di antara blok-blok kaca hendaklah dikemaskan dengan simen putih dan bahagian-bahagian bahan kekal-lembut yang terdedah hendaklah dicat supaya sepadan dengan struktur di sekelilngnya.
10.	Pembersihan	10.1 Setelah siap pemasangan, semua kaca hendaklah dibersihkan di permukaan dalam dan luar dan jika terdapat kepingan yang pecah, retak atau cacat ianya hendaklah diganti mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN M – KERJA MENGECAT

1. Kehendak Am

1.1 Semua cat-cat yang hendak digunakan hendaklah yang dibekalkan oleh pembuat-pembuat yang diluluskan. Senarai gred dan pembuat-pembuat cat yang diluluskan hendaklah sepertimana yang dilampirkan di Spesifikasi ini. Jenama cat yang hendak digunakan hendaklah sepertimana yang dicatitkan oleh Kontraktor semasa menyediakan tender dan dipersetujui oleh P.P. Mutu cat minyak/enamel hendaklah menepati Piawaian Malaysia M.S 139.

1.2 Cat-cat hendaklah dihantar ke tapakbina dalam bekas asal yang berlakri dari pembuat yang belum dibuka dan hendaklah digunakan mengikut peraturan pembuat.

1.3 cat-cat tidak boleh dicampuri dengan bahan-bahan lain dan mana-mana cat yang telah rosak mutunya tidak boleh digunakan dan hendaklah dibawa keluar dari tapakbina.

1.4 Kecuali jika selainnya ditunjuk atau ditentukan jenis cat kemasan yang hendak digunakan untuk kerja pada permukaan yang terdedah hendaklah sepertimana yang dinyatakan dalam 'Jadual Kemasan Cat' yang dilampirkan selepas daripada ini.

1.5 Warna-warna dan kecerahan warna cat hendaklah sepertimana yang dipilih oleh P.P dan cat asas, cat alas dan cat kemasan hendaklah dari kecerahan warna yang berlainan yang telah diluluskan dan hendaklah daripada pembuat yang sama.

1.6 Kerja mengecat hendaklah dilakukan oleh pekerja-pekerja mahir dan perkakas atau alat-alat yang bersesuaian sahaja digunakan.

1.7 Kerja mengecat tidak boleh dilakukan dalam keadaan yang boleh menjejaskan mutu kerja mengecat.

1.8 Semasa mengecat, langkah-langkah hendaklah diambil untuk mengelakkan pengotoran atau kerosakan kepada kerja lain.

1.9 Permukaan yang hendak dicat hendaklah kering, bebas dari kotoran, minyak, gris cat lama yang mengelopak dan dari semua bahan lain yang boleh merosakkan. Semua keretakan hendaklah ditoreh dan disumbat serta semua lubang dan lekuk ditampal.

1.10 Kecuali jika selainnya ditentukan di dalam peraturan pembuat setiap lapisan cat yang disapu ke atas permukaan kayu atau permukaan logam hendaklah dibiarkan kering dan seterusnya digosok secara ringan dengan kertas pasir sebelum lapisan selanjutnya disapu. Sebarang kotoran atau habuk di permukaan cat hendaklah dibersihkan sebelum lapisan seterusnya disapu.

1.11 Semua cat asas untuk komponen-komponen berangka yang dibuat di worksyop hendaklah disapu di worksyop tersebut.

1.12 Permukaan yang siap hendaklah seragam dari segi kemasan dan warna dan bebas daripada tanda-tanda berus atau lain-lain kecacatan.

1.13 Contoh cat yang disapu yang menunjukkan setiap jenis warna cat untuk digunakan hendaklah disediakan oleh kontraktor apabila dikehendaki oleh P.P.

Dokumen Meja Terkawal

2. Mengecat Kerja Kayu

2.1 Mengecat Permukaan Baru

2.1.1 Sebelum permukaan baru dicat, semua buku kayu hendaklah ditutupi dengan pembuku kayu dan semua lubang paku, retak dan sebagainya hendaklah ditampal dengan campuran timah putih dan dempul (1:3) dan hendaklah dicat dengan asas kayu aluminium dan diberus dengan sempurna pada permukaan kayu tersebut. Permukaan yang telah disediakan hendaklah dicat dengan satu lapis cat alas kecuali jika selainnya ditentukan hendaklah diakhiri dengan dua lapisan cat kilat enamel. Tiap-tiap lapis cat yang terdahulunya hendaklah dibiarkan kering sepenuhnya dan digosok secara ringan dengn kertas pasir halus dan dibersihkan sepenuhnya sebelum lapisan cat yang berikutnya disapu.

2.1.2 Semua permukaan kayu yang bertumpu dengan konkrit atau kerja batu-bata hendaklah disapu dengan cat asas sebelum dipasang atau dicantumkan.

2.1.3 Semua alat pintu-tingkap melainkan engsel hendaklah ditanggalkan sebelum kerja mengecat dimulakan dan kemudiannya hendaklah dipasang semula dengan teliti.

2.1.4 Kecuali jika selainnya ditentukan, semua permukaan kayu berketam yang terdedah hendaklah dicat sepertimana yang telah ditentukan sebelum daripada ini.

2.2 Mengecat Semula Permukaan Lama

2.2.1 Di mana mengecat semula permukaan lama ditentukan, cara-cara berikut hendaklah dipatuhi. Jika permukaan itu masih baik, ianya hendaklah digosok dengan kertas pasir halus mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Kemudian ianya disapu dengan satu lapis cat alas dan diikuti dengan dua lapis cat kilat enamel, kecuali jika selainnya ditentukan. Di mana permukaan cat didapati retak dan kelupas, keseluruhan cat tersebut hendaklah ditanggalkan dengan cara membakar ataupun dengan menggunkan pelucut cat sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Kemudiannya permukaan tesebut hendaklah dibersihkan dengan sempurna dan disapu dengan satu lapis cat asas aluminium untuk kayu diikuti dengan satu lapis cat alas dan kecuali selainnya ditentukan, disudahi dengan dua lapis cat kilat enamel.

3. Mengecat Kerja Logam

3.1 Mengecat Permukaan Baru Keluli dan Besi

3.1.1 Permukaan-permukaan yang hendak dicat hendaklah dibersihkan dan bebas daripada karat, keruping, minyak, gris, kotoran dan habuk. Satu lapis cat asas logam yang diluluskan hendaklah disapu diikuti dengan satu lapis cat alas dan kecuali jika selainnya ditentukan, hendaklah disudahi dengan dua lapis cat kilat enamel. Paip kotoran dan paip liang udara hendaklah dicat dengan cat asas seperti di atas dan disapu dengan dua lapis cat bitumen yang diluluskan.

3.2 Mengecat Semula Permukaan Lama Keluli dan Besi yang Lama

3.2.1 Di mana mngecat semula permukaan lama ditentukan, cara-cara berikut hendaklah dipatuhi. Jika permukaannya masih baik, ianya hendaklah digosok dengan kertas pasir halus mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P dan dimana perlu cat asas hendaklah disapu. Kemudian satu lapis cat alas hendaklah disapu dan kecuali jika selainnya ditentukan, disudahi dengan dua lapis cat kilat enamel. Sekiranya cat lama berada di dalam keadaan yang buruk, keseluruhan cat lama tersebut hendaklah ditanggalkan dengan menggunakan pelucut cat yang diluluskan atau dengan mengikis mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Permukaan itu hendaklah dibersihkan dengan sempurna dan kemudiannya disapu dengan satu lapis cat asas logam, satu lapis cat alas dan kecuali jika selainnya ditentukan, disudahi dengan dua lapis cat kilat enamel.

Dokumen Meja Terkawal

3.3 Mengecat Permukaan Baru Besi Bergalvani

3.3.1 Di mana kerja mengecat besi bergalvani yang baru ditentukan, permukaannya hendaklah disapu dengan satu lappis cat asas logam punaran sendiri yang cepat kering dan diikuti dengan satu lapis cat alas dan, kecuali jika selainnya ditentukan, hendaklah disudahi dengan dua lapis cat kilat enamel.

3.4 Mengecat Semula Permukaan Lama Besi Bergalvani

3.4.1 Di mana mengecat semula permukaan lama ditentukan, cara-cara berikut hendaklah dipatuhi. Jika permukaan tidak berkakis, ianya hendaklah digosok secara ringan dengan kertas pasir dan semua kotoran, minyak dan gris hendaklah dibersihkan dengan membasuh menggunakan pelarut yang diluluskan. Selepas permukaan itu kering ianya hendaklah disapu dengan satu lapis cat asas logam yang diluluskan diikuti dengan satu lapis cat alas dan, kecuali jika selainnya ditentukan, disudahi dengan dua lapis cat kilat enamel. Sekiranya permukaan telah terkakis, keseluruhan cat yang sedia ada hendaklah ditanggalkan dengan menggunakan pelucut cat yang diluluskan atau dengan mengikis sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Apabila permukaan telah dibersih dengan sepenuhnya, ianya hendaklah disapu dengan satu lapis cat asas logam yang diluluskan, satu lapis cat alas dan kecuali jika selainnya ditentukan, disudahi dengan dua lapis cat kilat enamel.

4. Mengecat Permukaan Berlepa/Batu

4.1 Mengecat Permukaan baru

4.1.1 Permukaan berlepa/baty yang baru hendaklah dibiarkan kering dengan sepenuhnya dan dibersihkan dan bebas dari habuk, kotoran, percikan lepa dan sebagainya. Bagi dinding lama yang belum bercat, sebarang cendawan lumut dan tumbuh-tumbuhan hendaklah juga ditanggalkan. Permukaan yang sudah dibersih itu hendaklah disapu dengan satu lapis cat asas kali serap perintang alkali yang diluluskan dan diikuti dengan dua lapis cat emulsi.

4.2 Mengecat Semula Permukaan Lama

4.2.1 Di mana mengecat semula permukaan lama ditentukan, cara-cara berikut hendaklah dipatuhi. Jika permukaan lama masih dalam keadaan baik, permukaan tersebut hendaklah dibasuh dan disapu dengan dua lapis cat emulsi. Jika permukaan cat lama telah rosak atau berkapur, cat tersebut hendaklah ditanggalkan dengan mengikis dan kemudiannya permukaan tersebut dibasuh. Semua keretakan dan lain-lain kecacatan hendaklah diperbaiki dan permukaannya dibiarkan kering sepenuhnya. Kemudian permukaan tersebut hendaklah disapu dengan satu lapis cat asas kalis serap perintang alkali yang diluluskan dan diikuti dengan dua lapis cat emulsi.

5. Rawatan Kepada Permukaan-Permukaan Kemas Sejati

5.1 Permukaan yang hendak disudahi tanpa berlapik seperti kerja bata muka, kerja konkrit muka atau batu-bata muka dan sebagainya hendaklah dibersih sepenuhnya, kering, bebas dari gris, habuk dan bahan-bahan terurai atau kelupas. Permukaan itu kemudiannya hendaklah dirawat dengan cecair jernih pencegah air yang berasaskan silikon yang diluluskan dan menepati Piawaian British B.S 3826 dan digunakan mengikut peraturan pembuat. Cecair tersebut hendaklah disapukan dengan berus dalam dua lapisan pada keseluruhan permukaan serta celah-celahnya.

6. Mengecat Bahan-bahan Berasaskan Kayu

6.1 Permukaan Chipboard

Sebelum mengecat semua lubang paku, retak dan sebagainya hendaklah ditampal dengan campuran timah putih dan dempul (1:3). Permukaannya hendaklah dilicinkan dengan mengguna kertas pasir halus dan dibersihkan daripada debu. Di mana permukaan hendak dikemaskan dengan cat enamel, satu lapis asas dan dua lapis cat kemasan daripada jenis

Dokumen Meja Terkawal

cat kilat enamel hendaklah digunakan. Jika permukaan hendak dikemaskan dengan cat emulsi, dua lapisan cat tersebut hendaklah digunakan. Di mana mengecat semula permukaan lama chipboard yang telah dikemaskan dengan cat enamel dikehendaki, cara-cara berikut hendaklah dipatuhi. Jika cat asal itu masih elok, ianya hendaklah digosok dengan kertas pasir halus mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Kemudian satu lapis cat asas hendaklah disapu diikuti dengan satu lapis cat enamel kilat. Di mana keretakan atau kelupas telah berlaku, keseluruhan cat yang asal hendaklah ditanggalkan dengan cara membakarnya mengikut sepertimana diluluskan oleh P.P. permukaan itu kemudiannya hendaklah dibersihkan dengan sempurna dan disapu dengan satu lapis cat asas dan dikemaskan dengan dua lapis cat kilat enamel. Di mana mengecat semula permukaan lama chipboard yang telah dikemaskan dengan cat emulsi dikehendaki, permukaan itu hendaklah dibersihkan dengan sempurna dan disapu dengan dua lapis cat emulsi.

6.2 Permukaan Kepingan Serau / Kepingan Keras

Sebelum mengecat kepingan serau/kepingan keras, semua lubang paku dan sebagainya hendaklah ditampal dengan dempul yang diluluskan. Permukaan itu kemudiannya hendaklah disapu dengan dua lapis cat emulsi kecuali jika selainnya ditentukan.

6.3 Permukaan Kepingan Kayu Simen

Permukaan yang hendak dicat hendaklah digosok secara ringan dengan kertas pasir dan sebarang habuk hendaklah disapu dari permukaan dengan kain kasar yang bersih. Sebarang sebatian yang digunakan untuk menampal hendaklah dari jenis perintang alkali.

7. Mengecat Kepingan Gipsum, Kepingan Asbestos dan Sebagainya.

7.1 Sebelum mengecat, permukaan yang hendak dicat itu hendaklah bersih dan bebas dari debu. Permukaan itu kemudiannya hendaklah disapu dengan dua lapisan cat emulsi. Cara yang sama hendaklah diikuti bila mengecat semula permukaan cat lama.

8. Mengecat Bahagian Atas Meja Makmal

8.1 Permukaan kayu bahagian atas meja makmal yang hendak dicat hendaklah disediakan sebagaimana dihuraikan sebelum ini untuk permukaan kayu. Permukaan itu kemudiannya hendaklah disapu dengan satu lapisan cat asas aluminium untuk kayu diikuti dengan satu lapis cat asas perintang kimia yang diluluskan dan dikemaskan dengan dua lapis cat kilat enamel perintang kimia yang diluluskan dan digunakan mengikut peraturan pembuat. Di mana mengecat semula permukaan kayu bahagian atas meja makmal dikehendaki, permukaan itu hendaklah digosok secara ringan dengan kertas halus. Permukaan itu kemudiannya hendaklah dibersihkan dengan sempurna dan disapu dengan satu lapis cat asas perintang kimia yang diluluskan diikuti dengan satu lapis cat kilat enamel perintang kimia.

9. Kerja Varnis

9.1 Memvarnis Permukaan Baru

Permukaan yang hendak disapu dengan varnis hendaklah dilicinkan dahulu dengan kertas pasir halus dan semua celah-celah, lubang-lubang dan sebagainya, jika ada hendaklah dipadat dengan tepung peputih yang diluluskan. Permukaan hendaklah bersih, kering, bebas dari habuk, kotoran dan lilin sebelum disapukan varnis. Kecuali jika selainnya diluluskan, permukaan tersebut hendaklah disapu dengan dua lapis bancuhan varnis yang diluluskan dan digunakan mengikut peraturan pembuat. Di mana bahan-bahan yang tidak berpaten dibenarkan untuk diguna, bancuhan varnis hendaklah mengandungi minyak spirit, syelek dan gandam yang diluluskan bagi lapisan pertama dan diikuti dengan satu lapis bancuhan yang diluluskan terdiri daripada pencair dan sampang. Bancuhan ini hendaklah keseluruhannya dari campuran yang seragam. Kecuali jika selainnya ditentukan, lapisan kemasan hendaklah berkilat.

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN N – KERJA-KERJA DISEKITAR BANGUNAN

Bahagian N.1 – Jalan Dan Dataran Kejat

1. Kehendak Am

1.1 Pembinaan jalan dan dataran kejat hendaklah dijalankan hanya selepas penyiapan semua kerja sistem perparitan, sesalur bekalan dan saluran-saluran yang boleh menjejas kerja tersebut melainkan jika dipersetujui selainnya oleh P.P.

2. Penyediaan Sub-gred

2.1 Penyediaan sub-gred hendaklah dijalankan sejurus sebelum lapisan asas dibina. Semua tanah yang lembut ataupun bahan yang tidak sesuai di paras sub-gred hendaklah dibuang dan digantikan dengan tanah yang bermutu ataupun bahan tambunan lain yang diluluskan.

